



**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**  
*SENATE*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

Soal Jawab mengenai Soalan Tambahan [Ruangan 4441]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 4441]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 1986 [Ruangan 4496]

**MALAYSIA**

**PARLIMEN KEENAM-DEWAN NEGARA**

***Penyata Rasmi Parlimen***

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

- Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, TAN SRI DATUK BEN STEPHENS, P.S.M.,  
S.P.D.K., B.E.M. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR  
MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMAD NOOR, J.M.N., S.M.T., P.P.T.  
(Dilantik).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATUK ABANG HAJI AHMAD URAI BIN  
DATU HAKIM ABANG HAJI MOHIDDEEN (Sarawak).  
TUAN ABDUL GHANI BIN HAJI OTHMAN (Dilantik).
- „ LT. KOL. (B) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM, S.M.S., K.M.N., P.I.S.  
(Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI LATIF (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N.  
(Dilantik).
- TOH MUDA DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M.  
(Dilantik).
- TUAN HAJI ABU BAKAR BIN LAJIM (Dilantik).
- TUAN AHMAD BIN OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K.  
(Kedah).
- PUAN HAJJAH AZIZAH BINTI MOHD. SAID (Dilantik).
- „ TUAN BEE YANG SEK (Kedah).
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).
- „ PUAN HAJJAH HABIBAH BINTI ABDUL GHANI, K.M.N., A.M.P.,  
A.M.N., P.J.K. (Pahang).
- „ TUAN HARUN BIN HASSAN (Terengganu).
- PUAN HASANAH BINTI HAJI MOHD KASSIM *alias* HASANAH  
FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K.  
(Terengganu).
- „ TUAN HASSAN BIN NAM (Dilantik).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN AHMAD (Dilantik).
- TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI UJANG (Negeri Sembilan).

- Yang Berhormat DATUK ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, D.S.P.N., A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ TAN SRI ISMAIL KHAN, P.M.N., P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik).  
TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik).  
DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).  
PUAN SRI JANAKI ATHINAHAPPAN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Dilantik).  
TUAN KEE YONG WEE (Dilantik).
- „ TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak).
- „ DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN KUAN PENG SOON *alias* KUAN PENG CHING (Perak).
- „ DATO K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.P.T., j.p. (Dilantik).  
TUAN LIM KEAN SIEW (Dilantik).
- „ CIK LIM SEAN LEAN *alias* LIM HIANG NAI, K.M.N. (Dilantik).  
DATUK LOH FOOK YEN, D.S.I.J., P.P.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN Loo SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).  
TUAN HAJI MOHD. NOOR BIN HAJI ABDULLAH (Kelantan).  
TUAN MOHD. NOORDIN BEDAH, P.J.K., P.J.B. (Perlis).  
TUAN MOHD. YUSOFF BIN KASSIM (Perak).
- „ TUAN MOHD. YUSOFF *alias* YUSOF HAJI MD. NOR (Kelantan).
- „ TUAN NASIR BIN HAJI MANAP, A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).  
TUAN NG AH POI, P.P.N., J.P. (Melaka).  
DATO DR K. S. NIJHAR (Dilantik).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN (Selangor).
- „ TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).  
DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).  
PUAN ROKIAH *alias* MAIMUN BINTI ZAINUDDIN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).

Yang Berhormat TAN SRI C. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik).

TUAN HAJI SHAHAROM BIN HAJI MAASOM, A. M. N. , P. J. K.  
(Dilantik).

TUAN A. SHAIK DAWOOD ABU BAKAR *alias* A. S. DAWOOD  
(Dilantik).

TUAN STEPHEN TIMOTHY WAN ULLOK (Dilantik).

TUAN HAJI SHUAIB BIN LAZIM (Dilantik).

TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).

„ TUAN TAY CHEE KING, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor).

„ TUAN TIONG HIEW KING (Dilantik).

„ TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik).

TUAN WONG YAU KET(Sabah).

DATO HAJI ZAKARIA BIN HAJI YAHYA (Selangor).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

#### *Pemberita-pemberita:*

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu.

## MALAYSIA

## DEWAN NEGARA

Jumaat, 13hb Disember, 1985

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang*

## DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mem-  
perkerusikan Mesyuarat)*PENGUMUMANTUAN  
YANG DI-PERTUASoal Jawab mengenai Soal-an  
Tambahan

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, apabila mengemukakan soalan tambahan diminta membuat soalan tambahan dalam erti kata yang sebenarnya dan bukan membuat ucapan. Selain daripada itu, soalan tambahan itu hendaklah pendek dan ada kaitan dengan soalan asal sebagaimana yang diperuntukkan dalam Peraturan Mesyuarat 23 (2).

Saya meminta Ahli-ahli Yang Berhormat memberi kerjasama ini dengan tujuan semoga lebih ramai Ahli-ahli Yang Berhormat dapat mengambil bahagian dalam soal jawab dan demikian juga Yang Berhormat Menteri-menteri yang hadir dalam Dewan dapat menjawab seberapa banyak soalan yang boleh setiap hari Persidangan.

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ng Ah Poi.

**Tuan Bee Yang Sek:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 1.

MAS-PENERBANGAN KELIMA  
KE ENGLAND

1. **Tuan Bee Yang Sek** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) bilakah Penerbangan Kelima ke England bagi Sistem Penerbangan MAS akan dilancarkan;
- (b) adakah penerbangan ini menguntungkan; dan
- (c) apakah jenis kapal terbang yang akan digunakan.

**Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (a), Sistem Penerbangan Malaysia bercadang untuk melancarkan penerbangan kelima ke London pada bulan Julai, 1986.

(b) penerbangan kelima MAS ke London akan memberi capacity tambahan untuk MAS membawa lebih ramai penumpang-penumpang pada sektor tersebut. Adalah dijangkakan bahawa dengan adanya penerbangan tersebut, MAS akan dapat memperolehi pendapatan tambahan. Walau bagaimanapun, pendapatan tambahan ataupun keuntungan yang sebenar adalah tertakluk kepada permintaan trafik udara di pasaran bagi sektor yang berkenaan kelak.

(c) Jenis pesawat yang akan digunakan untuk penerbangan kelima ialah pesawat jenis Boeing 747 COMBI yang akan dapat mengangkut seramai 293 orang penumpang dan 43 tan kargo dalam setiap perjalanan.

**Tuan Abdul Hamid bin Haji Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, boleh jadi soalan tambahan saya ini terkeluar sedikit daripada soalan asal tetapi saya ingin hendak mengambil peluang ini untuk menanya Yang Berhormat Menteri iaitu baru-baru ini kita telah dimaklumkan bahawa Kerajaan akan membenarkan pihak-pihak lain daripada MAS untuk menjalankan perusahaan penerbangan di dalam Malaysia. Jadi bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi sedikit keterangan berkenaannya.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, ini di luar dari soalan, tetapi dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, jikalau boleh saya jelaskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Sebenarnya, ada juga syarikat swasta perkhidmatan udara yang telah menjalankan perkhidmatan di dalam negeri ini, khasnya syarikat MAC ataupun dengan izin, Malaysian Air-Charter yang telah diberi lesen oleh Kementerian Pengangkutan supaya mengadakan beberapa perkhidmatan udara dari Singapura misalnya ke Melaka, ke Pulau Tioman dan dari Kuala Lumpur ke Kerteh dan sebagainya.

Dan memang menjadi hasrat Kerajaan supaya jikalau ada syarikat-syarikat swasta, melainkan dari penerbangan MAS yang hendak mengadakan perkhidmatan itu jikalau mereka berminat bolehlah memohon kepada Kementerian supaya Kementerian menimbangkan permohonan itu. Tetapi setakat ini Kementerian tidak memberi lesen kepada syarikat-syarikat lain melainkan syarikat-syarikat yang tertentu yang menjalankan perkhidmatan-perkhidmatan yang tertentu, seumpamanya ada juga perkhidmatan udara yang memberi perkhidmatan kepada ladang-ladang estet misalnya untuk membuat sesuatu.

**Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri iaitu setelah MAS mendapat hak mendarat yang kelima, adakah British Airways juga mendapat hak pendaratan yang serupa ke Malaysia ataupun bilangan hak mendarat dari British Airways ini berkurangan dan adakah MAS juga dibenarkan mengangkut penumpang sepertimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, hanya 293 orang sedangkan pesawat Boeing 747 boleh mengangkat di antara 300 sehingga 400 penumpang. Adakah ini merupakan sebagai syarat yang dikenakan oleh British Airways yang mana MAS tidak dibenarkan mengangkut sepenuhnya penumpang ke London.

Dan juga dalam perangkaan Kementerian bila mana perkhidmatan MAS yang kelima ke London ini, berapa ramaiakah dijangka penumpang-penumpang dari London ke Kuala Lumpur dalam masa setahun ini, dari segi tambahan penerbangan yang kelima.

Dan juga soalan saya yang keempat, Tuan Yang di-Pertua, berapakah tambang pergi dan balik dari Kuala Lumpur ke London dan dari London ke Kuala Lumpur.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, tentang hak United Kingdom supaya perkhidmatan udara mereka iaitu British Airways, mereka juga diberi hak untuk mendarat di Kuala Lumpur 5 kali, ini bermakna adalah hak-hak ditukar ataupun adanya reciprocal rights. Tidak ada syarat yang akan menghadkan penumpang-penumpang dari segi Malaysian Airline System ataupun dari segi British Airways, iaitu perkhidmatan udara Malaysia boleh mengangkut beberapa penumpang yang boleh ke London dan sebaliknya. Apa yang menjadi satu masalah sekarang ini ialah MAS tidak ada

mencukupi tempat untuk mengangkut barang-barang perniagaan (cargo space) dalam kapal terbang yang sedia ada dan apabila MAS dapat peluang untuk mendapat satu kapal terbang yang baharu MAS mengambil peluang itu untuk membeli jenis B747 COMBI (Combine Cargo and Passenger Plane) supaya MAS bolehlah mengangkut barang-barang ke London dan sebaliknya dengan adanya jenis pesawat seperti ini dan 293 orang penumpang ialah supaya MAS boleh dapat lebih tempat untuk mengangkut barang-barang.

Sama ada saya boleh memberi satu estimate atau jangkaan tentang keuntungan apabila MAS melancarkan perkhidmatan udara ke 5 itu, sukar setakat ini untuk berbuat demikian oleh kerana ini tertakluk kepada keadaan ekonomi dan sebagainya. Tetapi dalam jangkaan bila kita buat estimate itu kita harap bahawa MAS akan dapat memperolehi keuntungan apabila dapat penerbangan ini.

Tentang harga tiket-tiket dan sebagainya, saya harap bahawa kalau izinkan saya, saya akan memberi butir-butir ini secara bertulis kepada Yang Berhormat itu oleh kerana ada terdapat berbagai-bagai jenis perkhidmatan ini ada economy class, ada business class, ada first class dan ada juga group travel dan sebagainya, ada banyak kategori yang saya akan menyampaikan kepada Ahli Yang Berhormat.

**Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

**Tuah Mohd. Yusoff bin Haji Md. Nor:** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Toh Muda Dr Abdullah. Saya nampak dia dahulu. Siapa yang saya nampak dahulu, Ahli itulah saya beri peluang dahulu.

**Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, kita difahamkan bahawasanya harga tiket-tiket MAS untuk penerbangan antarabangsa di antara yang tertinggi sekali dibandingkan dengan harga-harga tiket yang dikeluarkan oleh lain-lain kapal terbang, contohnya Singapore Airlines dan sebagainya. Mengapakah ini terjadi oleh kerana kita sekarang ini sedang ghairah untuk menggalakkan pelancongan dalam negara kita ini? Tidakkah pihak Kerajaan bercadang untuk mengurangkan harga-harga tiket MAS dalam penerbangan antarabangsa?

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah soalan ini bersangkutan dengan soalan asal atau tidak? Cuba ulangkan lagi apakah pertanyaannya itu.

**Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Harga tiket-tiket MAS dalam penerbangan antarabangsa, Tuan Yang di-Pertua, difahamkan adalah amat tinggi jika dibandingkan dengan tiket-tiket kapal terbang yang dikeluarkan oleh lain-lain kapal terbang. Mengapakah ini berlaku dalam keadaan yang mana Kerajaan sedang menggalakkan pelancongan dalam negara? Tidakkah Kerajaan bercadang untuk mengurangkan harga pembelian tiket?

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya harga-harga tiket MAS dengan harga-harga tiket yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa negara lain tertakluk kepada satu perjanjian dicapai dalam bidang ICAO (International Civil Air Organisation). Tetapi walaupun ada perjanjian tersebut ada jugalah syarikat-syarikat tertentu yang memberi kemudahan discount dan sebagainya dan ada juga discount itu diberi under the counter. Oleh kerana perkhidmatan antarabangsa ini satu perkhidmatan



saling competitive MAS juga mengambil perhatian amalan ini dan juga boleh berunding kadangkala.

**Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Md. Nor:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baharu-baharu ini adasaya terbaca dalam suratkhbar mengatakan bahawa Syarikat Rolls Royce akan mendakwa Kerajaan Malaysia ataupun MAS.

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta maaf, Ahli Yang Berhormat. Pada mulanya tadi saya sudah minta kerjasama-adakah perhubungan dengan soalan asal?

**Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Md. Nor:** Ini ada hubungan. Saya hendak tahu, sama ada perkara ini akan menjejaskan penerbangan ke 5 yang kena-mengena dengan pertanyaan ini?

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, tidak akan menjejaskan oleh kerana perjanjian ini ialah di antara Kerajaan dengan Kerajaan iaitu Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Britain dan tidak ada berkaitan dengan Syarikat Rolls Royce secara langsung.

#### LAWATAN TIMBALAN MENTERI KEEROPAHTIMUR-TUJUAN

2. **Tuan Ahmad bin Othman** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian hasil lawatan Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian Y.B. Dato' Oo Gin Sun baru-baru ini ke Negara Eropah Timur, iaitu Russia, Poland, Yugoslavia dan Republik Demokratik Jerman dan adakah benar lawatan itu bermaksud untuk menarik pelaburan pasaran Eropah Timur di Negara Malaysia.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohbn izin menjawab bagi pihak Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, lawatan Yang Berhormat Dato' Oo Gin Sun ke USSR, Poland, Yugoslavia dan Republik Demokratik Jerman pada 14hb September hingga 7hb Oktober tahun ini adalah bertujuan mengetuai rombongan perdagangan jual/beli untuk menggalakkan pengeksporan barang-barang keluaran Malaysia serta meninjau dan mengenalpasti barang-barang yang mungkin boleh diimport dari negara-negara tersebut ke Malaysia. Di samping itu, Yang Berhormat Dato' Oo Gin Sun juga telah mengetuai perwakilan Maiaysia ke Mesyuarat Ketiga Suruhanjaya Bersama Malaysia/Republik Demokratik Jerman di Berlin Timur.

Rombongan Perdagangan tersebut telah mendapat hasil jualan semasa sebanyak \$6 juta. Jualan yang dibuat terdiri dari bijih timah sebanyak \$5 juta ke Yugoslavia dan keluaran koko iaitu "cocoa powder" dan "cocoa massa" \$1 juta ke USSR dan Poland. Sementara itu jualan dalam rundingan akan ditentukan hasilnya selepas tindakan susulan diambil termasuk penghantaran contoh dan sebutharga.

Di samping menggalakkan barang-barang eksport Malaysia para peserta rombongan juga telah mengambil kesempatan untuk meninjau serta mengenalpasti barang-barang keluaran USSR, Poland, Yugoslavia dan Republik Demokratik Jerman yang mungkin boleh diimport. Buat permulaan rombongan telah membeli barang-barang bernilai \$550,000 yang terdiri dari traktor untuk kegunaan pertanian dari USSR dan alat-alat jentera pemerosesan koko bernilai \$300,000 dari Republik Demokratik Jerman. Rombongan juga mengenal pasti barang-barang seperti kertas, sulphur, tepung, susu, bahan-bahan kimia, baja, minyak petroleum mentah, barang-barang makanan dan perabot yang mungkin boleh diimport ke Malaysia.

Semasa lawatan rombongan perdagangan jual/beli ke Berlin Timur di Republik Demokratik Jerman, Mesyuarat Ketiga Suruhanjaya Bersama Malaysia/Republik Demokratik Jerman telah diadakan di Berlin Timur mulai 30hb September hingga 3hb Oktober, 1985 di mana cara-cara bagaimana hendak meningkat dan mengeratkan lagi hubungan dagangan dua hala di antara Malaysia/Republik Demokratik Jerman telah dibincangkan.

**Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah seperti berikut. Apabila membuat perdagangan dengan negara-negara Eropah Timur ini biasanya perdagangan adalah dalam bentuk counter-trading dan ini terbukti dengan adanya counter-trading yang begitu tinggi nilainya antara negara-negara tersebut dengan negara-negara Eropah Barat. Oleh yang demikian, soalannya ialah apakah langkah Kerajaan ataupun apakah pendekatan Kerajaan supaya memudahkan lagi perjalanan counter-trading antara kita dengan negara-negara Eropah Timur ini bukan sahaja di peringkat antara Kerajaan dengan Kerajaan bahkan juga antara swasta dengan swasta?

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, perdagangan dengan negara-negara Eropah Timur tidak semestinya berjalan secara counter-trade. Walau bagaimanapun, sebagai satu polisi perdagangan negara kita menggalakkan counter-trade ini supaya tidak banyak keluaran aliran wang tunai kita dari negara ini ke negara luar. Jadi ertinya, counter-trade ini bukan hanya dibuat dengan satu-satu negara sama ada negara komunis ataupun tidak komunis.

**Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman:** Tuan Yang di-Pertua, kita boleh berdagang dengan negara tersebut dengan cara perdagangan biasa di mana pembayaran dibuat dengan

secara tukaran wang yang kita ada dan tukaran wang yang mereka ada, tetapi kecenderungan biasanya adalah dalam bentuk counter-trade untuk negara-negara seperti yang disebutkan dalam soalan ini. Jadi kalau begitu, saya meletakkan harapan supaya pihak Kementerian yang berkenaan dan seterusnya bertanya apakah langkah-langkah untuk melengkapkan lagi perdagangan secara counter-trade kita?

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Ertinya bukanlah counter-trade ini yang ditujukan khas kepada negara-negara Eropah Timur. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dari segi counter-trade ini sebenarnya memang polisi atau dasar Kerajaan supaya semua, kalau boleh dan di mana boleh, khususnya dari segi mengelakkan keluaran wang tunai ini, maka diperlukan seumpamanya di dalam tender-tender yang kita beri, kita beri keutamaan kepada negara-negara yang boleh membeli barang-barang kita ini ataupun yang boleh diberi tender dengan syarat ataupun kalau sekiranya mereka ini boleh menerima pembayaran itu melalui barang-barang. Dari segi mekaniknya, saya difahamkan bahawa ada satu Bahagian di dalam Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang mengendalikan sebagai Clearing House, dengan izin, berkenaan dengan counter-trade ini. Dari segi detailnya, saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat saya sampaikan, saya berharap Yang Berhormat boleh selepas ini menulis kepada Kementerian berkenaan supaya jawapan yang terperinci dapat diberi oleh Kementerian berkenaan.

#### **KONTRAK KERAJAAN - TUJUAN TENDER**

3. **Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar terdapat beberapa projek Kerajaan yang ditawarkan melalui tender

termurah tetapi apabila projek tersebut siap dibina harganya meningkat lebih jauh dari nilai tawaran asal; dan

- (b) adakah satu kajian yang menyeluruh dan mendalam dilakukan untuk menentukan sama ada kaedah penawaran tender cara ini menguntungkan pihak Kerajaan dan kontraktor.

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan,

- (a) Adalah satu perkara biasa bagi kontrak-kontrak kerja yang berasaskan Bills of Quantities, dengan izin, di mana harga kontrak terakhir adalah lebih tinggi daripada harga kontrak asal. Kuantiti-kuantiti yang ditenderkan adalah berasaskan kepada anggaran kuantiti yang ditetapkan di dalam borang tender. Ada kalanya kuantiti-kuantiti terakhir ini telah meningkat atas sebab-sebab tertentu seperti keadaan tanah dan sebagainya. Seterusnya, harga kontrak-kontrak adalah tertakluk kepada perubahan harga mengikut formula perubahan harga yang ditetapkan dalam borang tender. Di antara bahan-bahan yang terlibat ialah seperti bahan bakar dan sebagainya. Dengan ini perubahan harga kontrak ini bukanlah disebabkan oleh pemilihan harga yang termurah. Perubahan harga ini akan tetap berlaku sekiranya tawaran yang bukan termurah terpilih.
- (b) Tujuan utama di dalam mana-mana tender adalah untuk mendapatkan harga yang terbaik oleh Kerajaan atau pihak yang memanggil tender. Dengan yang demikian di dalam tender-tender Kerajaan, tawaran yang termurah setelah dinilai dan merupakan bayaran terbaik adalah

diterima. Mengikut kriteria yang digunakan, tawaran-tawaran yang dipilih ini adalah tawaran-tawaran yang paling menguntungkan Kerajaan.

#### ADEGAN GANAS DI RTM DAN TV3

4. **Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar** minta Menteri Penerangan menjelaskan apakah Kementerian itu tidak sedar terdapat adegan-adegan ganas dan liar dalam filem-filem yang ditayangkan oleh RTM di semua saluran terutama TV3 sehingga Perdana Menteri sendiri terpaksa mengarahkan Kementerian berkenaan supaya mengurangkannya. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh RTM terhadap arahan Perdana Menteri itu.

**Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sentiasa berwaspada terhadap adegan-adegan ganas dan liar yang terdapat dalam filem-filem terutama filem-filem yang diimport. Jikalau filem-filem itu mempunyai terlalu banyak adegan-adegan seumpama itu, maka filem-filem itu tidak ditayangkan untuk siaran. Sebaliknya, jika adegan-adegan yang sedemikian cuma sedikit dan boleh dipotong dan disunting tanpa merosakkan jalan ceritanya, maka filem tersebut disiarkan selepas suntingan-suntingan yang perlu dilakukan.

Oleh kerana bilangan filem yang ditayangkan di TV begitu banyak, saya akui kadangkala ada adegan-adegan yang sedemikian yang terlepas dari suntingan pihak Penapis Filem, tetapi keadaan begitu berlaku hanya jarang-jarang sekali. Saya sukalah memberi pengakuan di sini bahawa Kementerian saya akan terus berwaspada dalam soal ini dan Kementerian saya telah pun menyampaikan arahan yang sama kepada pihak TV kita.

**Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya suka ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan iaitu selain daripada filem-filem yang diimport, di sini saya suka menyentuh tentang rancangan dalam program tempatan, iaitu adakah Yang Berhormat sedar program selepas Azan Maghrib, iaitu siaran pada malam Selasa yang tepat, biasanya selepas Azan ini diikuti dengan lagu dakwah. Jadi seorang penyanyi dakwah menyanyikan sebuah lagu, kemudian diikuti oleh seorang artis iaitu Sudirman dan kemudian diikuti pula oleh seorang penyanyi artis wanita dengan lagu dan tarian yang begitu lucu, sedangkan dalam waktu Azan dan seseorang sedang membuat fardu Maghrib ini belum pun selesai membaca doa, sedangkan tarian lucu itu sudah disiarkan di dalam kaca TV. Tidakkah Yang Berhormat sedar bahawa dalam waktu-waktu saat umat Islam mengerjakan sembahyang Maghrib, di waktu itu juga program-program lucu ini diikuti. Jadi adakah Yang Berhormat sedar iaitu supaya program seperti ini pada masa-masa yang akan datang selepas Azan Maghrib bolehkah digantikan dengan membaca ayat-ayat suci al-Quran, selepas itu barulah diikuti dengan program yang lain.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan siasat perkara ini. Jikalau apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator tadi benar, tentulah kita akan membetulkan dan mengisikan dengan program lain.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan apakah takrif adegan ganas, liar dan apakah garis panduan yang dipakai oleh pihak Penyunting TV menentukan tentang liar dan ganas sesuatu filem itu?

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, barangkali ini berkehendakkan satu gambaran yang "detailed" atau didetailkan. Lembaga Penapis Pitem atau Jawatankuasa Penapis Pilem di dalam Kementerian ada mempunyai garisan atau "guidelines" untuk menyunting filem-filem itu. Ini secara teknikal, saya tidak dapat memberikan satu cara yang tepat tetapi walau bagaimanapun ada garis panduan yang membezakan adegan yang lucu, adegan yang ganas, adegan yang liar dan sebagainya.

**Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, berapa orangkah ahli Jawatankuasa Penapis Filem itu dan adakah di dalam Jawatankuasa itu orang yang berkelulusan agama?

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, saya tidak ada detail di sini untuk Lembaga Penapis Pilem itu, tetapi walau bagaimanapun untuk satu-satu filem itu dapat dibenar ditayangkan, filem-filem itu kalau diimport daripada luar mestilah melalui Lembaga Penapis Filem dahulu. Itu adalah di bawah jagaan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Selain daripada itu di dalam Kementerian kita sendiri juga, kita ada satu Jawatankuasa yang mana dapat menapis kali kedua. Kalau melalui dua penapis ini masih ada adegan-adegan yang tidak menyenangkan mata kita, kita tentulah kena ketatkan lagi. Ini bermakna kita akan menggunakan gunting kita lebih berat dan lebih tepat untuk masa akan datang.

**Tuan Haji Mohamad bin Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri yang berkenaan, terdapat adegan-adegan sebagaimana yang kita tahu yang begitu serius. Saya ingin tahu daripada negara manakah, yang banyak mengeluarkan adegan-adegan ganas dan seks ini?

**Dato' Chan Siang Sun:** Filem-filem yang dapat kita importkan di masa ini yang mana mempunyai adegan-adegan yang ganas itu kebanyakannya daripada Amerika Syarikat. Oleh kerana perusahaan filem di Amerika Syarikat sangatlah besar dan eksport daripada mereka itu sangat banyak, kalau dibandingkan dengan filem-filem yang lain dari segi adventure, dari segi detective dan sebagainya, barangkali filem dari Amerika ada "style" lebih sedikit, ada gaya lebih sedikit, dan juga peminat-peminat lebih berminat terhadap filem-filem itu. Oleh sebab itulah kita pada masa ini atau penonton-penonton masih berminat terhadap filem-filem dari Amerika Syarikat itu.

Berkenaan dengan keganasan dalam filem, ada kadangkala adegan-adegan itu, jikalau cuma sekejap sahaja tidak dipanjangkan tayangan itu, barangkali kadang kala boleh dibenarkan. Tetapi jikalau ada rompak, tembakan yang secara direct, secara dekat atau face to face, itu tentulah tidak menggambarkan satu gambaran yang baik untuk penonton dan ini kita selalu memberi arahan kepada Lembaga dan juga Jawatankuasa Penapis Filem supaya adegan-adegan itu mestilah dipotongkan daripada filem-filem itu.

**Tuan Fadzil bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya terbaca dalam surat khabar mengatakan ada setengah-setengah penulis mengatakan meminta pihak Kementerian Penerangan supaya menyangkan filem-filem seks sekurang-kurangnya sebulan sekali. Adakah pihak Kementerian akan menerima permohonan daripada pihak akhbar itu.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, itu daripada surat khabar sahaja. Kalau ada permintaan yang normal secara direct kepada Kementerian tentulah kita akan boleh

mengambil tahu perkara ini dan membenar atau tidak, itu tentu kita kena bincangkan dahulu.

#### RANCANGAN PEMASARAN BERSEPADU

5. **Tuan Jaafar bin Harun** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejauh manakah keberkesanan Rancangan Pemasaran Bersepadu yang telah dijalankan oleh Kerajaan pada peringkat pertama ia diusahakan. Apakah usaha-usaha yang telah, sedang dan akan dijalankan oleh Kerajaan terhadap pengusaha-pengusaha bumiputera supaya barang-barang keluaran mereka akan lebih bermutu serta mendapat pasaran yang lebih luas lagi.

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab bagi pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, agak sukar bagi Kementerian memberi jawapan yang tepat mengenai keberkesanan pelaksanaan Program Pemasaran Bersepadu di peringkat pertama ini. Ini adalah kerana, pertamanya program ini baru setahun dan pelaksanaan peringkat pertama ini masih berjalan. Keduanya, Kementerian tidak mempunyai angka-angka mengenai penjualan barangan tersebut sebelum program itu dilaksanakan, dan dengan yang demikian tidak dapat membuat satu perbandingan untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan konsep ini.

Walau bagaimanapun, saya yakin kuantiti pengedaran dan penjualan barangan-barangan berkenaan telah bertambah dari sebelumnya. Ini adalah kerana saluran pengedaran telah menjadi lebih luas di mana PERNAS-EDAR dapat menyalurkan barangan-barangan itu melajui kedai-kedai jimat di bawahnya iaitu sebagai saluran pengedaran dan penjualan tambahan

kepada apa yang telah dilakukan sendiri oleh pengusaha-pengusaha masing-masing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya, sehingga akhir bulan September lalu, sebanyak sepuluh jenis barangan yang melibatkan 21 pengusaha dengan nilai lebih dari \$900,000 telah dipasarkan di bawah program ini dan usaha-usaha untuk menambah jenis barangan dan bilangan usahawan adalah dipertingkatkan lagi.

Mengenai mutu, sebenarnya barangan-barangan keluaran usahawan kecil bumiputera ini adalah tidak kurang bermutu bahkan setengah-setengahnya adalah lebih baik dari yang dikeluarkan oleh pengusaha-pengusaha besar ataupun bukan bumiputera. Walau bagaimanapun, di dalam soal ini, agensi-agensi teknikal seperti MARDI dan SIRIM telah memainkan peranan yang penting di dalam memastikan mutu keluaran bumiputera ini terjamin di mana khidmat nasihat, tunjuk ajar dan juga ujian-ujian ke atas barangan yang dikeluarkan adalah dibuat oleh agensi-agensi tersebut bagi memastikan bukan sahaja ianya bermutu tetapi juga memastikan mutunya sentiasa "consistent", dengan izin. Selain dari itu skim "anak angkat" adalah juga dilaksanakan oleh agensi-agensi tersebut di mana perhatian yang boleh dikatakan sebagai sepenuh masa adalah diberi kepada pengusaha-pengusaha berkenaan.

Usaha-usaha ini, sebenarnya telah dilaksanakan bahkan telah dipertingkatkan lagi berikutan dengan berkuatkuasanya Peraturan Makanan, 1985, Akta Makanan 1983. Ini adalah bagi memastikan keluaran makanan bumiputera dapat memenuhi kehendak dan syarat-syarat Peraturan Makanan tersebut. Bila ini telah tercapai, adalah diyakinkan barang-barang makanan keluaran bumiputera akan dengan sendirinya mendapat

pasaran yang lebih luas bukan sahaja di pasaran dalam negeri tetapi juga mungkin pasaran di luar negeri.

## BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH-SEKOLAH

6. **Tuan Tiong Hiew King** minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk mempertahankan mutu bahasa Inggeris sambil meninggikan mutu Bahasa Kebangsaan di sekolah-sekolah menengah di negeri Sarawak.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis)**; Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sentiasa mengambil langkah-langkah yang positif untuk mempertingkatkan mutu bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah di seluruh negara. Di Sarawak, beberapa langkah telah diambil untuk mempertingkatkan mutu pelajaran bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Langkah-langkah itu ialah:

- (1) Menempatkan seorang Penasihat bahasa Inggeris (Key English Language Teacher-KELT) di Jabatan Pelajaran Sarawak untuk menolong mengendalikan rancangan pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris sambil mengendalikan kursus-kursus dalam perkhidmatan bagi guru-guru bahasa Inggeris di Sarawak. Satu rancangan untuk menempatkan pegawai-pegawai KELT ini di satu atau dua Bahagian di Sarawak sebagai tambahan kepada pegawai yang sedia ada sedang diuruskan.
- (2) Mengadakan program Rancangan Bacaan Bahasa Inggeris (English Language Reading Programme) di beberapa buah sekolah menengah di Sarawak. Adalah diharapkan program ini akan

menolong meningkatkan lagi mutu bahasa Inggeris di kalangan murid-murid.

- (3) Menerbitkan buku-buku panduan bagi guru-guru bahasa Inggeris di Sarawak bertajuk "Teaching Structure in Form One" yang bertujuan memberi panduan secukup-cukupnya kepada guru-guru dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris di Tingkatan Satu.
- (4) Menempatkan guru-guru Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris yang terlatih dari Semenanjung untuk berkhidmat di Sarawak.
- (5) Mengadakan kursus dalam perkhidmatan bagi meningkatkan kemahiran guru-guru Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris,
- (6) Kementerian Pelajaran dan Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sarawak dalam semua hal berhubung dengan pelaksanaan dasar-dasar mengenai bahasa.

**Tuan Tiong Hiew King:** Soalan tambahan. Berapakah jumlah guru-guru Bahasa Malaysia dan Inggeris yang terlatih di Sabah dan Sarawak?

**Tuan Bujang bin Haji Uli:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan guru-guru Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris yang terlatih yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak pada masa ini ialah bagi sekolah rendah tahun 1985; 30 orang guru Bahasa Malaysia, 60 orang guru bahasa Inggeris. Sekolah menengah golongan siswazah tahun 1984; 17 orang guru Bahasa Malaysia, 44 orang guru bahasa Inggeris. Tahun 1985; 22 orang guru Bahasa Malaysia, 8 orang guru Bahasa Inggeris. Bagi sekolah menengah yang bukan siswazah untuk tahun 1984; 49 orang

guru Bahasa Malaysia, 18 orang guru bahasa Inggeris dan untuk tahun 1985; 54 orang guru Bahasa Malaysia, 10 orang guru bahasa Inggeris.

**Dato G. Pasamanickam:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah sebab-sebabnya sekolah-sekolah yang berasrama penuh, dengan izin, "residential schools" mendapat lebih masa dari sekolah-sekolah biasa dalam mendapataa, masa tambahan untuk mata pelajaran bahasa Inggeris dan bolehkah kemudahan ini dilanjutkan kepada sekolah-sekolah biasa?

**Tuan Bujang bin Haji Uli:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf kerana saya tidak begitu sedar mengenai perkara ini. Saya mohon untuk menjawab secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Fadzil bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengenai dengan guru-guru yang mengajar di Sarawak, saya ingin tahu berapa lamakah guru-guru yang mengajar di Sarawak ini datang daripada Malaysia Barat?

**Tuan Bujang bin Haji Uli:** Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang mengenai angka ini, sebenarnya saya betulkan, sekarang kita tak gunakan lagi "Malaysia Barat", kita gunakan "Semenanjung Malaysia" dan juga Sabah dan Sarawak, iaitu terminology yang kita gunakan. Tetapi mengenai jumlah ini yang tepat, saya mohon maaf Ahli Yang Berhormat, bukan kerana saya tak tahu, tetapi tak diberi amaran dahulu. Kalau diberi amaran dahulu, insya Allah, saya bawa ke sini, saya boleh bari kepada Yang Berhormat. Saya mohon notis untuk soalan ini.

**Tuan Haji Hussein bin Ahmad:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kita bersetuju bangsa kita belajar semua bahasa, sekalipun bahasa yang digunakan oleh bangsa Eskimo di utara. Saya hendak tahu apakah telah menjadi dasar Kementerian Pelajaran sekarang hendak mempertahankan bahasa asing dan kalau ini telah berlaku, apakah Dasar Pelajaran Razak telah dipinda yang telah dipersetujui oleh semua peringkat dan golongan masyarakat di dalam negara ini?

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, dasar kita masih sebagaimana juga dalam Laporan Razak, iaitu menentukan supaya kita mengadakan satu Bahasa Kebangsaan yang digunakan di sekolah-sekolah kita menentukan supaya dasar bahasa ini akan dapat ditujukan kepada menyatupadukan rakyat, menanam semangat cintakan tanahair di kalangan rakyat Malaysia supaya di satu ketika nanti semua kita boleh berbahasa Malaysia dan supaya hasrat kita untuk menyatupadukan bangsa akan dapat kita capai.

Hasrat untuk mempertingkatkan mutu bahasa Inggeris juga adalah salah satu daripada hasrat kita supaya kita dapat melahirkan rakyat dan jenerasi muda kita yang mempunyai pengetahuan mengenai bahasa. Sabda Rasulullah s.a.w. yang kita selalu dengar ialah, maksudnya: Tuntutlah kamu ilmu sekalipun ke Negeri China. Ilmu termasuk juga pembentukan bahasa, jadi tidakkah kita ingin bangsa kita menjadi satu bangsa yang mengetahui banyak bahasa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim.

**Tuan Haji Mohamed bin Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, pertanyaan No. 7.

## BENIH PADI-JENIS DIGUNAKAN

7. **Tuan Haji Mohamed bin Yahya** (*di bawah S. O. 23 (2)*) minta Menteri Pertanian menjayatakan sama ada beliau sedar bahawa jenis benih padi yang digunakan dan ditanam di Indonesia telah menjadikan negara tersebut bukan sahaja menguasai bekalan berasnya tetapi membolehkan negara tersebut mengeksport ke negara-negara lain di samping mengeluarkan mutu beras panjang dan baik dan jika sedar, sama ada beliau akan menggunakan jenis yang sama di negara ini.

16-12-85

31. **Dato Kamaruzaman bin Ahmad** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau berpuas hati dengan benih padi yang digunakan oleh petani-petani kita dan sama ada beliau akan menggalakkan petani-petani menggunakan benih padi yang digunakan oleh petani-petani di Indonesia.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan);** Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk menjawab soalan yang sama dengan soalan pada 16hb Disember, 1985 daripada Yang Berhormat Dato Kamaruzaman bin Ahmad kerana kedua-dua soalan adalah lebih kurang sama soalan dan jawapannya pun sama.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan memang sedar dan juga memang benar Indonesia telah mengeluarkan padi lebih daripada keperluan negaranya, iaitu sebanyak 26 juta metrik tan yang merupakan 20% lebih daripada keperluan negara itu. Ini adalah kerana Indonesia yang pada satu ketika dahulu mengimport beras dan telah berazam untuk mengeluarkan beras yang cukup bagi mengutamakan aspek kuantiti pengeluarannya.



Jenis-jenis yang ditanam di Indonesia kebanyakannya adalah jenis-jenis padi yang dihasilkan di IRR1 Philippines seperti JR36, IR42 dan akhir-akhir ini IR60 dan IR64.

Jenis-jenis di atas tidak menghasilkan beras yang bermutu tinggi. Kebanyakannya hanyalah mengeluarkan beras bermutu sederhana atau kurang baik. Malahan Indonesia tidak berupaya mengeksport beras-beras lebihannya kerana beras mutu yang baik sahaja yang diperlukan di pasaran dunia. Ini telah menyulitkan Kerajaan Indonesia oleh kerana kekurangan stor simpanan dan mempunyai beras yang tidak dapat dieksport.

Jenis-jenis di atas juga telah diuji di Malaysia dan ada yang ditanam di sini, misalnya IR42 dan IR36. Prestasinya masing-masing telah pun banyak kali diperbincangkan di sini. Walaupun hasilnya tinggi tetapi mutu pengilangan dan rasanya adalah rendah, sedangkan penggunaan-pengguna di Malaysia mahukan mutu beras yang tinggi. Oleh yang demikian, Kementerian Pertanian tidak bercadang untuk menanam jenis-jenis ini, tetapi akan menggunakannya sebagai baka di dalam kegiatan pembiak-biakan di dalam memperbaiki lagi hasil dan mutu beras di negara ini.

**Tuan Fadzil bin Mahmood:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya berasa keliru berkenaan dengan benih-benih padi ini. Banyak benih-benih padi yang dikemukakan oleh Kementerian kepada pihak petani-petani tetapi saya ingin tahu padi jenis manakah yang betul-betul diikhtiar ataupun diisytihar secara rasmi yang boleh diterima sebagai benih yang terbaik untuk petani-petani menanam?

**Tuan Luhut Wan:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir oleh kerana Yang Berhormat itu mengatakan dia sangat terkeliru, oleh kerana kebanyakan

nama-nama padi yang telah pun diisytiharkan oleh pihak Jabatan Pertanian ini, saya pun ragu-ragu juga mengisytiharkan nama-nama itu di sini takut terkeliru dan saya memohon supaya senarai nama-nama jenis padi ini akan saya serahkan kepada Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Noor bin Bedah:** Soalan tambahan. Tuan yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan langkah-langkah yang diambil bagi mengadakan benih padi Malaysia yang bermutu, iaitu bukan sahaja hasilnya tinggi, tetapi berasnya juga sedap dimakan dan sama ada penyelidikan telah dijalankan bagi maksud ini serta tahun bilakah agaknya petani-petani kita boleh menanam padi-padi jenis ini.

**Tuan Luhut Wan:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang kita sentiasa dengar daripada pihak penyelidikan MARDI, mereka berusaha dengan sedaya upaya supaya menentukan beberapa jenis padi yang dianggap lebih memberi hasil yang begitu mewah kepada para petani kita di negara ini.

Juga sekali lagi saya memohon, Tuan Yang di-Pertua, supaya list ataupun senarai jenis-jenis padi yang telah pun diisytiharkan itu, yang disahkan oleh pihak MARDI itu akan saya serah juga kepada Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Fadzil bin Mahmood:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya pun takut berasa keliru apabila disebutkan banyaknya jenis-jenis padi yang dikemukakan oleh pihak Jabatan Pertanian. Saya ingin tahu pada masa sekarang dalam Dewan yang mulia ini, bagaimanakah pandangan Kementerian Pertanian ataupun Jabatan Pertanian mengenai dengan benih IR 42?

**Tuan Luhah Wan:** Tuan Yang di-Pertua, IR 42 ini sudah pun ditanya berulang-ulang di Dewan ini dan jawapannya telah pun dihuraikan dengan begitu panjang dan saya kira untuk menjimatkan masa, oleh kerana banyak perkara yang lebih penting lagi dari IR 42 ini akan diterangkan di sini, jadi saya memohon selepas ini nanti, saya beritahu sama Yang Berhormat (*Ketawa*).

**Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. ....

**Dato Kamaruzaman bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua. ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta maaf, siapa dahulu? Siapa yang saya nampak dahulu, itu saya beri peluang dahulu.

**Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri ini pun sudah bosan mahu menjawab soalan-soalan padi. Saya pun sebenarnya banyak soalan-soalan ini hampir serupa juga, kerana sejak di Dewan ini banyak menyoalkan soal-soal padi ini. Jenis IR 36nya, 42nya, 40nya, itu soalan. Tetapi soalnya, bila masa yang negara kita ini boleh mencukupi bekalan beras yang ditanam dalam negara ini sendiri. Bila Kementerian ini berkemampuan?

Tuan Yang di-Pertua, dahulu sebelumnya ada IR, IR ini keluar, padi yang mula-mula dikaji oleh MARDI ini "Mahsuri". Selepas itu mahsuri lenyap, tidak tahu apa sebabnya, mungkin diserang serangga. Kemudian timbul lagi satu penyelidikan (research) baru iaitu Malaysia kahwin India, kahwin Jepun iaitu padi "Malinja". Ini dikatakan research. Jadi, Malinja pun sekarang sudah tidak ada, diganti dengan IR. Saya rasa apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, Indonesia pada suatu masa

terkebelakang dan kekurangan beras, hari ini telah mencukupi sehingga dapat mengeluarkan 26 juta metrik tan. Kita tahu negara lain boleh mencukupi keperluan dalam negerinya tetapi di negara kita ini asyik dengan penyelidikan-penyelidikan sahaja tetapi soal mencukupi belum ditepati oleh Kementerian ini, kenapa? Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Luhah Wan:** Tuan Yang di-Pertua, bukan negara kila ini tidak mampu menghasilkan beras yang lebih banyak untuk keperluan negara Malaysia, bahkan kita juga jikalau kita berazam sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, kita juga mampu menghasilkan banyak beras untuk kepentingan negara. Bukan hanya untuk kepentingan negara sahaja, bahkan untuk dieksport tetapi oleh kerana kita telah membuat penelitian bahawa ongkos pengeluaran beras-beras ini lebih tinggi dan lebih mahal; lebih murah lagi kita mengimport beras ini dari negara-negara yang mengeluarkan beras-beras ini tadi dan juga oleh kerana pertimbangan yang teliti daripada pihak Kerajaan dan kita sanggup hanya mengeluarkan 80% beras tempatan dan yang lebih daripada itu kita boleh import daripada negara-negara jiran atau negara-negara lain, oleh kerana ongkos ataupun kosnya lebih murah daripada kita menghasilkan beras untuk keperluan negara kita dan menghasilkan untuk dijual di negara-negara lain.

Mengenal jenis-jenis padi yang telah pun disyorkan dahulu, sebagaimana nama-nama yang telah pun disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi, padi-padi itu masih lagi digunakan ataupun masih ditanam oleh para petani, tetapi takkan tiap-tiap ketika nama padi itu sentiasa dilaporkan oleh kerana masa pengisytiharan sahaja dilaporkan, selepas itu kita bagi kepada para petani, para petani sedang

menanamkan banyak padi-padi ini di kawasan ladang-ladang yang besar seperti MADA dan KADA, tetapi tiada namanya yang keluar sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Padi itu masih ada tetapi jenis-jenis padi yang diisytiharkan ini, pendapatan yang didapati ataupun daripada hasil penyelidikan MARDI yang dilaporkan beberapa ketika dahulu dan saya kira ini tidak bermakna padi-padi ini tadi sudah dimakan oleh serangga, dan sebagainya. Padi itu masih ditanam tetapi teporan terhadap padi-padi itu keluar dalam surat khabar, dalam radio, dalam televisyen tentulah tidak ada.

**Dato Kamaruzaman bin Ahmad:**  
Boleh lagi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, satu lagi.

**Dato Kamaruzaman bin Ahmad:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya sangat dukacita jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi, bermakna lebih murah lagi kita mengimport daripada kita menanam padi. Saya hairan, adakah jawapan daripada Timbalan Menteri ini, Tuan Yang di-Pertua, jawapan itu sendiri ataupun jawapan yang telah pun diluluskan oleh Kabinet ataupun Menteri Pertanian, kerana Dewan Negara ini juga berpendapat masalah-masalah yang diutarakan di sini hendak berkehendakkan jawapan yang betul.

Kalau kita tak dapat menjawab dengan betul, saya rasa lebih baik kita katakan: Soalan ini saya tak dapat hendak jawab, saya tangguhkanlah di mesyuarat yang akan datang ataupun tahun hadapan kita akan jawab. Kerana apa jawapan yang telah dibuat dalam Dewan ini maka besok pagi surat khabar pun menyiarkan berita-berita jawapannya. Oleh itu, soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, kita telah pun berkali-kali mengatakan tanaman padi yang telah ditanam di dalam negara kita ini, jawapan Yang

Berhormat Timbalan Menteri tak memuaskan. Kita pun kata tidak memuaskan, tetapi kita berharap kepada Kementerian yang berkenaan cara mana penanam-penanam padi daiam negara kita ini boleh puas dan juga kita yang makan beras pun boleh puas. Kita sebutkan beras panjang daripada negara Indonesia. Dalam negara kita beras pendek. Apa sebab pendek? Apa sebab dia panjang? Tak cukup baja? Kita ada baja.

MARDI di bawah Kementerian Pertanian kenapa tidak diarahkan menyiasat sebenar-benarnya cara macam mana beras kita boleh jadi panjang. Sekerang beras kita pendek, tidak sedap di makan dan berbagai-bagai lagi. Tuan Yang di-Pertua, saya duduk di kawasan padi di Tanjong Karang; saya tahu benar fasal padi ini. Saya percaya Timbalan Menteri belum ada, saya sudah ada dulu. Soal padi ini saya mengambil bahagian sedikit dalam Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kami di sini jangan diperelok-olokkan.

Oleh itu, soalan saya adakah Kementerian berkenaan memikirkan cara mana supaya penanam-penanam padi dalam negara kita ini mendapat hasil yang baik. Soalan saya.

**Tuan Luhut Wan:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat menyatakan dia rasa sedih seolah-olah saya datang di sini untuk memberi jawapan yang tidak sesuai, yang tidak benar. Tetapi sebagai seorang Timbalan Menteri yang bertanggungjawab di atas Kementerian Pertanian, saya lebih berasa sedih atas tuduhan Ahli Yang Berhormat ini. Bermakna Yang Berhormat ini tidak pernah meneliti perkara ini dengan betul-betul. Saya sanggup challenge Yang Berhormat ini, lepas ini nanti meneliti perkara ini sama ada bohong atau betul. Ini perkara betul, Tuan Yang di-Pertua. Kita datang ke dalam Dewan ini kita berbincang perkara yang benar, apa guna kita masuk di sini tanpa

kebenaran. Ini perkara yang benar. Saya sanggup dan berani menerangkan begini di sini oleh kerana perkara yang benar. Takkan saya datang ke sini untuk bertutur secara omong-omong kosong, apa guna, lebih baik saya berhenti jadi Timbalan Menteri. Ini tidak patut dia membuat tuduhan begini kepada saya dan juga dia mengatakan dia lebih pandai fasal padi. Saya ini seorang Pegawai Pertanian, saya lebih pandai daripada YangBerhormat. (*Ketawa*) Dia tinggal di Tanjong Karang, dia tinggal di situ oleh kerana kawasan padi tetapi dia tidak pernah tanam padi, itu betul (*Ketawa*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, ini. . . .

**Dato' Kamaruzaman bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya. . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti, tunggu dulu!

**Dato' Kamaruzaman bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua. . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Maaf, tunggu dulu. . . . duduk dulu! Ini sudah jadi pertengkaran dan bukan soal jawab lagi dan ini bukanlah tujuan Dewan yang mulia ini. Perkara ini begitu luas

kalau kita bercerita. Saya harap ini dapat disejukkan perasaan dan sepatutnya soal peribadi tidak boleh dimasukkan ke dalam soal jawab.

Sekarang tempoh masa untuk soal jawab pun sudah cukup (*Ketawa*).

(*Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 8 hingga 34 adalah diberi di bawah ini*).

#### INSTITUSI PELAJARAN YANG DITUBUHKAN

8. **Puan Lim Sean Lean** minta Menteri Pelajaran menyatakan sejak tahun 1960 hingga 1985 ini:

- (1) berapakah buah sekolah rendah, sekolah menengah dan kolej serta universiti telah pun ditubuhkan (termasuk vokasional dan teknikal) sila nyatakan jenis dan alirannya dan beritahukan bilangan pelajarannya; dan
- (2) nyatakan bilangan bilik setiap jenis sekolah tersebut dan bilangan gurunya.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Sehingga 31-1-1985 institusi pelajaran yang telah ditubuhkan adalah seperti berikut:

<i>Institusi</i>	<i>Jumlah</i>	<i>Pelajar</i>
Universiti dan Institut Pengajian Tinggi	13	63,471
Maktab Perguruan	26	18,477
Sekolah Menengah Biasa ..	1,132	1,250,117
Sekolah Menengah Teknik ..	9	6,733
Sekolah Menengah Yokasional ..	36	13,987
Sekolah Keb./Sek. Ren. Keb. .. ..	4,772	1,530,279
Sek. Ren. Jenis Keb. Cina ..	1,286	585,082
Sek. Ren. Jenis Keb. Tamil..	555	75,288

Perangkaan bagi universiti dan institut pengajian tinggi meliputi perangkaan bagi 4 buah politeknik dan pelajar-pelajar yang mengikuti kursus diploma.

2. Bilangan bilik dan guru sekolah:

<i>Jenis Sekolah</i>	<i>Bil. Sekolah</i>	<i>Jumlah Guru</i>	<i>Bilik Darjah</i>
Sekolah Menengah	1,177	58,630	19,183
Sekolah Rendah	6,613	91,099	42,862

**PEGAWAI-PEGAWAI  
KEMENTERIAN KERJARAYA—  
KENYATAAN MENTERI**

9. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom minta Menteri Kerjaraya menyatakan adakah benar dakwaan beliau dalam mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan Kementerian itu pada 4-10-85 di Johor Baharu, jika benar dakwaan itu hingga 75% pegawai di Kementerian Kerjaraya malas, apakah Menteri mengakui tidak bersih, cekap dan amanah di Kementeriannya, maka apakah tindakan Kerajaan terhadap mereka yang terlibat; adakah perlu JKR ini diswastakan, supaya ada perasaan bertanggungjawab di pihak pekerjanya.

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):** Sebagai sebuah agensi pelaksana yang bertanggungjawab untuk melaksanakan projek-projek kemudahan awam kepada rakyat, Kementerian saya adalah terdedah kepada berbagai-bagai aduan dan teguran. Oleh itu apabila saya berpeluang menemui pegawai dan kakitangan saya, saya seringkali menegur dan memberi nasihat yang membina kepada mereka agar mereka mempunyai sifat-sifat yang positif terhadap tugas dan tanggungjawab dan mereka perlu menanamkan semangat

Angka ini adalah untuk sekolah-sekolah di Semenanjung sahaja. Angka-angka bagi Sabah dan Sarawak belum diperolehi dengan sepenuhnya dan oleh itu tidak dapat saya mengemukakannya.

bekerja kuat, tidak malas dan melaksanakan sesuatu kerja dengan baik dan ikhlas.

Kenyataan saya yang tersiar dalam akhbar tempatan baru-baru ini adalah terkeliru sedikit. Apa yang saya maksudkan dengan 75% kakitangan JKR adalah malas, sebenarnya adalah sebagai contoh mengenai satu kumpulan kakitangan yang tertentu sahaja. Dengan ertikata yang lain, lebih kurang 75% daripada kumpulan pekerja-pekerja tersebut tidak memenuhi tahap atau "standard" yang telah ditetapkan oleh saya sendiri. Kementerian saya sentiasa mengikuti kemajuan pekerja-pekerja berkenaan agar mereka dapat memperbaiki prestasi perkhidmatan yang diberi.

Dengan adanya segolongan pekerja yang kurang memuaskan, ini tidak bererti bahawa semua pekerja-pekerja lain sedemikian rupa. Di mana-mana organisasi, sekalipun pasti ada terdapat segolongan pekerja yang tidak mencapai "standard" yang ditetapkan. Walau bagaimanapun di Kementerian saya golongan ini adalah kecil sahaja berbanding dengan sebilangan besar pegawai-pegawai dan kakitangan yang memberi perkhidmatan yang baik mengikut prinsip bersih, cekap dan amanah. Mereka yang bekerja dengan baik pasti akan dikenang jasa mereka dan mereka yang tidak mencapai prestasi yang diharapkan akan diberi teguran dan tindakan tatatertib.

Berkenaan dengan pengswastaan J.K.R., perkara ini belum pernah dibangkitkan lagi. Sebenarnya cadangan mengswastakan sesuatu organisasi atau perkhidmatan Kerajaan bukanlah bergantung semata-mata atas kurangnya mutu perkhidmatan sebilangan pekerja-pekerjanya. Ada beberapa kriteria lagi yang diambil kira dalam menimbangankan pengswastaan sesuatu perkhidmatan Kerajaan itu.

#### **DADAH-RAKYAT MALAYSIA YANG DITANGKAP**

**10. Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah rakyat Malaysia yang telah ditangkap dan dihukum di luar negeri oleh sebab kesalahan berkaitan dengan dadah.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad):** Semenjak tahun 1978, seramai 3,626 orang rakyat Malaysia telah ditangkap di luar negeri atas kesalahan berkaitan dengan dadah. Dari jumlah ini, seramai 390 orang telah didapati bersalah di atas kegiatan mengedar dadah dan mereka hanya dikenakan denda dan dipenjarakan antara 2 sehingga 6 tahun. 152 orang dari mereka yang telah tamat menjalani hukuman penjara diusir pulang ke tanahair, manakala seramai 238 orang rakyat Malaysia yang terlibat di dalam kegiatan mengedar dadah sedang menjalani hukuman penjara di negara-negara di mana mereka ditangkap.

Di Singapura seramai 11 orang rakyat Malaysia telah dijatuhkan hukuman mati atas kesalahan mengedar dadah di negara tersebut. Dari jumlah ini 10 orang telah digantung mati dan seorang masih berada di dalam penjara menunggu keputusan rayuannya.

Seramai 3,225 orang penagih rakyat Malaysia yang telah ditangkap di luar negeri atas kesalahan memiliki dadah telah didenda dan diusir balik ke tanahair.

#### **CUTI Hujung MINGGU**

**11. Tuan Haji Shuaib bin Lazim** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa hari kerja dan hari cuti tidak selaras di negara ini dan nyatakan sama ada beliau akan mengkaji untuk mengadakan 5 hari bekerja di seluruh negara iaitu hari Isnin, Selasa, Rabu, Khamis, dan Sabtu dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang; jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

**Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili):** Saya memang sedar bahawa cuti hujung minggu tidak selaras di antara negeri-negeri di Malaysia. Setakat ini Kerajaan belum ada apa-apa cadangan untuk menyelaraskannya. Walaupun perbezaan ini wujud, dari segi pentadbiran, Kerajaan telah pun dapat membuat penyesuaian yang perlu bagi menghadapi masalah-masalah atau kekurangan-kekurangan yang timbul akibat cuti hujung minggu yang berbeza itu.

Pada masa ini Kerajaan juga tidak ada cadangan untuk mengurangkan jumlah hari bekerja dari 6 hari seminggu kepada 5 hari seminggu iaitu pada hari Isnin, Selasa, Rabu, Khamis dan Sabtu seperti yang dicadangkan. Ini ialah kerana bekerja 6 hari seminggu seperti yang diamalkan sekarang didapati lebih baik dan lebih menghasilkan kemajuan bagi negara dan rakyat seperti yang diamalkan oleh kebanyakan negara-negara membangun yang lain di dunia ini. Kita tidak harus meniru negara-negara maju yang rakyatnya sentiasa

menuntut cuti hujung minggu yang lebih panjang. Bekerja 5 hari seminggu akan menyebabkan negara mengalami kerugian dari segi kegiatan ekonomi, perniagaan, perdagangan dan lain-lain aspek hubungan antarabangsa yang lain.

#### HUTANG LUAR MALAYSIA

12. **Tuan Paramjit Singh** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah hutang luar negeri Malaysia pada masa ini;
- (b) faedah yang dibayar oleh Malaysia ke atas hutang luar negeri tiap-tiap tahun; dan
- (c) langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan hutang luar negeri kita.

**Dato' Sabbaruddin Chik:**

- (a) Jumlah hutang luar negeri Malaysia seperti pada 30hb Jun, 1985, adalah sebanyak \$39.6 ribu juta. Ini terdiri daripada hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan sebanyak \$21.4 ribu juta, jaminan Kerajaan \$8.3 ribu juta dan pinjaman luar negeri sektor swasta sebanyak \$9.9 ribu juta.
- (b) Jumlah faedah yang dibayar tiap-tiap tahun bergantung kepada kedudukan pinjaman dari semasa ke semasa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah bayaran faedah bagi tahun-tahun yang lepas adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bayaran Faedah (M\$ juta)</i>
1981..	1,203
1982..	1,587
1983 .. ..	2,143
1984..	2,855
1985{Anggaran}	3,636

- (c) Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan pergantungan negara kita ke atas pinjaman-pinjaman luar negeri. Kerajaan sentiasa berusaha untuk memperolehi pinjaman daripada punca-punca tempatan sebelum memperolehi pinjaman dari punca-punca luar negeri. Di samping itu Kerajaan telah mengkaji semula aktiviti dan program yang sedang dan akan dilaksanakan di mana projek-projek yang mendatangkan faedah kepada negara sahaja diluluskan bagi mengurangkan perbelanjaan pembangunan dan seterusnya hutang negara.

#### RAHSIA KERAJAAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM

13. **Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau bercadang hendak mengadakan ikrar menyimpan rahsia kepada semua kakitangan seperti yang dijalankan oleh Kementerian Penerangan bagi mengelakkan pembocoran rahsia dan maklumat penting.

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Setiap penjawat awam dalam perkhidmatan awam yang diperlukan mengetahui perkara-perkara terperinci adalah dikehendaki menandatangani dan membuat akuan menyimpan rahsia Kerajaan. Pada masa tamat atau berhenti dari perkhidmatan Kerajaan, penjawat awam juga dikehendaki menandatangani perakuan tidak membocorkan rahsia Kerajaan yang diketahuinya semasa menjadi penjawat awam. Peraturan-peraturan yang saya sebutkan itu adalah terkandung dalam Arahan Keselamatan dan Akta Rahsia Rasmi 1972. Oleh itu, perkara mengadakan ikrar seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak perlu.

### BEKALAN AYAM DAGING

14. **Tuan Kee Yong Wee** minta Menteri Pertanian menyatakan semasa langkah-langkah telah diambil untuk mengatasi masalah lebih bekalan ayam daging yang paling teruk melanda negara kita baru-baru ini.

Tuan Luhut Wan: Bagi mengatasi masalah lebih bekalan ayam daging, Jabatan Perkhidmatan Haiwan akan mengadakan satu sistem maklumat mengenai jumlah telur yang dikeluarkan oleh semua penternak dan kilang penetas yang berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Haiwan untuk membuat anggaran harga ayam pada masa akan datang. Kaedah ini memberi peluang kepada penternak-penternak untuk mengetahui kedudukan pasaran ayam daging dan dengan itu mengambil langkah-langkah sesuai bagi mengelakkan kelebihan ayam daging di pasaran. Berasaskan sistem ini Jabatan Perkhidmatan Haiwan akan bertindak sebagai penasihat kepada penternak-penternak dari segi kuantiti ayam daging yang perlu dikeluarkan dari masa ke semasa. Dengan cara ini adalah diharap lebih bekalan ayam daging di masa-masa akan datang akan lebih terkawal.

### JABATAN BOMBA - ALAT-ALAT MODEN

15. **Puan Sri Janaki Athi Nahappan** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah Kerajaan bertujuan untuk menyusun semula Jabatan Perkhidmatan Bomba supaya dilengkapi dengan alat-alat yang moden serta ahli-ahli bomba yang mahir untuk membolehkan Jabatan tersebut memainkan peranan yang lebih cergas dan cekap.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato S. Subramaniam):** Dalam konteks

penyusunan semula Jabatan Bomba, sebenarnya Kerajaan telah pun selesai menyusun semula Perkhidmatan Bomba dengan menyatukan semua Perkhidmatan Bomba Negeri-negeri di bawah Kuasa-kuasa Kerajaan Tempatan. Usaha telah dimulakan dalam tahun 1976 bagi Perkhidmatan Bomba di bawah pentadbiran Kerajaan-kerajaan Negeri di Semenanjung Malaysia. Ini diikuti oleh Perkhidmatan Bomba Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Melaka dalam tahun 1978. Seterusnya proses penyusunan semula menjadi lengkap dalam tahun 1981 apabila Perkhidmatan Bomba Negeri Sabah dan Negeri Sarawak dimasukkan ke dalam kawalan Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia.

Semenjak dari penyatuan Perkhidmatan Bomba, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah memberikan sepenuh perhatian kepada perkembangan, pembangunan, perancangan dan kemajuan Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia. Beberapa langkah telah diambil untuk menentukan supaya Jabatan ini mempunyai alat-alat kelengkapan yang moden serta ahli-ahli bomba yang mahir melalui latihan-latihan yang diberi oleh Jabatan Bomba.

Di bawah Rancangan Malaysia Keempat Jabatan Bomba telah membelanjakan wang untuk membina balai-balai bomba dan sebuah Ibu Pejabat baru, membeli kereta-kereta bomba dan alat kelengkapan moden sebanyak \$43,437,867.00.

### PENSWASTAAN DI KEMENTERIAN-KEMENTERIAN

16. **Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah penswastan telah dijalankan di



Kementerian-kementerian Kerajaan, dan di Kementerian yang manakah penswastaaan akan terus dijalankan.

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Setakat ini penswastaaan di Kementerian-kementerian adalah di dalam berbagai-bagai peringkat; dan di antara Kementerian telah menswastakan aktiviti-aktiviti dan projek-projeknya adalah seperti berikut:

- (i) *Kementerian Pengangkutan*
  - (a) *Terminal Kontena Pelabuhan Kelang*  
 Satu syarikat usahasama tempatan dan asing akan mengambil alih pengurusan dan pengendalian terminal tersebut. Penswastaaan dijangka bermula pada 1hb Februari, 1986.
  - (b) *Sistem Penerbangan Malaysia (MAS)*  
 Setakat ini penswastaaan melibatkan penjualan sebanyak 105 juta saham yang merupakan 30% dari jumlah ekuiti Kerajaan dalam MAS.
- (ii) *Kementerian Tenaga Telekom dan Pos*
  - (a) *Jabatan Telekom Malaysia*  
 Syarikat yang akan mengambil alih operasi Jabatan Telekom telah pun ditubuhkan. Pada permulaannya ia dimiliki 100% oleh Kerajaan. Penswastaaan dijangkakan bermula pada 1hb April, 1986.
  - (b) *Lembaga Letrik Sabah*  
 Pembinaan janakuasa letrik di Telok Sepangar Sabah telah pun diswastakan.
- (iii) *Kementerian Kerja Raya*
  - (a) *Projek Jalan Lintas Selat Kelang Utara*  
 Penswastaaan telah pun selesai dilaksanakan.

(b) *Projek Jejambat Bertingkat Kepong/Jalan Kucing*

Projek ini juga telah pun diswastakan. Pihak swasta sedang membina dan akan mengendalikannya.

(iv) *Kementerian Pertahanan*

*Depoh Baikpulih Kapal Terbang*  
 Penswastaaan Depoh tersebut telah pun selesai dilaksanakan. Satu syarikat usahasama tempatan dan asing sedang menjalankan operasi Depoh ini.

(v) *Kementerian Kewangan*

*Spons TOTO*

Penswastaannya telah pun selesai dilaksanakan. Kerajaan telah menjual semua sahamnya kepada pihak swasta.

(vi) *Kementerian Pertanian*

*Rumah Sembelihan di Shah Alam*  
 Projek ini juga telah diswastakan.

(vii) *Kementerian Wilayah Persekutuan*

*Tempat-tempat Letak Kereta di Bandaraya Kuala Lumpur*

Sebahagian daripada tempat-tempat letak kereta tersebut telah juga diswastakan.

Mengenai bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat ingin saya maklumkan bahawa Kerajaan akan terus menggalakkan Kementerian-kementerian mengesan aktiviti-aktiviti dan projek-projek yang boleh diswastakan termasuk Kementerian-kementerian yang sudah pun menswastakan sebahagian daripada aktiviti-aktiviti mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya terdapat banyak lagi cadangan penswastaaan di bawah beberapa Kementerian. Cadangan-cadangan tersebut masih di peringkat kajian, antaranya melibatkan Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Kementerian

Penerangan dan juga Kementerian-kementerian yang sudah pun terlibat penswastaan.

### JABATAN PENUNTUT MALAYSIA DI LUAR NEGERI

17. **Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) di berapa buah negarakah Jabatan Hal Ehwal Pelajaran Malaysia ditempatkan setakat ini;
- (b) apakah syarat kelayakan pegawai-pegawai itu dipilih dan bagaimana pemilihan mereka itu dibuat; dan
- (c) apakah fungsi dan tugas pegawai-pegawai tersebut dan berapa lama masa mereka itu bertugas di satu-satu tempat.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:**

- (a) Terdapat 7 buah negara di mana Jabatan Penuntut Malaysia telah ditubuhkan dan di 3 buah negara lagi di mana di terdapat Atase Pelajaran. Negara-negara di mana Jabatan Penuntut Malaysia beroperasi ialah United Kingdom, Amerika Syarikat, Canada, Mesir, Indonesia, Australia dan N. Zealand. Atase-atase pelajaran pula terletak di India, Belgium dan Jepun.
- (b) Pegawai-pegawai dipilih berdasarkan pengalaman dan pengetahuan mereka yang luas dalam hal-hal pelajar, bimbingan dan kaunseling. Di samping itu mereka juga hendaklah mempunyai rekod perkhidmatan dan prestasi yang baik. Pegawai-pegawai yang layak itu akan di temuduga untuk memastikan mereka betul-betul sesuai untuk ditempatkan sebagai pegawai-pegawai kebajikan pelajar di luar negeri.

(c) Fungsi dan tugas pegawai-pegawai tersebut adalah:

- (1) memberi khidmat bimbingan dan kaunseling kepada pelajar-pelajar dalam aspek sosial dan akademik;
- (2) mengawasi aktiviti-aktiviti pelajar;
- (3) menyediakan maklumat-maklumat pelajar yang memasuki institusi-institusi pengajian tinggi;
- (4) menjadi penghubung antara pelajar dengan agensi-agensi penganjur mereka; dan
- (5) menyediakan laporan-laporan berhubung dengan isu-isu yang timbul dalam bidang pelajaran dan perkembangannya serta implikasinya terhadap kepentingan penganjur-penganjur dan kebajikan penuntut-penuntut Malaysia.

Tempoh pegawai-pegawai tersebut bertugas di Jabatan Penuntut Malaysia di luar negeri ialah selama 2 tahun dengan penyambungan setahun lagi sekiranya didapati perlu.

### KEMATIAN BAYI DI LUAR BANDAR

18. **Tuan Abdul Ghani Othman** minta Perdana Menteri menyatakan maklumat seperti berikut:

- (i) kadar kematian bayi di luar bandar dibandingkan dengan kadar kematian bayi di bandar;
- (ii) kadar keciciran sekolah di peringkat rendah dan menengah antara di luar bandar dan di bandar; dan
- (iii) kadar pengangguran di luar bandar dan di bandar.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Lee Kim Sai):**

- (i) Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kesihatan tidak menyimpan butir-butir kadar kematian bayi mengikut pecahan bandar dan luar bandar oleh kerana kerumitan memungut angka-angka berasaskan tempat berlakunya kematian ataupun tempat tinggal si mati. Pecahan kadar kematian bayi boleh diperolehi mengikut pecahan negeri, dan kumpulan bangsa. Angka-angka pecahan ini boleh digunakan untuk menggambarkan kadar kematian di bandar dan di luar bandar, umpamanya jika dibandingkan kadar kematian bayi Melayu iaitu 23.15 bagi setiap 1,000 kelahiran bagi tahun 1983 dengan kadar kematian bayi Cina iaitu 12.66 bagi tahun yang sama.
- (ii) Perbandingan kadar keciciran antara bandar dan luar bandar tidak dibuat. Walau bagaimanapun, kadar keciciran menunjukkan aliran yang menurun di antara tahun 1970 dan 1980. Peratus pelajar di dalam darjah 6 yang tidak melanjutkan pelajaran di peringkat menengah menurun dari 39.8% dalam tahun 1970 kepada 17.8% dalam tahun 1980. Manakala kadar keciciran di tingkatan 3 menurun dari 54.2% kepada 47.0%.
- (iii) dalam tahun 1985, kadar pengangguran di kawasan luar bandar dianggarkan kira-kira 7.2% berbanding dengan 6.8% di kawasan bandar.

**TANGKAPAN IKAN NELAYAN**

19. **Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Pertanian menyatakan berapa peratuskah hasil tangkapan ikan

nelayan kita boleh menampung keperluan negara dan jika tidak mencukupi berapa peratus terpaksa diimport ikan dari luar, nyatakan dari negara mana.

**Tuan Luhut Wan:** Pada tahun 1984, jumlah tangkapan ikan adalah 670,933 metrik tan dan dari jumlah ini sebanyak 136,807 metrik tan telah dieksport. Keperluan negara untuk ikan pada tahun 1984 adalah 711,468 metrik tan. Oleh itu, sebanyak 237,342 metrik tan atau 30.7% daripada keperluan tempatan bagi ikan telah diimport. Ikan telah diimport terutamanya dari Thailand, Jepun, Indonesia dan India.

**PUSAT PENYELIDIKAN-  
SAINGAN/PASARAN**

20. **Dato Kamaruzaman bin Ahmad** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau bersetuju bahawa sebelum Malaysia dapat memasuki pasaran dunia Malaysia hendaklah mengadakan Pusat Penyelidikan yang bertaraf International supaya negara kita dapat mengeluarkan hasil-hasil teknologi yang moden yang dapat dipasarkan dengan jayanya di seluruh negara.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze):** Tidak bolehlah dinafikan bahawa sebelum barangan keluaran Malaysia dapat bersaing di dalam pasaran dunia, barangan keluaran itu mestilah mencapai satu taraf yang tinggi dalam mutunya serta juga dikeluarkan dari teknologi yang dapat mengeluarkan barangan itu dengan kos yang setaraf dengan barangan yang dikeluarkan oleh lain-lain negara. Oleh yang demikian, kita hanya dapat menghadapi persaingan pasaran dunia dengan memperkenalkan teknologi moden dan yang berkesan kepada sektor perindustrian kita supaya meningkatkan lagi produktiviti dan

mutu pengeluaran mereka. Jika sektor perindustrian Malaysia hendak maju ke depan, ia memerlukan satu infrastruktur sains dan teknologi yang dapat mengekal dan mengukuhkan keupayaan teknologi negara ini. Mendirikan pusat-pusat penyelidikan untuk mengekalkan dan mengukuhkan usaha-usaha Kerajaan dalam membangun sebuah sektor perindustrian yang dapat mengeluarkan barangan yang setanding dengan keluaran barangan negara-negara maju adalah di antara objektif utama Kementerian saya.

Pada masa kini, pusat-pusat penyelidikan yang sedia ada seperti RRIM untuk getah, PORIM untuk minyak kelapa sawit, MARDI untuk keluaran pertanian sangat berkesan dalam usaha-usaha penyelidikan pertanian. Di dalam usaha membantu kemajuan sektor perindustrian, institusi-institusi yang berkenaan itu boleh memainkan peranan yang penting dengan memberi perkhidmatan sokongan kepada sektor perindustrian dalam usaha Kerajaan mendirikan satu "agro-base industry". Institusi-institusi yang disebutkan adalah institusi-institusi yang sudah mencapai taraf antarabangsa dan diperkenalkan di merata-rata dunia.

Untuk mengeluarkan hasil-hasil teknologi yang moden yang dapat dipasarkan dengan jayanya, keutamaan mestilah diberikan kepada usaha untuk mencipta teknologi di mana negara kita mempunyai kekuatan seperti dalam bidang teknologi untuk memproseskan hasil-hasil barangan utama negara seperti getah, kelapa sawit, koko dan lain-lain lagi.

Kementerian saya telah mencadangkan penubuhan sebuah Pusat Pemindahan Teknologi untuk menemui keperluan sektor perindustrian. Adalah dijangka bahawa pusat-pusat penyelidikan yang didirikan itu akan memberi keutamaan

untuk meningkatkan lagi keupayaan rekabentuk dan fabrikasi, bantuan teknikal dan perundingan dalam usaha mencipta teknologi-teknologi yang moden. Saya berharap sektor perindustrian dapat memberi sumbangannya supaya meningkatkan lagi perhubungan di antara sektor swasta dan sektor awam khasnya dengan Kementerian saya.

#### **ELAUN GURU BESAR SEKOLAH RENDAH**

21. **Dato' G. Pasamanickam** minta Menteri Pelajaran menyatakan, memandangkan sektor perkhidmatan pelajaran telah ditambah dan dibebani dengan pelaksanaan KBSR, elaun bagi Guru Besar di Sekolah Rendah sepatutnya ditingkatkan kerana tanggungjawab yang besar terpaksa dihadapi. Oleh itu nyatakan sama ada Kerajaan akan menerima cadangan ini dan seterusnya diamalkan.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Saya ingin menjelaskan bahawa Guru-guru Besar Sekolah Rendah dibayar gaji bulanan mengikut pangkat mereka masing-masing. Mereka tidak dibayar elaun. Oleh itu soal meningkatkan elaun mereka tidaklah timbul.

#### **TOL JAMBATAN PULAU PINANG-PUNGUTAN**

22. **Tuan Haji Mohamed bin Yahya** minta Menteri Kerja Raya menyatakan semenjak pungutan bayaran tol di Jambatan Pulau Pinang dikenakan, berapakah hasil yang telah dipungut purata tiap-tiap hari.

**Dato' S. Samy Vellu:** Semenjak Jambatan Pulau Pinang dibuka pada 14hb September, 1985 sehingga 31hb Oktober, 1985 purata hasil harian kutipan tol ialah sebanyak \$50,000.00.

### PROTON SAGA-PELANCARAN

**23. Puan Nen Abidah binti Haji Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan semenjak pelancaran Proton Saga 9hb Julai, 1985 sama ada kereta ini telah dijual di pasaran ASEAN dan jika ia, berapa buah telah dijual dan bagaimanakah sambutannya.

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Soalan ini telah saya jawab bersama soalan Senator Dato G. Pasamanickam pada 10hb Disember, 1985. Saya tidak ada apa-apa tambahan.

### JALAN RAYA TERBENAM DI MANTIN

**24. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Menteri Kerjaraya menyatakan mengapa kejadian jalanraya terbenam berlaku lagi, beberapa bulan dulu di Jalan Mantin, Negeri Sembilan dan baru-baru ini di Jalanraya Kelang-Banting.

**Dato' S. Samy Vellu:** Kejadian Jalanraya terbenam betlaku baru-baru ini di Jalanraya Mantin, Negeri Sembilan, adalah disebabkan terdapatnya sebatang anak sungai di kaki cerun (Toe of Embankment) yang dipenuhi oleh sampah sarap. Oleh kerana air itu tidak dapat mengalir, tetapi tertakung maka ini telah mengakibatkan kaki cerun terbenam.

Tindakan yang sewajarnya telah diambil ke atas kejadian itu dengan menggantikan cerun tanah itu dengan cerun batu dan juga meletakkan perparitan di bawah tanah (subsoil drainage).

Tindakan ini telah membolehkan air mengalir semula. Untuk membolehkan air itu mengalir dengan lebih cepat, tapi anak sungai pun ditampal dengan batu-batu kecil (rubble). Semua kerja-kerja membaiki ini telah menelan belanja sebanyak \$1.7 juta.

Mengenai kejadian di Jalanraya Kelang-Banting pula, ianya telah disebabkan oleh tanah lembut yang terdapat di bawah permukaan jalanraya itu. Keadaan tanah lembut itu adalah kerana jalanraya terletak di tapak yang berpaya. Langkah untuk memulihkan kawasan yang terbenam ini sedang dilakukan dengan menggunakan cerucok. Kos pemulihan ini, yang mana pada akhirnya akan menguatkan asas jalan itu, akan menelan belanja lebih kurang \$100,000.00 yang dijangka siap pada akhir bulan Januari. Sementara kerja-kerja pemulihan itu dijalankan, satu lencongan telah dibina untuk membuka jalan kepada lalulintas.

### ROMPAKAN BERSENJATA DI LAHAD DATU

**25. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mengawal rompakan bersenjata yang berlaku di Lahad Datu, Sabah yang dilakukan oleh perompak-perompak dari Filipina Selatan.

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Jawapan kepada soalan ini telah saya jawab pada 9-12-1985 iaitu ketika menjawab soalan dari Yang Berhormat Tuan Paramjit Singh. Saya tidak ingin menambah apa-apa lagi.

### SISWAZAH YANG MENGANGGUR

**26. Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah siswazah lulusan universiti tempatan dan luar negeri serta lain-lain Institusi Pengajian Tinggi yang menganggur hingga sekarang; dan nyatakan sama ada Kerajaan akan mengkaji semula langkah membekukan jawatan dalam Perkhidmatan Awam, memandangkan keadaan pertambahan kadar pengangguran di kalangan siswazah-siswazah di negara ini.

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Bilangan pemegang-pemegang biasiswa Persekutuan yang masih belum dapat ditempatkan sehingga Ihb November, 1985 dari institusi-institusi pengajian dalam dan luar negeri adalah seramai 3,666 orang. Pada masa ini Kerajaan belum bercadang untuk mengkaji semula langkah membekukan jawatan dalam Perkhidmatan Awam.

#### WANITA MELAYU-LATIHAN KEMAHIRAN

27. **Tuan Abdul Ghani Othman** minta Perdana Menteri menyatakan bahawa penghijrahan wanita Melayu luar bandar ke sektor industri letronik di bandar pada tahun 70an telah mendedahkan mereka kepada turun naik kuasa ekonomi pasaran dunia dan cabaran hidup di bandar. Apakah perancangan usaha Kerajaan untuk kemudahan latihan kemahiran kepada pekerja wanita dari sektor letronik supaya mereka dapat terus aktif dalam pasaran tenaga kerja negara.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed):** Buat masa ini Kerajaan belum ada lagi kemudahan latihan kemahiran khusus untuk pekerja wanita yang diberhenti kerja oleh kilang-kilang elektronik. Walau bagaimanapun, mereka itu adalah digalakkan untuk mendaftar dengan Pejabat Tenaga Rakyat Tempatan untuk membolehkan usaha mencari dan menempatkan dalam peluang-peluang pekerjaan lain yang masih terdapat dan sesuai bagi mereka.

Tambahan pula, jika berminat dan mempunyai kelayakan pelajaran minima yang diwajibkan, pekerja-pekerja wanita yang terlibat boleh memohon menyertai berbagai latihan kemahiran anjuran agensi-agensi Kerajaan.

#### JUDI-MENGHARAMKAN

28. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif** minta Perdana Menteri menerangkan apakah hasil kajian Kementerian berkenaan untuk mengharamkan (menutup) semua jenis judi di negara ini.

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Kajian mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu belum lagi selesai.

#### PERANG IRAN-IRAQ

29. **Tuan Fadzil bin Mahmood** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Jawatankuasa Damai Islam telah gagal sama sekali mendamaikan di antara Iran dan Iraq dan apakah masalah dihadapi oleh Jawatankuasa tersebut hingga gagal usaha baik mereka.

**Menteri Luar Negeri (Tengku Dato Ahmad Rithauddeen Al-haj):** Saya mohon izin untuk memaklumkan bahawa jawapan kepada soalan ini telah pun dijawab semasa Yang Berhormat Menteri Luar Negeri menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Din bin Jaafar pada 642-85.

Saya tidak ada apa-apa tambahan lagi hendak dibuat kepada jawapan tersebut.

#### POLARISASI KAUM

30. **Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said** minta Perdana Menteri menyatakan apakah rancangan Kerajaan secara positif untuk mengatasi masalah polarisasi kaum di negara ini; contohnya setelah insiden keputusan pilihanraya baru-baru ini di Sabah.

**Dato' Lee Kim Sai:** Untuk mengatasi masalah polarisasi kaum di negara ini memerlukan beberapa strategi jangka

panjang serta program dan tindakan yang berterusan. Dalam hal ini, konsep keseimbangan dan keadilan sosial dalam konteks masyarakat dan sejarah negara ini perlu dilaksanakan. Berdasarkan konsep ini, beberapa dasar Kerajaan telah dan sedang dilaksanakan. Dasar Ekonomi Baru, umpamanya adalah yang bertujuan untuk mengatasi masalah polarisasi kaum dengan mewujudkan keseimbangan dan keadilan sosial di kalangan masyarakat di negara ini. Selain daripada Dasar Ekonomi Baru, beberapa langkah lain yang diambil dan dilaksanakan oleh beberapa agensi Kerajaan termasuklah:

- Dasar Pelajaran Kebangsaan dan usaha-usaha meningkatkan identiti nasional melalui pembelajaran syllabus yang sama, penggunaan Bahasa Malaysia serta aktiviti kokurikulum;
- Rukun Negara, Dasar Kebudayaan Nasional dan usaha-usaha memupuk semangat cintakan negara;
- Akta Hasutan dan peruntukan-peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang lain bagi melindungi dan menegah dari pertikaikan lagi hak-hak bagi semua kaum yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan;
- Mengesan dan menilai masalah perkauman harian untuk diatasi dan dibendung dengan program-program tertentu.

Selain dari yang saya sebutkan itu, Kerajaan akan menubuhkan Jawatankuasa Perpaduan Negeri, dan juga memperluaskan skim Rukun Tetangga yang menitikberatkan kepada konsep kejiranan. Melalui konsep kejiranan ini diharapkan akan wujud semangat persefahaman dan persaudaraan di kalangan masyarakat

setempat dan ini akan membantu mengatasi masalah polarisasi kaum di negara ini.

Walau bagaimanapun, usaha positif Kerajaan ini memerlukan masa yang lama dan semangat toleransi serta penglibatan ikhlas oleh semua golongan masyarakat bagi mencapai perpaduan negara sepenuhnya. Apa yang mendukacitakan ialah terdapatnya individu-individu dan golongan-golongan tertentu yang masih mengeksploitasi isu-isu perkauman bagi kepentingan politik atau peribadi mereka. Golongan ini, jika mereka benar-benar jujur dan cintakan negara ini, harus sedar bahawa pengaruh atau populariti yang berasaskan isu perkauman yang mereka juarkan, adalah kemenangan jangka pendek, yang lambat laun akan mengakibatkan tergugatnya perpaduan kaum serta memusnahkan negara ini. Apabila keadaan huru-hara kaum telah tidak terkawal lagi, maka semua kaum akan kerugian dan menderita. Dengan demikian adalah perlu semua kaum saling hormat menghormati hak-hak dan sensitiviti tiap-tiap kaum lain serta sanggup bertolak ansur serta bermuafakat bagi menjamin kestabilan dan kemajuan negara. Hanya melalui cara-cara ini kita dapat menjamin masa depan negara ini.

#### RAHSIA KERAJAAN— PEMBOCORAN

**31. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan** minta Perdana Menteri menyatakan apakah sebabnya masih berlaku kegiatan membocor rahsia Kerajaan dan apakah tindakan yang sedang diambil untuk memastikan kegiatan seumpama ini dapat dibendung dan diambil tindakan yang keras terhadap mereka yang terlibat dengan perbuatan terkutuk itu.

**Datuk Dr James P. Ongkili** Kejadian kebocoran maklumat-maklumat Kerajaan adalah disebabkan dari sifat-sifat kelemahan manusia.

Ke arah membendung kejadian seumpama ini, beberapa pendekatan telah dibuat oleh Kerajaan termasuk usaha-usaha untuk menyedarkan penjawat-penjawat awam menerusi kursus dan ceramah keselamatan serta menguatkuasakan dengan lebih rapi Arahan-arahan Keselamatan di seluruh Jabatan Kerajaan.

Namun demikian, sekiranya kejadian-kejadian kebocoran maklumat Kerajaan yang boleh mengancam keselamatan negara berlaku maka penyiasatan sewajarnya akan dibuat dan di mana terdapat bukti-bukti yang mencukupi, pendakwaan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1971 akan dibuat ke atas sesiapa sahaja yang bertanggungjawab. Akta ini telah juga dipinda pada tahun 1984 untuk memberi liputan dan kesan hukuman yang lebih berat bagi mencegah berlakunya kesalahan-kesalahan tersebut.

#### RANCANGAN SEKOLAH INTEGRASI

**32. Dato' G. Pasamanickam** minta Menteri Pelajaran menyatakan kurikulum akan digabungkan bagi semua "Sekolah Integrasi" dalam semua aliran tidak berapa lama lagi; adakah Kementerian Pelajaran menyedari akan intraksi dan implikasi penggunaan Bahasa Malaysia dalam hal ini dan nyatakan juga sama ada:

- (a) Kementerian Pelajaran menyedari bahawa kekhuatiran dan kebimbangan telah wujud bagi kaum India dan Cina kerana terhapusnya Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil dan Cina apabila ini berlaku; dan

- (b) Kerajaan akan mengambil tangkah bagi menerangkan atau menyediakan jawapan bagi soalan yang akan ditimbulkan nanti oleh masyarakat China dan Tamil.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Rancangan Sekolah Integrasi kini dikenali sebagai Rancangan Integrasi Murid-murid untuk Perpaduan. Pada masa rancangan ini diumumkan dahulu terdapat setengah-setengah pihak yang berasa kluatir tentang matlamatnya. Walau bagaimanapun, hasil dari perjumpaan-perjumpaan yang telah diadakan, pihak-pihak yang berkaitan telah memahami dan menerima matlamat baik rancangan ini.

#### MAJIKAN MEMBERHENTIKAN PEKERJA

**33. Toh Muda Dr Abdullah Che Wan** minta Menteri Buruh menyatakan berapa ramai pekerja sektor perindustrian di Negara ini yang telah diberhentikan oleh majikan mereka di atas sebab kemelesetan ekonomi dunia dan adakah; pihak Kerajaan bercadang untuk mengadakan rancangan menggalakkan pekerja-pekerja tersebut ke sektor pertanian.

**Menteri Buruh (Dato' Mak Hon Kam):** Seperti yang telah saya menjawab di Dewan yang mulia ini pada 9hb Disember yang lalu, dalam tempoh dari bulan Januari hingga bulan Oktober tahun ini, Kementerian saya telah menerima laporan bahawa sebanyak 57 buah majikan telah memberhentikan seramai 5,860 orang pekerja akibat kemelesetan ekonomi dunia.

Sektor pertanian di Negara kita memang sedang mengalami kekurangan tenaga pekerja dan Kerajaan sedar bahawa pekerja-pekerja yang diberhentikan akibat kemelesetan ekonomi itu boleh disalurkan ke sektor pertanian. Oleh



itu, Kementerian saya melalui Jabatan Tenaga Rakyat sentiasa berusaha menyebarkan dengan seluas-luasnya peluang-peluang pekerjaan yang wujud di sektor tersebut. Walau bagaimanapun, usaha ini akan menjadi lebih berkesan jika pekerja-pekerja itu dapat mengubah sikap supaya menjadi tidak terlalu memilih pekerjaan. Pihak majikan di sektor pertanian pula, haruslah memperbaiki suasana kerja di ladang-ladang dengan menawar kadar gaji yang lebih tinggi, menyediakan keperluan-keperluan asas dengan seberapa sempurna seperti perumahan, hospital-hospital, sekolah-sekolah, kemudahan rekreasi, bekalan air dengan elektrik dan lain-lain lagi supaya dapat menarik minat pekerja-pekerja itu. Langkah-langkah seperti ini boleh meningkatkan taraf hidup pekerja-pekerja di sektor pertanian. Selain dari itu, pekerja-pekerja yang diberhentikan itu boleh menyertai usaha-usaha Kerajaan dalam pembukaan rancangan-rancangan tanah baru dan pembesaran sektor perladangan.

#### **BOT NELAYAN ASING YANG DITANGKAP**

**34. Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa banyakkah bot-bot nelayan asing yang telah ditangkap kerana mereka mencerobohi perairan Malaysia iaitu sejak Akta Perikanan dan Akta Zon Ekonomi Eksklusif dikuatkuasakan; dan
- (b) selain dari itu apakah langkah-langkah Kerajaan akan diambil untuk menjaga keselamatan nelayan-nelayan kita supaya tidak dapat diganggu lagi para nelayan asing dalam kawasan perairan kita.

#### **Dato Radzi bin Sheikh Ahmad**

- (a) Jumlah bot nelayan asing yang telah ditangkap ialah 33 buah bot.
- (b) Jawapan kepada soalan (b) telah saya jawab pada 5-12-1985 iaitu ketika menjawab soalan dari **Tuan Harun bin Hasan**: Saya tidak ingin menambah apa-apa lagi.

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1986**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (12hb Disember, 1985)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum 'saya memanggil Ahli-ahli Yang Berhormat untuk berucap, saya suka hendak menyatakan iaitu hari ini ialah hari penghabisan untuk Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil bahagian dalam perbincangan atas dasar Belanjawan 1986, dan hari Isnin minggu depan Yang Berhormat Menteri-menteri akan menjawab. Oleh kerana itu, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat membuat ucapan mereka selama 20 minit maksima setiap orang yang hendak berucap. Ini akan memberi peluang kepada yang lain-lain Ahli Yang Berhormat juga kerana ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang mahu melafazkan ucapannya.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tuan Harun Hassan menyambungkan ucapan yang dibuatnya semalam.

#### 4.04ptg.

**Tuan Harun bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menyambung perbincangan saya petang semalam dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan, 1986.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Akta Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) baru diluluskan, pada pendapat saya adalah lebih praktikal kalau peluang menangkap ikan di kawasan laut 200 batu ini diberi seluas-luasnya kepada nelayan tempatan sekurang-kurangnya untuk percubaan antara tiga hingga lima tahun. Saya nampak nelayan-nelayan tempatan mempunyai cukup pengalaman menangkap ikan di laut dalam kerana selama ini pun mereka sudah menangkap ikan di kawasan tidak kurang dari 150 batu dari pantai dengan hanya menggunakan bubu dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan hanya mengguna bot-bot berenjin kurang dari 40 kuasa kuda mereka sanggup mengharungi lautan selama antara 15 hingga 20 jam dan sanggup berada di laut selama berminggu-minggu barulah membawa hasil tangkapan mereka ke darat. Ini membuktikan suatu kemampuan mereka dan satu kesungguhan mereka untuk bekerja sebagai nelayan.

Kalaulah dengan hanya menggunakan bot-bot yang begitu kecil yang terdedah kepada hujan dan panas, terdedah kepada ribut dan gelombang, mereka sanggup bergadai nyawa untuk mencari rezeki adalah pasti nelayan-nelayan kita akan lebih bersedia menghadapi cabaran kalaulah mereka mempunyai kelengkapan yang cukup seperti kapal yang besar serta teknologi yang lebih moden. Tegasnya, nelayan-nelayan kita adalah terdiri dari kalangan mereka yang kaya dengan pengalaman. Mereka yang kaya dengan sifat-sifat keberanian serta sanggup berusaha. Dalam bentuk

pengalaman pula, juruselam nelayan-nelayan kita mempunyai pengetahuan yang luar biasa dengan hanya mencecahkan telinga sahaja ke dalam air, dia sudah dapat mengenal pasti sama ada kawasan itu mempunyai ikan ataupun tidak. Dia juga sudah mengenali jenis-jenis ikan dan dia juga telah pun mengenal pasti sebanyak mana ikan berada di kawasan itu.

Itulah salah satu kepakaran yang ada pada nelayan-nelayan kita dan kepakaran luar biasa ini telah pun diturunkan dari satu generasi ke satu generasi hinggalah ke hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ceritakan ini bukanlah merupakan satu khayalan ataupun cerita rekaan sahaja, ia adalah merupakan satu kenyataan kerana ketika saya bertugas sebagai seorang wartawan akhbar dahulu, saya sendiri pernah pergi ke laut bersama-sama dengan kaum nelayan ini untuk meninjau hakikat yang sebenar dengan cara melibatkan diri dalam kumpulan mereka secara langsung. Dan dari pengalaman itulah membolehkan cerita ataupun hakikat yang sebenarnya ini saya bawa ke Dewan yang mulia ini.

Saya bersyukur kerana walaupun pada suatu ketika dahulu, saya hanyalah mampu bercerita dan memberitahu kepada pihak-pihak berkenaan melalui pena dan penulisan, tetapi pada hari ini dengan izin, Allah s.w.t. dapat pula saya menceritakan hakikat yang sebenar, penderitaan dan masalah-masalah rakyat ini melalui Dewan yang mulia ini.

Oleh yang demikian, apa yang jelas kepada kita dialah nelayan-nelayan tempatan ini hanya belum mempunyai pengalaman untuk menggunakan kapal dan alat kelengkapan menangkap ikan secara moden.

Kalau itulah masalahnya, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat adalah lebih praktikal kalau Kerajaan menghantar kumpulan-kumpulan

nelayan muda yang mempunyai sedikit sebanyak pelajaran akademik, untuk berkursus secara teori dan amali di negara-negara yang sudah pun tinggi teknologi perusahaan perikanan ini. Latihan-latihan amali atau praktikal itu adalah merangkumi semua aspek perusahaan perikanan termasuk pengendalian kapal, kejuruteraan, mengawal, mengenalpasti kawasan pusat-pusat sumber ikan di samping keraahiran menggunakan alat-alat moden menangkap ikan.

Saya berharap usia perusahaan ikan di negara ini yang sudah pun begitu tua sudah sampai waktunya diubahsuai dan dipermodenkan melalui usaha dan kemampuan kita sendiri sama ada dengan cara menghantar nelayan-nelayan kita berkursus seperti saya sebut tadi ataupun dengan meminjam pakar-pakar perikanan luar untuk memberi latihan-latihan kepada nelayan-nelayan kita di dalam negara kita sendiri. Sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan kepada Kementerian Pertanian sementara mengkaji dengan teliti di atas untung atau ruginya kepada nelayan tempatan di negara ini sendiri, kalaulah rancangan usahasama dengan nelayan Thai itu dilaksanakan, saya suka tekankan sekali lagi bahawa kajian itu hendaklah juga mengambil kira aspek-aspek bahasa yang berbeza, cara makan makan yang berbeza, adat dan cara hidup yang berbeza serta perangai yang berbeza.

Saya tidak menyatakan rancangan usahasama itu tidak baik, cuma apa yang saya minta ialah suatu kajian yang bersungguh-sungguh dan mendalam dan semasak-masaknya kerana pengalaman telah pun banyak mengajar kita bahawa teori di atas kertas sudah banyak yang tidak berjaya seperti yang diharapkan apabila diimplimentasikan dalam bentuk kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang perlu diambil perhatian lagi ialah mengenai pusat-pusat sumber ikan. Oleh kerana lautan di Pantai Timur Semenanjung yang melibatkan banyak penghidupan lebih dari 25,000 nelayan dari negeri-negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor sudah hampir pupus dengan pusat-pusat sumber ikan merupakan satu lagi sebab mengapa pendapatan nelayan-nelayan kita berkurangan sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu percubaan telah pun dibuat untuk mengatasi masalah itu iaitu dengan membina tukun-tukun tiruan yang dibuat dari longgokan tayar-tayar buruk. Tayar-tayar buruk ini dijadikan sebagai pusat-pusat sumber ikan di lautan Terengganu, tetapi akhir-akhir ini didapati ianya kurang berkesan kerana dua sebab yang pertama. Sebab yang pertama, ikan-ikan hanya datang berkumpul di tukun-tukun tiruan ini setelah kira-kira satu tahun kemudian apabila bau minyak pada tayar-tayar itu telah pun hilang. Sebab yang kedua, kira-kira 2 tahun kemudian tayar-tayar ini akan ditumbuhi oleh benang-benang seperti rambut yang agak keras dan tajam, ikan-ikan yang berkumpul di situ akan lari meninggalkan tukun-tukun tiruan ini.

Dengan kedua-dua masalah yang dihadapi ini bolehlah dianggap bahawa tukun-tukun tiruan yang dibuat dari timbunan tayar-tayar buruk ini kurang berjaya. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian perlulah membuat satu kajian yang mendalam dan menyeluruh untuk mencari pusat-pusat sumber ikan di laut negara kita ini, di samping membina tukun-tukun tiruan atau uncang-uncang dari bahan-bahan batu atau simin. Uncang-uncang yang saya maksudkan ini barangkali boleh dibuat dari palong-palong, konkrit kerana ia lebih mudah ditumbuhi oleh batu-batu karang untuk dijadikan pusat-pusat sumber ikan yang lebih

kekal. Ucing-ucang seperti ini setahu saya telah dicuba di Jepun dan menghasilkan kejayaan yang baik. Begitulah beberapa saranan yang dapat saya sampaikan kepada Kementerian Pertanian dengan harapan mendapat perhatian yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh seimbab mengenai pembangunan pelancongan, saya menyeru rakyat negara ini terutama sekali golongan yang suka melancong tidak ketinggalan juga para pemimpin kita supaya lebih menumpukan perhatian untuk melancong di dalam negara kita sendiri. Negara kita ini sebenarnya mempunyai pusat-pusat pelancongan yang amat kaya, tempat-tempat yang menarik dan berpotensi, sebagai contoh kalaulah kita teringin untuk menikmati udara yang sejuk seperti di negara Eropah, kita mempunyai pusat pelancongan di Bukit Praser, di Bukit Tinggi atau di Cameron Highlands. Kita juga kaya dengan pusat peranginan pulau seperti Pulau Tioman, Pulau Langkawi ataupun Pulau Perhentian, demikian juga negara ini mempunyai banyak pusat-pusat pelancongan hutan lipur yang amat menyamankan, segar dan menyejukan seperti Sekayu di Terengganu ataupun Jeram Pasu di Kelantan dan lain-lain pusat yang sukar untuk disebut satu persatu di sini. Sekiranya pusat-pusat pelancongan yang berpotensi ini dimaju dan diusahakan secara bersungguh-sungguh sudah pasti ia dapat menarik perhatian pelancong sama ada dari dalam mahupun dari luar negeri untuk berehat di tempat-tempat seperti itu dan kataulah ini berlaku negara kita akan mendapat tukaran-tukaran wang asing yang banyak di samping menyekat pengaliran wang keluar dari negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya yakin bahawa walaupun Belanjawan. Negara tahun depan

adalah berbentuk sederhana, tetapi apabila setiap ringgit, setiap sen wang rakyat dibelanja hanya untuk perkara-perkara penting, perkara-perkara yang amat mustahak dengan penuh bertanggungjawab dan amanah, saya percaya ianya akan dapat memberi kebahagiaan sebaik-baiknya kepada rakyat, sebaliknya kalau pun dilonggokkan kepada kita dengan segunung wang sekalipun, tetapi kalaulah kita tidak bijak berbelanja, kalau kita kurang cermat, kurang bertanggungjawab dan tidak mempunyai amanah adalah sukar bagi kita untuk mendapatkan putangan dari keuntungan dari wang yang sebanyak itu. Sebagai sebuah Kerajaan yang berasaskan di atas binaan yang kukuh iaitu falsafah bersih, cekap dan amanah, saya yakin masa depan negara kita akan terus kukuh dan terus memberi nikmat-nikmat kebahagiaan yang melimpah ke seluruh rakyat di negara ini.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1986.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas Yang Berhormat Tuan Loo Swee Mok, Yang Berhormat Puan Lim boleh bercakap. Sila.

#### 4.18 *ptg.*

**Tuan Loo Swee Mok:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi sokongan kepada Belanjawan 1986 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan melalui Rang Undang-undang Perbekalan 1986 di Dewan Rakyat pada 25hb Oktober, 1985.

Sebagaimana kita sedia maklum, negara kita sebagai sebuah negara yang mengamalkan ekonomi terbuka dan serba sedikit menghadapi ketegangan ekonomi negara. Dalam suasana ini ingin saya mengucapkan syabas kepada pihak Menteri Kewangan dan mereka yang telah memberi sumbangan untuk mengstruktur satu langkah dasar ekonomi bagi tahun 1986 yang begitu

praktikal. Boleh dikatakan bahawa sejak ucapan Belanjawan Menteri Kewangan dibentangkan di dalam Parlimen, tidak terdapat sebarang komen dan tentangan yang menuduhkan bahawa dasar-dasar sebagai yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri tidak menguntungkan rakyat dan negara pada keseluruhannya. Namun demikian sebagai seorang ahli yang dilantik untuk membayangkan hasrat dan hajat rakyat jelata, saya berasa bertanggungjawab untuk membangkitkan beberapa perkara di bidang yang perlu bertanya.

Pertamanya, saya ingin menyentuh tentang peruntukan bagi Kementerian Pertanian di bawah Bekalan B. 19. Saya perhatikan bahawa peruntukan sebanyak \$1,668 juta atau kira-kira 19% daripada keseluruhan peruntukan pembangunan telah dibahagikan kepada Sektor Pertanian. Sungguhpun peratusan ini merupakan satu kadar yang tinggi dibandingkan dengan peruntukan kepada lain-lain Kementerian pada keseluruhannya, saya berpendapat bahawa satu peruntukan yang lebih tinggi lagi adalah diperlu memandangkan bahawa Sektor Pertanian merupakan satu sektor utama ekonomi negara kita. Sebagai sebuah negara yang dikurniakan dengan tanah yang subur, industri asas pertanian merupakan satu industri yang kukuh bagi negara kita.

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah dengan bijaksana mencadangkan berbagai-bagai galakan cukai seperti galakan cukai taraf printis di bawah Dasar Pertanian Negara. Ini adalah satu langkah yang positif untuk menggalakkan eksport supaya meningkatkan nilai eksport daripada Sektor Pertanian serta memperbaiki keadaan imbalan pembayaran negara kita. Namun demikian, saya berharap bahawa cadangan-cadangan ini bukan

hanya merupakan satu cadangan untuk menjadikan Sektor Pertanian sebagai satu sektor viable pada pembukaan sahaja. Ini adalah kerana selain daripada galakan-galakan yang dicadangkan, pihak Kerajaan perlu juga mengambil kira beberapa faktor yang lain supaya matlamat untuk meningkatkan eksport Sektor Pertanian dapat dicapai.

Tidak kurang pentingnya pada faktor pengangkutan. Pada masa sekarang terdapat bahawa kadar pembayaran untuk pengangkutan barangan-barangan eksport adalah terlalu tinggi. Ini menyebabkan kos pengeluaran kita yang tinggi serta tidak dapat bersaing dengan pengeluaran negara-negara yang lain di pasaran dunia. Oleh yang demikian, saya ingin menyeru kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya menunjukkan keikhlasan dan mengkaji dengan mendalam faktor-faktor yang dapat menyebabkan pengeluaran barangan pertanian. Kita berbanding dengan pengeluaran negara-negara lain pada paras harga yang bersaing.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini saya ingin menyentuh serba sedikit tentang program "beautification" yang dijalankan oleh pihak Kerajaan di beberapa Ibu Kota negeri-negeri. Sebagaimana kita sedia maklum, berbagai-bagai jenis tumbuhan telah ditanam di merata tempat di Ibu Kota seperti Kuala Lumpur, Ipoh, Kuantan dan sebagainya. Ini adalah satu langkah yang patut digalakkan memandangkan bahawa tumbuhan-tumbuhan serta pokok-pokok bukan sahaja dapat mengindahkan pekelilingan Ibu Kota, bahkan dapat menyumbangkan satu suasana indah dan lebih sihat dan cergas. Sungguhpun demikian, saya juga berharap bahawa selain daripada pokok-pokok hanya memberi teduh, pihak yang berkuasa dapat mengkaji kemungkinan

menanam pokok buah-buahan tempatan di sekitar Ibu Kota. Dengan ini bukan sahaja kita dapat membanggakan pokok tanaman kita kepada pelawat-pelawat luar negeri, bahkan kita juga boleh dijadikan satu sumber pendapatan untuk menjaga keindahan Ibu Kota.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih atas peluang yang diberi kepada saya untuk mengutarakan pandangan saya di Dewan yang mulia ini.

4.26 ptg.

**Puan Lim Sean Lean:** Tuan Yang di-Pertua saya bangun kerana ingin mengambil bahagian dalam perbahasan atas Belanjawan Tahun 1986. Tuan Yang di-Pertua, tradisi dan strategi Belanjawan Malaysia biasanya sangat jelas diperlihatkan dalam satu formula untuk memerangi inflasi, jika sekiranya negara kita tertimpa oleh malapetaka ekonomi, inflasi, atau memerangi kemelesetan ekonomi, jika sekiranya Malaysia mengalami kemelesetan ekonomi dunia seperti hari ini.

Tetapi, apakah ciri-ciri khas dan formula ke Malaysiaan yang lebih berkesan untuk memerangi kedua-dua penyakit ekonomi negara kita, selain daripada hanya asyik untuk mengikuti dan mencontohi lain-lain negara yang maju dan membangun.

Tuan Yang di-Pertua, setiap tahun Belanjawan Malaysia dikemukakan, propaganda dan publisiti yang dititikberatkan atau diperhebat-hebatkan ialah apakah jenis barangan atau apakah jenis cukai pendapatan, baik dalam bentuk pengimportan atau pengeksportan atau dalam bentuk cukai pendapatan individu. Inilah yang diperhati-hatikan oleh negara kita dan rakyat kita sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, mengapa tidak satu konsep dan struktur baru cukai diperkenalkan untuk:

- (i) mempertingkatkan tempoh pembangunan sosio-ekonomi negara yang terkaya dengan sumber kekayaan alam semula jadinya, termasuk sumber tenaga manusia.
- (ii) memperkenalkan serta menggalakkan satu cukai insentif baru yang dapat memerangsangkan dan mempercepatkan tempoh pertumbuhan serta pembangunan sosio-ekonomi negara kita.

Umpamanya, memperkenalkan satu dasar yang konsep baru yang diselaraskan dengan aliran perkembangan dan pembangunan Dasar Teknologi Sosio-ekonomi Dunia (Research and Development Technology Policy).

Dasar teknologi "research and development" pada hakikatnya adalah merupakan satu sistem pembinaan ekonomi dan sosial yang terbaru untuk mengubah sistem ekonomi yang ada sekarang, sebagai salah satunya alat yang berkesan untuk membawakan satu pembaharuan dan perubahan yang terbaru untuk merevolusikan struktur sosio-ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua perlu mengkaji, termasuk sektor swasta dan Kerajaan kita, kenapakah Jepun, Korea, Taiwan dan USA serta Eropah adalah begitu berjaya dalam memperkembangkan pertumbuhan ekonominya dan dalam proses penyusunan masyarakatnya, apakah "miraclenya"?

Sebenarnya, dari angka-angka yang berikut, kita dapat sama-sama menyaksikan bahawa salah satunya unsur yang mengakibatkan satu perbezaan di antara "Third World"

ialah perbelanjaan dan prioriti yang mereka pusatkan dalam research and development, seperti jadual berikut:

Belanja R & D (\$juta)—% jumlah Keluaran Negara Kasar

Malaysia	0.5%
Jepun	2.78%
USA ..	2.36%
UK ..	2.47%
Korea	0.95%

Itulah sebabnya negara-negara yang melabur lebih banyak perbelanjaannya dalam research and development ini adalah lebih maju dalam bidang "production technology, innovative technology, design, engineering and consultancy technology, process and product-technology" dengan izin.

Ini adalah merupakan satu-satunya strategi untuk mempertingkatkan daya pengeluaran negara kita yang sebagai salah satunya cara untuk memerangi kemelesetan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapai matlamat research and development ini, saya adalah mencadangkan supaya Kabinet Kerajaan kita dapat menubuhkan satu "high-powered committee" dengan izin untuk mengkaji keseluruhan struktur dan dasar percukaian negara kita, termasuk pelan-pelan perindustrian, sama ada medium dan heavy industries, dengan izin.

Saya juga adalah mencadangkan supaya Yang Berhormat Menteri Kewangan dapat mempertimbangkan untuk mewujudkan satu insentif cukai kepada sektor swasta supaya program dan dasar pembangunan sosio-ekonomi negara kita dapat diubahsuaikan dengan menitikberatkan research and development. Ini adalah termasuk dalam bidang pelajaran dan latihan, research and development dan kelengkapan fasiliti yang berpotensi "high technology".

Dasar tenaga manusia negara kita pun perlu dikaji semula supaya satu sistem perlatihan dan pelajaran dan industrial dapat diwujudkan untuk menuju ke arah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap sedikit mengenai pelajaran iaitu dasar dan sistemnya. Satu fakta yang tidak dapat dinafikan oleh sesiapa pun ialah masalah polarisasi kaum. Kelas dan agama adalah merupakan suatu pokok permasalahan pembinaan negara kita, yang mana boleh dikatakan adalah berpunca secara langsung daripada dasar dan sistem pelajaran negara kita, khususnya isu "integrated school" dengan izin, yang pernah menimbulkan pelbagai reaksi yang buruk, isu pendatang luar dan lain-lain lagi.

Mengapakah Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka, yang sudah membangun sejak tercapai kemerdekaan pada tahun 1957 itu, masalah polarisasi kaum masih berakar umbi dalam tanahair kita?

Tidaklah ada gunanya bagi sesuatu pihak atau bagi sesiapa pun cuba tuduh menuduh atau salah menyalahkan di antara satu pihak dengan pihak lain, tetapi kita perlu bersikap rasipnal dan positif untuk mengkaji semula semua dasar-dasar yang dijadikan sebagai penghalang utama perpaduan negara kita, iaitu:

- (1) Dasar Pelajaran Kebangsaan;
- (2) Dasar Kebudayaan Nasional;
- (3) Dasar Ekonomi Baru;
- (4) ICA dan lain-lain undang-undang "yang dianggap menghalang usaha-usaha "nation-building" di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang adalah sampai masanya bagi kita semua memikir dan merenung apakah salahnya Dasar Pembinaan Negara kita sejak Malaysia mencapai Kemerdekaannya selama 28 tahun ini?

Mengapakah rakyat Malaysia, bangsa Malaysia dan anak-anak Malaysia masih dibahagi-bahagikan seperti dalam zaman penjajahan British, yang membeza-bezakan rakyat kita sebagai "bumiputera" dan "bukan bumiputera" atau "pendatang luar" atau "pendatang asing"?

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah sebuah negara yang terkaya dengan sumber kekayaan semulajadinya, yang terkaya dengan sumber tenaga manusianya. GNP (KNK) Malaysia bagi tahun 1985 ialah \$50,755 juta, per kapitariya ialah \$3,000. Tetapi kebanyakan negeri masih terletak dalam kategori "middle income", dengan izin.

Menurut Mid-Term Review kita dapat menyaksikan bahawa keadaan kemiskinan di Malaysia masih membimbangkan, umpamanya, di antara "total households" dengan izin, yang berjumlah \$2,370,700 ini, 717,600 adalah dianggap isirumah yang miskin iaitu 30.3%.

Di masyarakat luar bandar, iaitu digolongkan dalam masyarakat pertanian ini, sebanyak 1,489,500 isirumah yang ada di luar bandar tetapi yang miskin telah menduduki 619,700 isirumah atau menduduki 41.6%. Yang lebih serius ialah dalam sektor pekebun-pekebun kecil kelapa sawit iaitu 61.1% pekebun kecil getah ialah 54.9%, neiayan ialah 44.7% dan petani ialah 54%.

Memandangkan proses pembasmian kemiskinan adalah merupakan satu tugas yang paling mencabar, maka saya adalah mengesyorkan supaya Kerajaan dapat memberikan segala keutamaan untuk program "land and agricultural reforms", dengan izin, yang bertujuh untuk mempermodenkan struktur masyarakat pertanian negara kita.

Malaysia adalah merupakan sebuah negara pertanian yang berpotensi untuk menjalankan program ini, kerana masih luas tanah belum lagi

dimajukan. Umpamanya, dalam tempoh RME 1981-1985, seluas 543,481 hektar tanah dijadual akan dimajukan, tetapi hanya 55.8% sahaja dimajukan iaitu 303,244 hektar.

Saya harap supaya Kerajaan dapat mengadakan program ini untuk membolehkan majoriti rakyat yang tidak bertanah dan masih miskin dapat menikmati tanah dan sistem pertanian dan pembangunan tanah yang moden, supaya kualiti kehidupan sosio-ekonominya dapat diubahkan.

Tuan Yang di-Pertua, tanah-tanah yang ada sekarang ini hendaklah diperuntukkan kepada rakyat yang benar-benar kehausan tanah dan memberikan segala bantuan teknik dan nasihat kepada kaum petani untuk memajukan cara pertanian dan pembangunan kemajuan tanahnya, baik melalui agensi-agensi Kerajaan ataupun melalui syarikat koperasi, janganlah lagi menitikberatkan keturunan kaum dalam pemberian tanah dan bantuan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya menyokong dengan sepenuhnya Akta yang dinamakan Akta Perbekalan, 1986.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Kenneth Kyan Anak Temenggong Koh.

4.40 *ptg.*

**Tuan Kenneth Kyan Anak Temenggong Koh:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama rakan-rakan saya mengambil peluang untuk menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1986 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, kaedah-kaedah yang luas yang terkandung dalam dasar-dasar hasil dan



perbelanjaan Kerajaan sebagaimana yang telah dikemukakan dalam ucapan Belanjawan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini telah mendapat sokongan menyeluruh daripada segenap lapisan rakyat Malaysia. Nyatalah bahawa terdapat banyak lagi usaha-usaha yang lebih berhati-hati bagi pihak Kerajaan patut ambil dalam memotong perbelanjaan. Mempertingkatkan kecekapan pentadbiran dan meninggikan daya pengeluaran. Kita sedang bergerak melawan arus kelembapan ekonomi dengan rasa tanggungjawab kita kepada negara sebagai satu tugas terpenting di mana kita meramalkan pertumbuhan ekonomi sebanyak 5% bagi tahun 1986. Kadar pertumbuhan ini saya rasa boleh dicapai. Keadaan yang serupa bagaimanapun tidak dapat disekatkan untuk tahun-tahun ke hadapan melainkan suasana perdagangan dunia beransur pulih.

Tuan Yang di-Pertua, kita mestilah memperlengkapkan diri kita bagi menghadapi cabaran tahun-tahun ke hadapan yang lebih besar. Harga-harga barangan eksport kita akan terus jatuh lebih rendah yang membawa kesan buruk kepada jumlah kutipan hasil negara yang seterusnya akan menjejaskan kemampuan kita untuk membayar hutang negara. Oleh yang demikian, jelaslah kepada kita bahawa adalah penting bagi kita bersikap lebih berjimat cermat dalam segala perbelanjaan kita dengan memberi penekanan khusus kepada keperluan-keperluan utama. Sekurang-kurangnya buat sementara waktu keutamaan diberi hanya kepada usaha-usaha untuk menentukan kestabilan guna tenaga manusia dalam sektor awam dan swasta terus terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, cabaran yang paling besar yang kita hadapi hari ini ialah merupakan masalah bagi menambahkan bilangan peluang-peluang pekerjaan untuk menampung pertumbuhan bilangan tenaga baru

yang memasuki pasaran pekerjaan. Semestinyalah masalah pembuangan kerja yang sedang berlaku di dalam kilang-kilang tekstil, elektrik dan kereta motor yang disebabkan oleh dasar-dasar luaran yang membimbangkan kita. Pemberhentian kerja sementara yang dialami oleh beribu-ribu pekerja itu bukan sahaja merupakan suatu kemungkinan bahan keadaan ini telah pun berlaku dan suasana masa depan ekonomi yang gelap ini nampaknya akan berterusan untuk beberapa waktu lagi. Saya berharap apa yang saya perkatakan ini tidak akan menjadi kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, soalan terpenting yang difikirkan oleh rakyat yang terlibat dalam masalah di atas pada hari ini ialah, apakah yang patut kita buat bagi mengelakkan kemungkinan terjadinya pengangguran yang berleluasa. Sejarah telah mengajar kita apakah ekoran daripada keadaan yang sedemikian itu kepada negara. Kilang-kilang yang tidak dapat terus menjual barangan keluarannya tidak akan dapat bertahan menampung jumlah guna tenaga yang sama. Begitu juga dalam industri pertanian dan perlombongan apabila menghadapi tekanan persaingan yang kuat daripada luar negeri keadaan akan memaksa mereka supaya bertindak memberhentikan para pekerja mereka. Keganasan dan keadaan kacau bilau akan berlaku jikalau kita gagal mengambil langkah-langkah perlu ke arah menyelesaikan masalah ini. Kaji selidik yang ditemui oleh Professor Universiti tempatan iaitu satu cadangan bagi mewujudkan skim faedah pembuangan kerja yang menjamin pembayaran ganti rugi yang lebih adil mestilah diperkenalkan. Pekerja-pekerja yang dibuang mestilah diberi faedah pemberhentian kerja yang munasabah untuk membolehkan mereka menyara hidup mereka sekurang-kurangnya dalam tempoh setahun bagi membolehkan mereka

mempunyai cukup masa bagi mencari pekerjaan baru yang menjadi semakin sukar apabila menghadapi persaingan dalam pasaran buruh sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang dikemukakan oleh Datuk Hashim untuk ditubuhkan satu skim bergabung oleh EPF, SOCSO dan lain-lain tabung yang sama fungsinya hendaklah diberikan pertimbangan yang segera. Rakyat Malaysia mestilah bersedia membuat beberapa pengorbanan seperti mengenyepikan tuntutan-tuntutan kenaikan gaji melainkan apabila negara mampu menghadapinya. Kakitangan-kakitangan awam di negara jiran telah pun mengiktiraf kebenaran wujudnya keadaan ini dengan memersetujui cara sukarela membenarkan gaji mereka diturunkan. Apakah kakitangan awam dan swasta di negara kita yang menikmati gaji yang tinggi bersedia menerima hakikat seperti ini?

Tuan Yang di-Pertua, sebagai ganti daripada memilih model-model kereta yang diimport, apa salahnya buat sementara waktu kita beralih membeli Proton Saga yang menawarkan harga yang jauh lebih murah. Selain daripada dapat menyokong kepada kemajuan projek kereta nasional maka adalah merupakan suatu keputusan yang bijak dari segi harganya sekarang adalah suatu pembelian yang benar-benar bernilai. Kita tidak seharusnya membazir dalam suasana sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, menurunkan taraf kehidupan kita sekarang sejajar dengan keadaan ekonomi yang dialami tidak akan merugikan kita. Sebaliknya dengan berbuat demikian, kita dapat mempelajari cara-cara untuk berbelanja mengikut kadar yang termampu oleh kita. Sektor pembinaan perumahan adalah merupakan suatu industri yang sedang berkembang maju dengan luasnya di negara kita sekarang. Berpuluh-puluh ribu unit rumah dari berbagai jenis telah dan terus dibina dengan menawarkan harga

jualan yang sangat berpatutan. Untuk memudahkan pemilikan rumah-rumah oleh setiap orang, saya ingin mencadangkan iaitu tempoh pinjaman perumahan hendaklah dipanjangkan bukan sahaja di kalangan kakitangan Kerajaan tetapi juga termasuk pekerja-pekerja dari sektor swasta. Adalah tidak adil untuk mengikat seseorang peminjam yang berpendapatan katalah seribu ringgit menanggung beban pinjaman daripada Bank Perdagangan untuk tempoh lapan hingga sepuluh tahun sahaja.

Di United Kingdom seseorang itu boleh mendapati pinjaman perumahan untuk tempoh 20 hingga 30 tahun bergantung kepada umur pemohon pada ketika itu. Dengan cara ini seseorang pembeli rumah boleh membayar balik pinjaman dengan jumlah yang lebih berkurangan setiap bulan di mana perbezaan yang diperolehi itu boleh pula digunakan bagi meninggikan taraf kehidupan mereka untuk membeli peti sejuk, VCR, perabot, kereta dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu berjimat cermat memandangkan kedudukan kewangan kita dengan menghindarkan diri daripada mengikat kontrak pinjaman-pinjaman baru melainkan untuk sesuatu projek yang dirancangkan yang mana dapat menghasilkan pulangan yang segera.

Sebagai seorang Senator daripada Sarawak saya suka menyampaikan sokongan kuat atas Projek Bakun kerana keyakinan kami bahawa projek itu akan memberi manfaat besar dan langsung kepada penduduk di situ dan negara amnya. Adalah menjadi satu kebanggaan bagi saya menyatakan sokongan mengenai pembinaan loji LNG di Bintulu, Sarawak yang diibaratkan sebagai sebuah tiang besar dalam rangkaian struktur ekonomi negara kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, -saya menyokong Rang Undang-undang membuat peruntukan bagi mengeluarkan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebanyak \$13,975,219.090 untuk- perkhidmatan bagi tahun 1986 dan supaya wang tersebut diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam jadual. Terima kasih.

#### 4.55 ptg.

##### **Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:**

Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong sepenuhnya cadangan Belanjawan tahun 1986 yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Beliau patut diberi ucapan tahniah di atas pendekatan yang prematik untuk menyelesaikan masalah ekonomi dan kewangan yang kita hadapi pada masa sekarang. Saya yakin rakyat di negeri ini di mana sahaja akan menghargai hasrat Kerajaan yang sangat-sangat mengambil berat tentang kesejahteraan rakyat jelata di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini iaitu anggaran perbelanjaan Kerajaan ialah sebanyak \$30,800 juta bagi perbelanjaan Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1986 dan kira-kira daripadanya ialah \$21,954 juta adalah untuk perbelanjaan mengurus.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil sedikit padangan bahawa walaupun dalam keadaan negara kita sedang menghadapi kemelesetan ekonomi dunia, walaupun demikian, Kerajaan telah sedaya upaya dapat memberikan peruntukan dan pengurusan pentadbiran Kerajaan dari masa ke semasa. Dan inilah juga langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan kita yang mana saya berpendapat inilah satu langkah bagi

menstabilkan kedudukan pengurusan Kerajaan dan juga kestabilan politik. Walaupun daripada anggaran ini yang begitu banyak hanya lebih kurang kira-kira 29% sahaja daripada yang diperuntukkan bagi perbelanjaan untuk pembangunan negara, dan ini telah membuktikan bahawa Kerajaan terus memberikan perhatian berat kepada pembangunan-pembangunan yang masih diperlukan di negara ini terutama sekali mereka yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar yang masih belum mendapat kemudahan-kemudahan asas.

Saya yakin dengan adanya perbelanjaan ataupun Belanjawan bagi tahun 1986 ini walaupun tidak begitu besar tetapi sekadar mana Kerajaan dapat membelanjakan wang negara saya percaya rakyat akan dapat mengalu-alukan kerana kemelesetan ekonomi dunia pada hari telah banyak menjejaskan negara kita yang mana Malaysia adalah satu-satunya negara pengeluar bahan-bahan utama dan bergantung lebih banyak kepada negara-negara luar yang membeli bahan-bahan daripada negara kita khususnya bahan-bahan pertanian. Jadi, ini telah banyak kita perhatikan.

Pada suatu ketika dahulu Malaysia adalah sebuah negara pengeluar getah yang terbesar dan kita telah tanam getah seluas-luasnya, tetapi akhirnya harga getah telah pun menurun dan diikuti pula dengan kelapa sawit dan keseluruhannya pula penanaman kelapa sawit dibuat secara besar-besaran. Bilamana ianya telah melebihi daripada keperluan dunia, harga ini juga telah menurun. Demikian juga keadaannya seperti bijih timah dan juga hasil-hasil pertanian yang lain, apa yang kita keluarkan senantiasa menjadi cabaran. Walau macam manapun, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Kerajaan akan terus berusaha bagi meningkatkan daripada segi pembangunan ekonomi negara dan juga daripada segi pemasaran untuk di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, menurut apa yang dibuat oleh perangkaan daripada Kementerian Kewangan iaitu daripada pengurusan, kira-kira 70% daripada Belanjawan negara adalah untuk pengurusan yang mana ini diambil kira iaitu tiap-tiap 17 orang penduduk Malaysia adalah bekerja dengan Kerajaan. Ini, Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap 17 orang rakyat Malaysia yang bekerja dengan Kerajaan ini adalah berdasarkan kepada 12 juta rakyat Malaysia yang mana dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan telah membuat perbandingan di setengah-setengah negara lain iaitu seperti negara Brunei Darussalam dan juga Kerajaan Republik Singapura di mana negeri Brunei katanya tiap-tiap 29 orang rakyat Brunei menjadi kakitangan Kerajaan. Jadi kalau kita kira tiap-tiap 29 rakyat negeri Brunei adalah berdasarkan kepada hanya 250,000 orang penduduk sahaja. Jadi kalau kita bahagi 4, kita katakan penduduk Brunei itu 1 juta orang, bererti tiap-tiap 7 orang rakyat Brunei akan bekerja dengan Kerajaan, itu hanya berdasarkan kepada 1 juta orang. Jadi kalau kita ambil kira yang mana rakyat Malaysia tiap-tiap 17 orang tadi berdasarkan kepada 12 juta orang rakyat Malaysia, maka ini masih dianggap kecil lagi bilangan rakyat Malaysia yang bergantung mendapatkan pekerjaan daripada Kerajaan.

Demikian juga kalau kita ambil kira daripada Kerajaan Republik Singapura yang mana tiap-tiap 37 orang rakyat Singapura berdasarkan kepada 2 1/2 juta penduduk Singapura, jadi kalau kita kalikan 4-5 juta. Ini bererti tiap-tiap 5 orang rakyat Singapura bekerja dengan Kerajaan. Jadi saya fikir dalam perangkaan seperti ini tidak boleh kita ambil misalan kerana penglibatan negara-negara seperti ini tidaklah meluas seperti yang terdapat di negara kita Malaysia. Kalau kita katakan

Kementerian-kementerian kita sahaja, dikatakan Kementerian Pertanian dan diikuti dengan berbagai-bagai agensi yang di bawahnya yang mana melibatkan lebih banyak daripada pertanian dan ini telah melibatkan berapa ramai kakitangan-kakitangan yang diperlukan dan juga saiz atau luasnya keseluruhan negara Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak ini kalau kita ambil kira. Jadi penglibatan pengurusan itu sudah tentu lebih banyak.

Jadi ini kita hanya katakan satu sahaja Kementerian, kita belum ambil kira daripada segi Kementerian Pertahanan kita, belum lagi dikatakan Kementerian Perdagangan dan sebagainya. Ini kalau diambil kira segala apa juga pengurusan yang dibuat oleh Kerajaan kita pada masa sekarang ini, saya fikir adalah memang sesuai dan mencukupi. Walaupun Kerajaan menganggap bahawa Belanjawan bagi pengurusan itu terlalu tinggi tetapi bagi pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, kita seharusnya memikirkan bahawa kakitangan-kakitangan Kerajaan yang telah berkhidmat ini, mereka ini adalah yang dikatakan supaya mengamalkan sikap, "Bersih, Cekap dan Amanah", dan inilah juga konsep yang kita mahukan supaya pegawai-pegawai Kerajaan kita melipatgandakan usaha mereka dalam menentukan supaya pengurusan pentadbiran Kerajaan kita dari masa ke semasa senantiasa mendapat susunan pentadbiran yang begitu licin.

Di sebaliknya pula, kita jangan mengambil kira daripada peruntukan pengurusan ini terlalu tinggi kerana pegawai-pegawai Kerajaan ini juga patut kita berikan pujian kerana mereka ini juga boleh dikatakan berkorban masa, berkorban untuk jabatan-jabatan dan keseluruhannya kepada Kerajaan, mereka ini yang menjalankan perkhidmatan Kerajaan yang sebenar-benarnya. Jadi dalam pengurusan inilah saya percaya kalau

kita bandingkan Malaysia adalah satu-satunya negara di Asia Tenggara ini yang mempunyai pentadbiran dan sistem yang begitu baik. Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, pada jangka masa yang panjang, bilangan penduduk Malaysia yang bekerja dalam Kerajaan ini akan berterusan meningkat, ini adalah selari dengan pembangunan negara kita dari masa ke semasa yang mana ikut mencabar pembangunan, yang mencabar pengurusan ini ialah pegawai-pegawai Kerajaan. Mereka inilah yang bertungkus-lumus, yang bekerja bersungguh-sungguh kerana mereka inilah yang mencabar dengan pembangunan. Jadi kita hanya merancang, pemimpin-pemimpin negara merancang dan sebagainya tetapi dalam pelaksanaan, pegawai-pegawai Kerajaan inilah yang banyak melibatkan khidmat mereka untuk melaksanakan dasar pelaksanaan dan sebagainya.

Saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, apa jua Belanjawan yang telah diperuntukkan bagi tahun 1986 ini memanglah wajar dan saya percaya apa jua langkah-langkah daripada Kementerian Kewangan untuk melicinkan semua pentadbiran Kerajaan, perbelanjaan pembangunan kita baik di dalam bandar dan di luar bandar terus berjalan seperti biasa walaupun pembangunan di luar bandar mungkin berkurangan akibat daripada kemelesetan ekonomi kerana Kerajaan kurang pendapatan dan sebagainya.

Satu daripadanya, Tuan Yang di-Pertua, walaupun Kerajaan kita sedang menanggung bebanan hutang luar negeri hampir lebih kurang \$60 billion, namun demikian Kerajaan kita telah berjaya dapat membayar kira-kira \$5 billion atau kira-kira 25% setahun kepada hutang negara. Ini menunjukkan bahawa kemampuan negara kita berhutang kepada luar negeri untuk perancangan

pembangunan. Jadi negara Malaysia satu-satunya yang dapat membuktikan iaitu segala apa perancangan pembangunan yang kita buat hari ini dapat dirasakan oleh seluruh rakyat Malaysia, ini tidak dapat dinafikan.

Sehingga hari ini sudah 27 tahun Malaysia merdeka, bukan sahaja kita dapat melahirkan ahli-ahli profesional dalam negara ini untuk digunakan dalam negara ini, tetapi kita telah juga menghantar ke beberapa buah negara-negara yang kurang maju iaitu kita telah menghantar pegawai-pegawai Kerajaan kita untuk memberikan bantuan teknikal kepada mereka ini daripada segi penyelidikan kelapa sawit, koko dan sebagainya dan bermacam-macam lagi, mungkin luar daripada pengetahuan saya. Jadi ini menunjukkan bahawa dalam apa jua wang yang kita pinjam dan kita gunakan sepenuhnya, kemajuan ini dapat kita rasakan.

Jadi kalau saya katakan kemajuan, ini kalau dibayangkan sahaja Kuala Lumpur, mungkin kalau 6 tahun yang lepas kita tidak nampak di Kuala Lumpur mempunyai bangunan pencakar langit tetapi hari ini kita dapat melihat Kuala Lumpur mempunyai bangunan-bangunan pencakar langit. Kalau pada suatu masa dahulu kita hanya dapat melihat bangunan-bangunan pencakar langit ialah di Singapura tetapi hari ini kita dapat bayangkan, kalau kita lihat dalam kaca TV ataupun kita berada di tengah-tengah kota Kuala Lumpur sendiri, kita melihat. Ini bererti pertumbuhan ekonomi negara kita ini telah ternyata.

Jadi telah ternyata bahawa kemajuan ini sudah dapat kita rasakan, pertumbuhan ekonomi itu sudah wujud, tetapi kita hanya merasakan bahawa kita senantiasa dari masa ke semasa mempunyai satu dorongan atau motivation, dengan izin, supaya kita membuat pencapaian yang lebih baik dari masa ke semasa. Jadi kita

bayangkan, bandingkan Kuala Lumpur dan kita mempunyai bangunan-bangunan hotel yang begitu tersergam indah dan mempunyai pokok-pokok bunga, pokok-pokok kayu yang tumbuh dari asal ataupun ada yang baru-baru ini ditanam tetapi keindahan Kuala Lumpur ini telah ternyata sebagai alam semulajadi itu nampak wujud.

Dalam daya penarikan pelancong pula, saya fikir Kuala Lumpur atau negeri-negeri lain di Malaysia ini, kita tidak akan kekurangan dalam potensi serupa ini. Saya percaya dalam mendapatkan pendapatan negara ini, salah satu daripada usaha Kerajaan ialah untuk menarik lebih banyak pelancong, dan mungkin industri pelancongan ini akan menjadi hasil yang ketujuh, kalau tidak silap saya, atau hasil yang ke sepuluh dalam senarai pendapatan negara kita jika ini dapat diwujudkan. Daripada segi kemajuan negara, saya fikir, ini tidak dapat dinafikan oleh sesiapa pun. Ini dari segi kemajuan ekonomi, tetapi di dalam kemajuan seperti ini pun ada setengah-setengah rakyat di negara kita yang tidak merasakan yang mereka itu telah mendapat bahagian di dalam negara ini. Seolah-olah mereka itu tidak mendapat sesuatu apa pun, dan ada sahaja perasaan rasa tidak puas hati, rasa syak wasangka dan sebagainya pada hal semua rakyat Malaysia telah mendapat nikmat dan mendapat hak-hak istimewa di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dengan peruntukan ini juga tidak akan menunjukkan sebarang perbezaan antara rakyat Malaysia di luar bandar mahupun di dalam bandar. Peruntukan ini boleh dikatakan untuk kepentingan keseluruhannya di negara ini yang mana difikirkan oleh Kerajaan itu adalah perlu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga di sini ingin menyentuh soal galakan industri pelancongan. Dalam industri

pelancongan ini ada setengah-setengah daripada pihak-pihak hotel ini mengambil peluang daripada usaha-usaha Kerajaan ini dengan secara senyap-senyap. Saya ingat iaitu lebih kurang tahun lepas atau tahun ini juga, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah merayu kepada pengusaha-pengusaha hotel supaya mengurangkan harga-harga bilik hotel dan juga Perdana Menteri sendiri telah pun memberikan peringatan kepada pengusaha-pengusaha hotel supaya tawaran 20% daripada bayaran tenaga atau electricity diturunkan. Ini pada mula-mulanya pihak-pihak pengusaha hotel enggan menerima, tetapi akhirnya mereka menerima. Tetapi di sebaliknya, sepatutnya Kementerian Perindustrian mesti juga mengambil perkiraan, walaupun mereka menurunkan harga bilik hotel, tetapi mereka ini telah menaikkan juga harga makanan iaitu sarapan pagi, tengah hari dan sebagainya tanpa memberitahu Kementerian. Hotel ini kadang-kadang menaikkan di antara 10 hingga 20% ataupun lebih daripada itu.

Cuba Tuan Yang di-Pertua fikir, kalaulah hotel-hotel yang bertaraf antarabangsa misalnya, kalau untuk sarapan pagi makan nasi lemak sahaja harganya \$19, "yong tau fu" pun \$19, harga yang sedemikian ini adalah tidak munasabah kalau kita fikirkan. Kalau pelancong dari luar negeri melihat harga yang seperti ini yang begitu mahal, kenapa harga yang seperti ini juga tidak diambil kira, dikawal. Kita tidak mengawal ketat, tetapi sekurang-kurangnya ada persefahaman di antara pengusaha-pengusaha hotel dan juga Kementerian sekadar mana harga-harga ini yang patut dikenakan. Inilah kadang-kadang mereka ini bersetuju diturunkan di satu pihak yang lain tetapi mereka naikkan pula di harga-harga yang lain. Ini banyak kalau saya mahu sebutkan. Saya ingat tidak perlu disebutkan dalam soal ini, biarlah kepada Kementerian yang berkenaan

supaya membuat penyelidikan dan ini akan menjejaskan industri pelancongan. Kerana negara-negara seperti Thailand, Filipina mendapat kemajuan dalam industri pelancongan ini ialah kerana barang-barang yang terdapat di tempat-tempat ini baik tempat penginapan, barang makanan atau barang-barang buatan pertukangan tangan ini semua didapati dengan murah. Ini juga menarik pelancong dan berbagai-bagai insentif yang lain yang diperolehi daripada negara-negara ini.

Kita di Malaysia ini masih ada terdapat beberaparentangan-rintangan yang tertentu. Inilah juga mungkin bilangan pelancong ini tidak begitu bertambah dengan pesatnya seperti yang terdapat di negara-negara lain. Walau macam manapun, saya yakin dengan usaha daripada Kementerian supaya usaha menggalakkan penarikan pelancongan ini dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Satu lagi sepertimana yang pernah disarankan dalam Dewan yang mulia ini iaitu Kerajaan cuba hendak membuat industri perkapalan dan juga insurans di dalam negara ini sebagai mengatasi daripada pengaliran wang kita keluar negeri. Di sini saya ingin mengambil bahagian dalam soal ini yang mana Malaysia ini terdapat dua limbungan kapal yang terbesar. Satu MSE di Pasir Gudang, Johor dan satu Sabah Shipyard yang ada di Wilayah Persekutuan Labuan. Baru-baru ini iaitu sebanyak 20 buah pelantaran minyak untuk Sabah Shell dan Sarawak Shell yang telah ditandatangani oleh Pengerusi MSE untuk dibuat di Pasir Gudang. Dalam segi membuat fabrication ini, iaitu "jacket", dengan izin, perkataan yang sebenarnya ialah "jacket" saya fikir jacket ini adalah satu-satunya yang terdahulu dibuat di Labuan oleh sebuah syarikat American iaitu Brown & Roades. Hari ini telah dibuat oleh sebuah syarikat MSE di Pasir Gudang. Kalau sekiranya

Kerajaan ingin melihat supaya kerja-kerja ini dapat dibahagikan, misalnya 20 buah jacket ini dibuat di Pasir Gudang, kenapa tidak 5 daripadanya dibuat oleh Sabah Shipyard di Labuan. Dan kemampuan Sabah Shipyard juga membuat kapal seberat 8,000 tan dan dia juga telah dapat membuat sebuah rumah untuk pelantaran minyak untuk pekerja-pekerja tinggal di lautan untuk mencarigali minyak, ini juga dibuat di sana. Dengan cara ini supaya pengaliran wang ini dapat terbahagi di mana industri-industri berat ini terletak di negara kita.

Saya tidak bermaksud untuk mempertikaikan kenapa semestinya MSE mengambil kesemua 20 buah jacket ini dibuat di sana dan kenapa pula Wilayah Persekutuan Labuan tidak diberikan. Di sini saya mengambil satu contoh, sebelumnya syarikat Brown & Roades ini tutup kerana tidak mendapat kontrak daripada Shell iaitu Sabah Shell dan juga Sarawak Shell, ianya telah dapat memberikan peluang pekerjaan kepada sebanyak 800 orang. Sekurang-kurangnya \$5 juta tiap-tiap bulan pengaliran wang yang dibayar kepada pekerja-pekerja, dan ini juga telah menimbulkan ekonomi pulau itu semakin meningkat. Tetapi selepas itu kontrak sudah tidak disambung semula, projek ini diserahkan kepada PROMET. PROMET telah mengambil alih, kemudian itu dibuat di Pasir Gudang. Dahulu PROMET mengatakan dia akan buat di Labuan dengan mendapat tanah seluas 19 ekar kawasan perindustrian rancangan-rancangan dan ini juga tidak dibuat. Jadi semua kehilangan pekerjaan.

Jadi, nasiblah Sabah Shipyard adalah satu-satunya limbungan kapal yang terbesar yang dapat mengambil orang-orang ini bekerja, waktu itu Yayasan Sabah masih memberi peluang membuat; beberapa buah kapal yang seberat 8,000 tan, saya ingat, dalam tiap-tiap 5 bulan sebuah

kapal boleh siap dibuat, jadi mereka ini dapat diambil bekerja. Jadi sehingga hari ini kerja-kerja seperti ini sudah habis.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga banyak mempunyai kapal-kapal yang berdaftar di Malaysia dan banyak saudagar-saudagar yang punya kapal ini masih menggunakan negara-negara lain untuk mereka ini membuat kapal ataupun membersihkan, penyelenggaraan (maintenance) kapal-kapal mereka ini di luar Malaysia. Ada yang menghantar ke Hong Kong, ada yang menghantar ke Singapura, kenapa? Kenapa mereka tidak mahu membuat, membaiki kapal, mengecat kapal di negara kita sendiri? Ini terdapat di Pasir Gudang, terdapat di Wilayah Persekutuan Labuan dan juga kapal-kapal perang kita yang ada. Kalaupun kapal-kapal perang ini dapat kita buat cuma mengecat, membersihkan dan sebagainya di dalam tempatan, bererti kita tidak akan mengalirkan wang kita begitu banyak. Inilah juga saya minta supaya Kerajaan mengambil perhatian kerana rakyat kita adalah lebih perlu diberikan pekerjaan dan wang ini pula kepada mereka yang bekerja. akan dibelanjakan balik di dalam negeri ini sendiri. Saya berharap supaya ini diambil perhatian oleh Kementerian yang berkenaan, kalaulah ada projek-projek yang besar-besar membuat pelantaran minyak atau "jacket" ini patutlah diberi.

Tuan Yang di-Pertua, patut juga saya katakan di sini, kalau tidak silap saya, Syarikat PERNAS telah membuat dua buah kapal di Labuan untuk mengangkat simen, iaitu PERNAS Telok Eva, kalau tidak silap saya kapal itu dinamakan. Ini telah membuktikan dan mereka berpuas hati standard, kualiti yang dibuat di sana adalah sama dengan apa yang dikeluarkan oleh Negeri Jepun. Saya percaya ini telah sudah dapat dibuktikan. Jadi kenapa, ertinya kita akan biarkan timbungan kapal kita

begitu, tidak ada langsung pekerjaan. Kalaulah ini dapat kita selamatkan, maka peluang-peluang pekerjaan ini akan terus dapat dirasakan oleh rakyat kita di negara ini.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, ini soal pengurangan 20% tenaga elektrik harganya. Saya fikir ini tidak dilibatkan kepada Sabah. Ada sedikit pendapat-pendapat daripada pengusaha-pengusaha hotel di Sabah kenapa mereka ini tidak dapat potongan 20% daripada harga kos tenaga elektrik sedangkan semua pengusaha-pengusaha hotel di Kuala Lumpur ini dapat. Jawapan mereka ini, tenaga yang digunakan di Kuala Lumpur adalah lebih banyak daripada tenaga yang digunakan oleh seluruh negeri Sabah. Itu jawabannya. Dengan sebab itulah, katanya, di negeri Sabah tidak dapat diturunkan 20%. Ini sepatutnya tidak boleh diambil kira sedemikian kerana pengusaha-pengusaha hotel itu kalau sahaja diturunkan hanya kepada pengusaha-pengusaha hotel, saya fikir Sabah juga akan dapat memainkan peranannya sebagai satu negeri yang boleh memajukan dalam industri pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi di sini yang saya ingin sebutkan iaitu mengenai strategi pemasaran barangan buatan Malaysia di negara ini. Kita telah pun mencapai berbagai-bagai kemajuan. Dahulunya mungkin kita banyak mengimport barang-barang buatan elektrik, tetapi hari ini boleh dikatakan peti sejuk, televisyen, hawa pendingin (air-con) dan sebagainya sudah dibuat di negara ini. Saya harap supaya barang-barang seperti ini ataupun barang-barang yang ditinkan mestilah dipasarkan di negara-negara luar dengan mempunyai strategi yang begitu baik daripada Suruhanjaya-suruhanjaya Perdagangan kita di luar negeri patut mengadakan kempen-kempen yang begitu serius untuk mendapatkan pasaran-pasaran yang lebih baik.



Cuba kita fikirkan, kalau kita boleh menjual hawa pendingin (air-condition) ataupun peti sejuk di Asia Barat, ini kita ambil kira sebagai sebuah negara-negara Islam, saya fikir sudah tentu ini akan banyak menambah peluang-peluang pertumbuhan ekonomi di negara ini dan akan dapat memperluaskan kilang-kilang pembuat peti sejuk, hawa dingin dan sebagainya, seperti televisyen yang kita buat di Malaysia. Tetapi apa yang mendukacitakan, strategi pemasaran ini tidak begitu kuat kerana mereka lebih mengenal buatan-buatan dari Jepun kerana kita juga mempunyai buatan air-condition yang menggunakan sama dengan nama Jepun; kalau National, Nationallah juga; kalau Hitachi buatan Malaysia, Hitachilah juga buatan Jepun. Jadi Jepun juga mempunyai pasaran di Asia Barat, di mana-mana merata dunia, jadi kita mahu lawan Jepun buat apa, tak boleh lawan Jepun kerana kita telah meniru teknologi Jepun. Kita minta Jepun membawa teknologi mereka datang ke mari dan memasang dan kita hanya sekadar mempunyai teknologi memasang. Dengan sebab itulah saya fikir kalau kita mahu mendapatkan pasaran ini, kita mestilah mengambil kira supaya negara-negara Asia Barat, negara-negara Islam atau yang berjiran lebih baik, berkawan rapat dengan Malaysia ini patut kita kuatkan strategi kita dalam pemasaran barang-barang buatan Malaysia yang terdapat di negara ini supaya lebih kurang kita dapat menyaingi apa yang dikeluarkan oleh negara-negara yang lebih maju. Saya fikir untuk mengatasi Jepun memang jauh sekali, kita tidak boleh buat seperti itu. Itulah bagi pendapat saya.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, mengenai peranan bank dan institusi kewangan. Dalam keadaan ekonomi yang meleset pada masa sekarang saya fikir peguam-peguam, mahkamah-mahkamah penuh dengan saman-saman mendakwa kepada orang-orang

yang berhutang. Inilah masanya bank hendak mendakwa kepada mereka yang meminjam tidak dapat menjelaskan dan dengan memberi notis yang begitu singkat. Sepatutnya peranan bank juga harus bertimbang rasa, bukan masanya sekarang. Tidak ada guna misalnya, si polan bin si polan diumumkan sebagai seorang bankrap. Bankrap kerana tidak boleh membayar hutang perniagaannya, tetapi keadaan dunia itu bukan kehendaknya. Tetapi hari ini peranan-peranan yang dimainkan, bukan semua bank, tetapi ada bank-bank yang tertentu yang terlalu menggunakan sekatan-sekatan kemudahan-kemudahan yang tidak begitu memuaskan.

Kalau kita baca akhbar, kalau kita baca dasar Bank Negara semuanya bagus, cantik, tetapi bila kita memohon kepada bank, keadaannya sudah berlainan, seolah-olah apa yang disebutkan dasar bank oleh Bank Negara itu tidak diindahkan oleh bank-bank, mahupun institusi-institusi kewangan, sudah berlainan. Jadi ini bukan masanya kepada bank untuk mengenakan sekatan, inilah masanya sepatutnya bank berunding dengan peniaga-peniaga untuk meneruskan perniagaan mereka. Jika mereka menutup sesuatu akaun mereka dan tidak memberikan kemudahan, macam mana satu-satu akaun mereka itu boleh bergerak. Adakah bank akan menggalakkan mereka ini pergi merompak bank, bayar kepada bank ini, itukah maksudnya? Inilah apa yang berlaku pada hari ini.

Saya fikir barangkali jarang-jarang ada orang yang berani bercakap dalam soal ini, takut kerana barangkali berhutang kepada bank, tetapi saya berani bercakap kerana ini adalah satu kenyataan sehingga unit Amanah Saham Nasional yang dicagarkan sebagai satu sandaran kepada pinjaman kepada bank pun itu mahu dirampas oleh bank. Adakah ini masuk dalam pemikiran? Ini juga akan dibuat oleh bank sehingga Amanah Saham

Nasional itu mahu dibeli balik kalau tidak boleh bayar sedangkan Amanah Saham Nasional yang dipegang oleh orang-orang Melayu bumiputera adalah sebagai satu simbol, satu keistimewaan, satu kemegahan kepada orang-orang Melayu memegang Amanah Saham Nasional, tetapi di sebaliknya bank cuba menggunakan kuasanya ataupun dengan tidak sabar-sabar yang saya katakan, mahu merampas Amanah Saham Nasional yang dipegang oleh orang-orang Melayu. Jadi inilah perbuatan-perbuatan bank yang ada sekarang.

Saya berharap supaya Kerajaan dan Bank Negara ataupun Kementerian Kewangan akan menyelidiki kepada semua bank-bank termasuk sekali Bank Negara. Sejak skandal Bank Bumiputra inilah timbulnya semua bank-bank lain telah dikenakan sekatan-sekatan yang begitu kuat. Jadi, kenapa kerana nila setitik, rosak susu sebelanga ataupun kerana seekor kerbau membawa lumpur semua yang terpalit. Saya harap Kerajaan akan mengkaji ini semua.

Dalam keadaan ekonomi yang ada sekarang, sepatutnya menurut negara-negara lain dalam keadaan sesebuah negara itu ekonominya sedang meleset, Kerajaan menyalur dan Kerajaan memberikan kelonggaran-kelonggaran supaya pertumbuhan ekonomi, pergerakan sesuatu syarikat itu mesti berjalan. Inilah ekorannya supaya mereka ini dapat bergerak, tetapi kalau dengan adanya diketatkan semua ini siapa boleh bergerak. Mana satu?

Di Kuala Lumpur iaitu di Semenanjung Malaysia ini sendiri, di negeri Perak, Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak silap saya 100 buah lombong bijih telah ditutup, bukan sahaja tidak mampu untuk membayar gaji tetapi tidak mampu untuk membeli minyak diesel. Itu satu petanda. Jadi, apa lagi syarikat-syarikat yang kecil yang meminjam \$100,000, \$200,000.

Yang punya lombong ini orang jutawan, membeli diesel satu gelen pun tidak mampu, mereka sanggup menutup. Salah bank tidak ambil kira. Orang-orang ini tidak akan lari, mereka ini tidak akan lari kalau bank akan terus memberikan kemudahan.

Juga, Tuan Yang di-Pertua, dalam soal inilah patut diambil perhatian yang mana pertumbuhan ekonomi kita ini bukan hanya daripada segi memberikan perancangan ekonomi, penyusunan ekonomi yang begitu cantik dalam-kertas, iklan-iklan dalam TV, Menteri memberitahu kepada rakyat di luar bandar, projek-projek itu akan dibuat bagi menampung kemelesetan ekonomi. Ini tidak akan jadi. Sedangkan dalam ucapan Menteri Kewangan telah mengatakan penyertaan pihak swasta dalam mengembalikan pertumbuhan ekonomi adalah amat penting. Pihak swasta mana yang boleh mengembalikan ekonomi kalau bank masih membuat syarat-syarat yang begitu ketat. Ini yang harus kita persoalkan.

Baru-baru ini saya telah terbaca dalam *The New Straits Times* yang mana Bank Negara telah pun mengeluarkan borang-borang kepada orang ramai yang boleh didapati di mana-mana bank supaya pelanggan-pelanggan bank dapat membuat aduan terus kepada Bank Negara, memberikan aduan, apakah khidmat-khidmat bank yang tidak memuaskan. Ini sebagai satu langkah yang saya anggap terpuji. Inilah langkah yang paling baik yang diambil oleh Bank Negara supaya pelanggan-pelanggan bank tidak akan berasa segan silu mengisikan apa yang mereka anggap tidak memuaskan atas perkhidmatan-perkhidmatan bank pada masa sekarang.

Dalam kelembapan ekonomi, ini yang kita maksudkan, bukan dalam keadaan negara kita yang sudah

makmur. Itu lain kesah. Kita banyak, boleh cari tutup lubang, buka lubang di sana sini, tetapi dalam keadaan yang sekarang, keadaan yang membimbangkan; " bukan membimbangkan kepada setiap rakyat tetapi kepada Kerajaan kita keseluruhannya, Kerajaan keseluruhannya mengharapkan wang—the circulation. Dengan putaran wang kita mesti berada di dalam negara kita. Pertumbuhan ini mesti ada tetapi jika ini semua tidak dapat, akibatnya siapa dan kita juga menanggung hutang yang saya katakan tadi, kita menanggung hutang luar negeri dan macam mana kita akan melaksanakan pertumbuhan ekonomi daripada pihak swasta jika sekiranya kelonggaran syarat pinjaman-pinjaman ini tidak diadakan. Inilah yang patut diambil kira.

Kadang-kadang kita telah melihat ada \$500 juta yang telah diperuntukkan untuk pemodal-pemodal ataupun peniaga-peniaga kecil bumiputera bagi tahun-tahun sekian. Bila disemak balik oleh Bank Negara, peruntukan ini belum lagi dibelanjakan oleh bank-bank yang lain. Kenapa? Adakah bank-bank ini tidak percaya kepada peniaga-peniaga bumiputera dan sepatutnya mereka ini mengadakan satu suruhanjaya menyiasat dengan keadaan yang ada sekarang.

Saya fikir ramai pelanggan-pelanggan ini akan bersetuju jika sekiranya satu suruhanjaya diadakan, menyiasat mengenai apakah peranan dan perkhidmatan bank dalam zaman kemelesetan ekonomi yang ada sekarang ini. Adakah mereka ini benar-benar menurut apa yang diarahkan oleh Kerajaan. Tetapi sebaliknya mereka tidak berbuat demikian. Jadi, saya berharap borang yang dikeluarkan oleh Bank Negara itu untuk diisikan oleh setiap pelanggan akan dapat dilaksanakan oleh orang

ramai supaya Bank Negara dapat mengetahui kedudukan yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi soal di sini—mungkin ada Ahli-ahli yang lain akan berucap. Oleh kerana saya datang daripada Wilayah Persekutuan, jadi saya suka bercakap sedikit soal Wilayah Persekutuan. Sejak Labuan jadi Wilayah Persekutuan sudah hampir 2 tahun, saya meminta supaya Kementerian Wilayah Persekutuan membuat perancangan pembangunan bagi Wilayah Persekutuan Labuan.

Sudah hampir 2 tahun sejak Labuan jadi Wilayah Persekutuan tidak ada nampak sebarang apa pembangunan sepertimana yang diharapkan oleh orang-orang Labuan. Apa pembangunan yang ada di Labuan adalah dikatakan pembangunan sambungan sahaja, continuity projects yang dibawa oleh Kerajaan Negeri Sabah pada masa lampau, tetapi pada hari ini tidak ada peruntukan dan juga, Tuan Yang di-Pertua, kalau dahulu dikatakan peniaga-peniaga di pulau ini boleh dikatakan menikmati sedikit kemakmuran kerana banyak pembangunan-pembangunan industri berat seperti Sabah Gas Industry, Methanol dan sebagainya.

Sejak Labuan jadi Wilayah Persekutuan projek-projek ini telah selesai dan menurut perangkaan yang saya dapati daripada Jabatan Imigresen sebanyak 8,000 orang telah keluar dari Labuan. Ini semua pekerja-pekerja asing. Bila 8,000 orang ini telah keluar dari Labuan, tidak ada pekerjaan maka purchasing power telah berkurangan. Jadi, peniaga-peniaga telah merasakan kemerosotan dalam perniagaan mereka sehari-hari.

Saya berharap supaya apa yang dikatakan dahulu, bila Labuan jadi Wilayah Persekutuan, Labuan akan diberikan pembangunan dan kemajuan yang pesat. Kami tidaklah mahu seperti Kuala Lumpur yang penuh dengan bangunan-bangunan pencakar

langit, bukan itu dimimpikan, tetapi sekurang-kurangnya pembangunan yang dapat dinikmati memberikan peluang pekerjaan, tetapi hari ini keadaannya sudah berubah. Keadaan Labuan seperti tahun 1973 atau sebelum itu keadaan yang mana pernah dikatakan oleh orang-orang Labuan waktu itu iaitu Labuan sebagai "ghost town". Ini ialah di antara tahun 1967, kalau tidak silap saya, waktu tentera British mula berundur dari Labuan. Jadi, waktu itu lengang terus kerana tentera British berpusat di Labuan menghadapi konfrantasi dengan Indonesia waktu itu. Begitulah keadaan yang ada sekarang. Nampak orang bergerak-gerak tetapi tidak ada perniagaan yang boleh diharapkan.

Kalau dahulu orang berjual gerai-gerai makan itu satu hari boleh dapat \$3004400 kedai mamak yang jual murtabak, kedai makan boleh dapat \$3,000, \$4,000 satu hari; tetapi hari ini sudah dapat \$200. Jual gerai-gerai itu pun \$30 sahaja daripada \$300, \$400 satu hari. Ini saya nyatakan di sini supaya Menteri yang berkenaan mengambil berat tentang soal Labuan dalam Wilayah Persekutuan. Ini yang ditanya-tanyakan oleh orang Labuan, mana sejak Labuan jadi Wilayah Persekutuan.

Juga, Tuan Yang di-Pertua, bila Labuan dijadikan Wilayah Persekutuan ialah dengan tujuan apa yang dikatakan untuk melaksanakan dan mempercepat integrasi nasional.

Tetapi keadaan integrasi nasional yang diharapkan sekarang ini dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, hanya integrasi nasional "one-way street". Jadi di mana wujudnya integrasi nasional? Sedangkan operator-operator teleton dibawa juga orang dari Semenanjung Malaysia; typist pun di bawa orang dari sini. Tetapi 30 tahun dahulu orang Labuan mentadbir Labuan sendiri dan tidak bawa orang dari mana-mana tempat. Tetapi, mana integrasi ini? Kenapa semua jawatan

Ketua-ketua Jabatan diambil alih oleh orang-orang Semenanjung? Kemudian pegawai-pegawai tempatan minta tukar balik ke negeri Sabah. Jadi mana integrasi? Ini sudah tidak sampai maksud integrasi yang sebenarnya. Kalau patut integrasi pegawai-pegawai dari Labuan itu tadi hendak dibawa bekerja di dalam Kementerian Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur. Ini baru dikatakan integrasi, kerana dapat tukar-tukar. Jadi mereka dapat memahami keadaan Kuala Lumpur, dapat memupuk semangat persaudaraan, dan berkahwin dengan orang Kuala Lumpur. Ada orang "signal" saya katakan "kahwin".

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya mohon kepada Yang Berhormat bagi meringkaskan ucapan.

**Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:**

Ya, saya akan ringkaskan. Ini sahaja dan saya akan habiskan dengan cerita kahwin ini—saya ringkaskan sedikit.

Jadi itu, baru ada integrasi. Kalau beginilah integrasinya "one-way street" sahaja, jadi kahwin itu di sana sahaja, tidak kahwin di sini. Jadi inilah, Tuan Yang di-Pertua, saya harap akan diambil perhatian dalam kedudukan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan. Saya percaya Labuan dalam Wilayah Persekutuan ini adalah atas usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang ingin melihat Labuan ini dijadikan salah satu daripada wilayah yang dimimpi-mimpikan oleh beliau akan mencapai satu kemajuan. Mungkin beliau ada mempunyai maksud-maksud yang tertentu untuk melihat Labuan itu maju dan menjadi sebagai satu wilayah dalam Malaysia Timur, untuk dijadikan sebagai satu pengkalan dan sebagainya, untuk mewujudkan integrasi itu dari Labuan dan sebagainya. Tetapi hari ini keadaannya sudah berlainan. Jadi sebelum ini berpanjangan, saya minta dapat diatasi, dapat dikaji semula bagaimana cara yang lebih sesuai dan lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir saya tidak akan berpanjang lebar dalam soal ini kerana maksudnya sudah hampir sampai. Jadi saya fikir begitu sahajalah hujah-hujah yang dapat saya sampaikan di dalam Dewan yang mulia ini agar Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bagi tahun 1986 ini dapat dibelanjakan bagi pengurusan Kerajaan dan pembangunan yang diharapkan oleh rakyat.

Akhir sekali, saya ucapkan terima kasih dan menyokong Belanjawan tahun 1986.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kalau pebahasan tidak habis pada hari ini, kita boleh sambung pada hari Isnin nanti. Sekarang saya persilakan Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim untuk berucap.

#### 5.42ptg.

**Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mohon izin untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang yang dinamakan Akta Perbekalan, 1986.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya saya berpendapat bahawa peruntukan yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini pada 9hb Disember yang lalu adalah berpatutan dan selaras dengan sikap Kerajaan yang sentiasa berusaha untuk berjimat cermat di dalam segala perbelanjaan Kerajaan. Kerajaan juga patut diberi pujian kerana usaha tersebut adalah selaras dengan konsep penerapan nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran.

Tidaklah dapat dinafikan bahawa sememangnya Agama Islam sentiasa menggesa umatnya berjimat cennat dan sederhana di dalam sebarang

bentuk kehidupan baik mengenai tingkah laku dan amalan bahkan juga mengenai cara kehidupannya.

Walau bagaimanapun, saya ingin menyentuh beberapa perkara berkaitan dengan peruntukan tersebut. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa tidak mengizinkan—iaitu saya diberitahu kita boleh berucap selama 20 minit sahaja pada hari ini—maka saya hanya akan menyentuh perkara-perkara yang belum dikemukakan di dalam Dewan yang mulia ini oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam perbahasan Rang Undang-undang ini.

Perkara yang pertama yang ingin saya menyentuh ialah mengenai peruntukan bagi Kementerian Pertahanan di bawah Maksud B. 25.

Saya berpendapat peruntukan sebanyak \$2,600 juta ini adalah tidak mencukupi kerana dari jumlah tersebut hanya \$216 juta sahaja yang diperuntukkan sebagai perbelanjaan Pembangunan.

Saya dimaklumkan bahawa peruntukan perbelanjaan Pembangunan ini adalah termasuk perbelanjaan bagi membina rumah-rumah kelamin dan rumah-rumah kediaman anggota-anggota Angkatan Tentera kita.

Saya dimaklumkan bahawa wang yang diperlukan untuk projek perumahan ini adalah melebihi \$3,000 juta. Jadi, nyatalah wang yang diperuntukkan ini sangat-sangat berkurangan.

Walau bagaimanapun, saya amat berharap supaya Kementerian Pertahanan akan dapat memperuntukkan sebahagian besar daripada perbelanjaan Pembangunan ini untuk pembinaan rumah-rumah kelamin bagi anggota-anggota tentera kita. Dengan jalan demikian saya percaya bahawa mutu perkhidmatan Angkatan Tentera tentu sekali akan

meningkat di masa hadapan. Buat masa ini saya amat dukacita kerana terdapat pahlawan-pahlawan negara terpaksa menyewa rumah setinggan dan sebagainya untuk menempatkan keluarga mereka. Perkara yang seperti ini tidak seharusnya berlaku kerana ianya hanya mencemarkan maruah pahlawan-pahlawan negara yang kita sayangi.

Tuan Yang di-Pertua, 19hb November tahun ini adalah merupakan satu tarikh yang paling malang bagi segenap lapisan rakyat di negara ini. Peristiwa yang berlaku di Kampung Memali telah meninggalkan titik hitam di dalam sejarah perjuangan bangsa. Apa yang berlaku telah pun berlaku dan kita tidak akan dapat menghindarkannya lagi.

Bagaimanapun, sedikit sebanyak peristiwa itu telah menimbulkan kesedaran bahawa kita perlu menyiapkan diri sebelum perkara yang sama berulang lagi. Oleh hal yang demikian, saya menggesa Kementerian Pertahanan supaya memperbesarkan Pasukan Simpanan Tentera Darat dengan lebih meluas lagi sehingga ke peringkat daerah dan mukim. Dengan jalan ini kita akan dapat memberi kesedaran dan melatih lebih ramai lagi pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi di tanahair kita untuk mempertahankan negara. Di samping itu kita juga akan dapat mendidik dan membimbing mereka ke jalan yang benar dan tidaklah lagi mendedahkan mereka kepada anasir-anasir yang ingin memecahbelahkan rakyat. Di samping itu, adalah menjadi harapan kita bersama bahawa mereka yang terlatih itu akan pula menjadi mata dan telinga Kerajaan pada sebilangan masa.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan Kementerian Pertahanan, saya ingin menimbulkan beberapa perkara yang bersangkutan paut dengan kebajikan bekas-bekas perajurit di tanahair.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, perlu saya menegaskan bahawa pada masa ini terdapat tidak kurang daripada 100,000 orang bekas perajurit di tanahair kita. Di antara jumlah tersebut mereka yang berpencen tidak melebihi 25% sementara bakinya 75% terdiri dari mereka yang telah menamatkan perkhidmatan mereka sebelum mencapai tempoh berpencen.

Ramai di antara mereka ini telah menceburkan diri di dalam bidang perniagaan ataupun membuat kerja sendiri bagi meneruskan kehidupan sementara itu terdapat juga ramai di antara mereka yang telah menyertai rancangan-rancangan kemajuan tanah yang dikelolakan oleh FELDA, di samping itu terdapat juga mereka yang telah diserapkan kembali di dalam berbagai-bagai jawatan dalam sektor awam. Usaha Kerajaan untuk membuka peluang dan memberi keutamaan kepada bekas-bekas perajurit untuk menyertai berbagai-bagai bidang sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi amatlah disanjung tinggi oleh bekas-bekas perajurit. Namun begitu, terdapat beberapa perkara yang telah menimbulkan banyak rungutan dan perasaan tidak puas hati di kalangan bekas-bekas perajurit.

Misalnya, baru-baru ini terdapat satu permohonan daripada salah seorang bekas perajurit untuk menyertai Rancangan Kemajuan Tanah FELDA. Permohonannya telah pun ditolak oleh pihak berkenaan dengan alasan bahawa bekas perajurit berkenaan telah gagal dalam permohonannya, oleh kerana beliau tidak menetap di dalam sesebuah negeri itu selama tidak kurang dari 5 tahun. Dalam hubungan ini saya suka menarik perhatian bahawa syarat yang telah dikenakan itu adalah satu perkara yang tidak munasabah dan tidak patut dilakukan. Ini adalah kerana ianya adalah satu perkara yang mustahil boleh dilaksanakan oleh perajurit yang sedang berkhidmat.

Kita perlu sedar bahawa perajurit-perajurit yang sedang berkhidmat tidak mengambil kira dari mana asal mereka, dari mana mereka akan berkhidmat asalkan diperintah sahaja, maka mereka akan terus memberi khidmat di mana-mana jua. Perkara ini mestilah diberi perhatian yang berat oleh Kementerian Kemajuan Tanah, dan Kemajuan Wilayah dan saya ingin membuat penggesaan di sini supaya mereka menyemak semula syarat-syarat yang telah dikenakan itu selaras dengan keutamaan pengambilan sebanyak 30% peserta-peserta Rancangan FELDA yang diperuntukkan kepada bekas-bekas Pasukan Keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan bekas-bekas perajurit yang telah diserapkan semula ke dalam berbagai jawatan di dalam sektor awam, saya ingin membuat gesaan di sini supaya Jabatan Perkhidmatan Awam melaksanakan dengan sepenuhnya segala kemudahan yang patut dinikmati oleh bekas-bekas perajurit sebagaimana yang terkandung di dalam Pekeliling Perkhidmatan Awam Bil. 4/79, lebih-lebih lagi mengenai dengan soal kemudahan bekas-bekas perajurit menikmati sehingga empat kenaikan daripada gaji permulaan mereka apabila mula berkhidmat dengan jabatan-jabatan Kerajaan. Ini adalah kerana pada masa ini terdapat ramai bilangan bekas-bekas perajurit yang terlibat belum lagi menerima kemudahan-kemudahan tersebut. Bagi pihak bekas-bekas perajurit yang sedang menceburkan diri di dalam bidang perniagaan, saya mengambil peluang ini untuk menyeru supaya Kementerian Pertahanan membuka peluang yang lebih besar kepada peniaga-peniaga bekas perajurit untuk menjalankan kontrak-kontrak sama ada kecil atau besar dengan Kementerian Pertahanan sendiri. Kontrak-kontrak tersebut antara lain, meliputi menjalankan perniagaan

kantin, membersihkan kawasan, pembinaan bangunan serta lain-lain kontrak yang mampu diusahakan oleh peniaga-peniaga daripada kalangan bekas-bekas perajurit.

Satu perkara lagi yang patut saya jelaskan di sini ialah mengenai kedudukan serta kebajikan bekas-bekas perajurit yang terdiri daripada rakyat Malaysia yang telah berkhidmat di dalam Tentera British.

Sebagaimana yang kita maklum Pasukan Tentera British yang berpangkalan di Singapura serta di beberapa tempat lain di Semenanjung Malaysia dan juga Sabah dan Sarawak telah mengambil ramai rakyat negara ini untuk berkhidmat di dalam pasukan mereka bagi mempertahankan negara ini. Bagaimanapun pasukan-pasukan tersebut telah dibubarkan di dalam tahun 1970an. Di dalam hubungan ini terdapat 700 orang bekas perajurit daripada pasukan-pasukan tersebut yang telah bersara dan menerima pensyen, sementara itu ramai juga di kalangan mereka yang tidak berpencen dan telah diserapkan semula di dalam berbagai-bagai jawatan sektor awam negara ini.

Perkara pertama, yang ingin saya timbulkan mengenai mereka ialah masalah jumlah pensyen yang sedang mereka terima. Sepanjang-sepanjang yang saya ketahui soal kebajikan tanggagaji dan sebagainya bagi mereka yang terlibat telah pun dipersetujui oleh Kerajaan Malaysia dan Kerajaan British sejak tahun 1957 lagi. Bagaimanapun setelah pasukan-pasukan tersebut dibubarkan dalam tahun 1970, mereka yang terlibat ini hanya bergantung kepada Persatuan Bekas Perajurit sahaja untuk menjaga kebajikan mereka. Perkara ini tidak sepatutnya berlaku kerana pada pandangan saya Kementerian Pertahanan seharusnya bertanggungjawab mengenai kebajikan mereka yang terlibat.

Berbalik kepada soal pencen pesara-pesara tersebut, saya ingin menjelaskan di sini bahawa bekas-bekas perajurit daripada Angkatan Tentera Malaysia yang telah bersara telah pun menikmati kenaikan pencen yang besar hasil daripada pelaksanaan dan penyelarasan tanggagaji baru pada mereka yang telah bersara pada ataupun sebelum 1-1-1975 sebagaimana yang termaktub di dalam Akta Pencen Angkatan Tentera 1972. Bagi bekas-bekas tentera British pula mereka hanya menerima kenaikan pencen sebanyak 16% sahaja dalam jangka masa yang sama, itu pun adalah hasil daripada usaha yang telah dijalankan oleh Persatuan Bekas Perajurit Malaysia yang telah menghubungi Kerajaan British.

Saya menaruh harapan bahawa sekiranya Kementerian Pertahanan menumpukan perhatian yang lebih besar dan berusaha bersungguh-sungguh untuk menjaga kebajikan bekas-bekas perajurit daripada Tentera British ini sudah pasti ianya akan memberi kesan yang tebih baik di dalam sebarang rundingan yang diadakan oleh Kementerian berkenaan dengan Kerajaan British.

Saya berharap Kementerian Pertahanan akan mengambil daya usaha untuk menyemak semula perkara ini dan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi memperbaiki keadaan yang tidak seimbang sebagaimana yang berlaku sekarang.

Saya juga berharap Kementerian Pertahanan tidak akan memberi jawapan yang serupa dengan jawapan Jabatan Perdana Menteri kepada pertanyaan saya di dalam Dewan ini pada 4hb Disember yang lalu.

Saya sebenarnya tidak mempersoalkan sama ada Kerajaan kita mempunyai kuasa atau tidak untuk menaikkan pencen mereka yang terlibat. Saya hanya ingin tahu usaha-usaha Kerajaan untuk menolong mereka yang terlibat mengatasi

masalah yang kompleks ini. Saya harap Kerajaan tidak akan menganaktirikan rakyat Malaysia yang telah berkhidmat dalam Tentera British.

Perkara yang kedua mengenai anak-anak watan yang telah berkhidmat dengan Tentera British ialah berhubung dengan tempoh perkhidmatan mereka selama berkhidmat di dalam pasukan tersebut.

Pada masa ini terdapat ramai di antara mereka yang telah berkhidmat semula dengan Kerajaan Malaysia di dalam berbagai-bagai Jabatan Sektor Awam. Adalah malang sekali bagi mereka yang terlibat oleh kerana Kerajaan Malaysia telah tidak mengiktirafkan tempoh perkhidmatan mereka di dalam pasukan tentera British itu untuk mengambil kira bagi tujuan persaraan di dalam jawatan yang baru yang mereka sandang dalam Kerajaan Malaysia. Perkara ini adalah sangat mendukacitakan kerana walaupun mereka telah memasuki tentera British tetapi mereka juga telah turut menyumbang tenaga yang besar ke arah mempertahankan negara ini semasa darurat dan konfrantasi yang melanda negara. Saya berharap perkara ini juga mestilah diberi perhatian yang sepenuhnya oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Nampaknya, Tuan Yang di-Pertua, masa saya pun sudah sampai hadnya. Saya mengucapkan terima kasih dan sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1986.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Hassan bin Nam.

*6.02 ptg.*

**Tuan Hassan bin Nam:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kerana diberi peluang untuk turut sama dengan rakan-rakan lain membahas serta menyokong Rang Undang-undang Perbekalan bagi Tahun 1986 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat



Menteri Kewangan di Dewan Rakyat pada 25hb Oktober, 1985 dan kemudian dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini pada 9hb Disember, 1985.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan Malaysia yang telah dapat menyediakan satu Belanjawan yang strategi, dinamis dan praktikal, yang mana saya anggapkan seluruh rakyat di negara ini menyambut baik. Saya percaya bahawa strategi-strategi yang dirancangan itu akan dapat sedikit-sebanyaknya memulihkan keadaan ekonomi yang meleset sekarang ini. Dengan adanya strategi-strategi ini, Tuan Yang di-Pertua, ianya akan dapat mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara di tahap yang membanggakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih dan mengalu-alukan sikap Kerajaan Barisan Nasional yang telah mengagihkan beberapa projek-projek mengikut Menteri-menteri berkenaan, dan saya tidak nampak adanya berlaku pilih kasih di dalam semua agihannya, malah agihan itu meliputi semua lapisan rakyat dengan tidak mengira asal keturunan dan suku kaum di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita harap, kita akan praktikkan kata peribahasa, "Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung". Saya akan bercakap banyak masalah orang Asli di Semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan sebanyak terima kasih kepada Kerajaan dan khususnya Kementerian Kewangan berhubung dengan pemberian peruntukan kewangan bagi tahun 1986 kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli di bawah Kementerian Dalam Negeri. Dengan jumlah peruntukan kewangan yang banyak sedikit dari Belanjawan tahun 1985 iaitu sebanyak \$32.2 juta

bagi peruntukan pengurusan dan pembangunan bagi tahun 1986 sejumlah peruntukan sebanyak ini semoga diuntukkan akan dapat melaksanakan Pembangunan sosio-ekonomi masyarakat Orang Asli pada keseluruhannya akan dipergiatkan mengikut keupayaan Jabatan. Di samping itu juga keselamatan di kawasan-kawasan pendalaman diberi perhatian yang wajar semoga dengan langkah ini dapat menyekat pergerakan anasir-anasir subversif dan anti-nasional terhadap masyarakat Orang Asli khasnya di kawasan pendalaman.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat disangkal bahawa keadaan ekonomi negara masa kini tidak mengizinkan Kerajaan berbelanja begitu banyak. Sebaliknya, Kerajaan terpaksa merombak langkah berjimat-cermat untuk mengatasi masalah ini. Sehingga bilakah kita harus meneruskan konsep ini. Begitu sukar sekali untuk diramalkan dengan tepat.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun keadaan sosio-ekonomi masyarakat Orang Asli terutama sekali di pendalaman masih lagi memerlukan perhatian yang serius dari pihak Kerajaan yang mana di bawah pengawasan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli iaitu dengan ini saya memohon dan mencadangkan supaya peruntukan Rancangan Malaysia Kelima, 1986 hingga 1990 yang akan menjelang tiba tidak berapa lama lagi yang mana peruntukan dipohonkan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli agar Kerajaan dapat memberi peruntukan yang mencukupi sebagaimana yang dipohonkan oleh jabatan berkenaan. Ini adalah untuk membolehkan semua jentera Jabatan dapat berjalan dengan lancar demi untuk memastikan segala cadangan projek yang dirancangan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli terhadap masyarakat Orang Asli dalam Rancangan Malaysia Kelima dapat diperolehi dan tidak akan terjejas. Contohnya, Rancangan Pengumpulan

Semula atau ringkasnya dipanggil RPS di kawasan pendalaman sebanyak 13 buah tempat:

Di Perak—

1. RPS Kemar, Ulu Perak,
2. RPS Dala, Ulu Perak,
3. RPS Banun, Ulu Perak,
4. RPS Legap, Kuala Kangsar.

Di Kelantan—

5. RPS Betis, Ulu Kelantan,
6. RPS Pulat, Ulu Kelantan,
7. RPS Lojing, Ulu Kelantan,
8. RPS Pasik, Ulu Kelantan.

Di Pahang—

9. RPS Betau, Kuala Lipis,
10. RPS Terisu, Cameron Highlands,
11. RPS Bukit Serok, Rompin,
12. RPS Kedaik, Rompin,
13. RPS Runcang, Pekan,

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan oleh Jabatan berkenaan bahawa Projek Rancangan Pengumpulan Semula sebanyak 13 tempat ini telah dirancangan sejak Rancangan Malaysia Keempat lagi, tetapi hanya lima sahaja yang dapat dilaksanakan dari 13 RPS yang dijadualkan dalam Rancangan Malaysia Keempat. Ini adalah disebabkan beberapa masalah yang di luar dugaan dan termasuklah masalah peruntukan kewangan Rancangan Malaysia Keempat kurang mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Kerajaan memberi peruntukan yang secukup bagi Rancangan Malaysia Kelima ini kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sebagaimana yang dipohon, maka diharapkan semoga pihak Jabatan berkenaan akan dapat melaksanakan segala projek-projek yang ditangguhkan dalam Rancangan Malaysia Keempat supaya pencapaian matlamat untuk meninggikan taraf sosio-ekonomi masyarakat Orang Asli di tempat

berkenaan akan dapat memberi manfaat kepada mereka. Adalah difahamkan bahawa sejak beberapa tahun dahulu lagi di setengah-setengah projek yang telah dirancangan itu masyarakat Orang Asli telah tertunggu-tunggu untuk menjadi suatu kenyataan kepada mereka. Begitu juga diharapkan dengan adanya peruntukan ini dapat kiranya Jabatan Hal Ehwal Orang Asli melaksanakan semua projek iaitu selain dari RPS, sebagaimana yang dirancangan. Dalam keadaan ini adalah wajar bagi pihak Jabatan memberi perhatian juga kepada pembangunan perkampungan yang berhampiran bandar dan diharap mereka itu dapat menikmati kemajuan sosio-ekonomi yang sama seperti masyarakat lain di kawasan sekitarnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi saya ingin menyentuh rayuan mempercepatkan kerja-kerja menggezet tanah-tanah yang dipohon oleh Jabatan untuk masyarakat Orang Asli di Semenanjung. Masalah ini kemungkin ada berkaitan tanggungjawab Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah atau sebaliknya. Di sini untuk makluman beliau iaitu saya difahamkan bahawa di setengah-setengah negeri ada terdapat tanah-tanah kawasan rizab Orang Asli yang dipohon sejak tahun 1956 sehingga sekarang masih belum lagi digezetkan.

Saya dan masyarakat Orang Asli ingin tahu keadaan sebenarnya mengapakah berlaku kelewatan dalam proses menggezetkan tanah kawasan Orang Asli. Bahkan di setengah-setengah tempat perkampungan Orang Asli, mereka telah menduduki dan mengusahakan tanah tersebut sejak datuk nenek moyang mereka. Apa yang dikhuatirkan ialah pegangan tanah pesaka ini secara warisan telah tidak diperakui oleh umum.

Kebanyakan di setengah-setengah projek pembangunan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri atau

pihak swasta di kawasan berhampiran perkampungan Orang Asli telah menimbulkan masalah sosio-ekonomi kepada Orang Asli. Dulam suasana begini telah menimbulkan rasa gelisah dan resah terhadap masa depan kehidupan mereka.

Mereka sedar bahawa ruang tanah tempat tinggal semakin sempit di kelilingi oleh pembangunan tanah yang pesat di negara ini. Tuan Yang di-Pertua, dari segi pembangunan tanah untuk meninggikan taraf hidup Orang Asli mengalami berbagai kerumitan, pihak-pihak Lembaga Kemajuan Tanah seperti RISDA tidak dapat melaksanakan projek pembangunan tanah seperti Projek Kecil Tanam Semula iaitu pada mana-mana tanah Orang Asli yang belum digezetkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang sangat diharapkan kepada pihak Kerajaan supaya membuat suatu kajian semula iaitu yang mana tanah-tanah rizab Orang Asli yang sudah digezet dan jika difikirkan mereka berkemampuan bayar segala hasil tanah, hendaklah diberi hakmilik atau geran sepertimana tanah-tanah rizab orang Melayu yang tidak boleh dijual kepada bangsa asing tetapi boleh dijadikan modal untuk mereka mendapat faedah dan keuntungan dari tanah mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri berkenaan iaitu sama ada beliau sedar atau tidak, projek FELDA pun ada yang terkena kawasan tanah Orang Asli yang sudah ada hasil tanaman getah. Contohnya, sekarang sedang berlaku di Kampung Pelawan Pos Iskandar Tasik Bera, daerah Temerloh, Pahang.

Saya difahamkan pihak FELDA telah membuat rintis dalam kawasan kebun getah seluas hampir 70 ekar dan melibatkan 14 keluarga tuan punya tanah terkena rancangan FELDA dalam kawasan tersebut. Inilah yang

saya katakan kegelisahan Orang Asli terhadap tanah mereka yang kebanyakannya banyak yang masih belum digezet lagi. Saya berharap Yang Berhormat Menteri berkenaan akan dapat mengambil perhatian di atas perkara tersebut seperti tanah-tanah mereka yang ada hasil tanaman getah itu kiranya dapat dielakkan dari terkenarancangan FELDA di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyuarakan di Dewan yang mulia ini supaya mendapat kerjasama dalam usaha membanteras kemiskinan di kalangan masyarakat Orang Asli sama ada d kawasan pinggir bandar dan luar bandar yang kebanyakannya banyak tanah mereka terbiar tanpa hasil yang memuaskan. Ini adalah menjadi satu harapan saya supaya tanah-tanah yang didapati tidak mendatangkan pulangan hasil yang tinggi perlulah diadakan suatu pemulihan ke atas tanah itu dengan kerjasama yang bersepadu di antara Jabatan Orang Asli dan agensi FELCRA serta RISDA amatlah dialukan.

Hal ini adalah sejajar dan sesuai dengan aktiviti cadangan pindaan Akta FELCRA iaitu Akta 22/1966 untuk memperbadankan Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara, 1966 melalui Rang Undang-undang Pindaan yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini oleh Yang Berhormat Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam, Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah pada 5hb Disember, 1985. Diharapkan akan mendapat perhatian dari Yang Berhormat Menteri berkenaan untuk mendapatkan kerjasama agensi FELCRA turut sama mengusahakan di mana terdapat tanah-tanah Orang Asli yang terbiar, mudah-mudahan melalui kerjasama ini akan dapat meninggikan taraf hidup mereka.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Kementerian Dalam Negeri. saya berharap Kerajaan akan dapat

menyemak semula serta meningkatkan taraf dan imbuhan elaun tahunan ketua-ketua kampung Orang Asli supaya Kerajaan dapat samakan tarafnya dengan elaun ketua kampung di luar. Sekarang ketua-ketua kampung Orang Asli ini hanya menerima elaun di antara \$200-5250 setahun, ini bukan sebulan tetapi setahun. Manakala elaun tahunan ketua-ketua kampung di luar, masyarakat lain di antara \$1,200-\$1,400 setahun dan dikira mengikut Gred A, B, C.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian pihak yang berkenaan untuk mempertingkatkan sistem pentadbiran kampung-kampung Orang Asli di bawah pengawasan ketua-ketua kampung atau biasa dipanggil "batin" dan tok penghulu. Tugas "batin" atau ketua kampung dewasa ini melibatkan pengawasan keamanan kampung, adat resam masyarakat termasuklah nikah kahwin dan cerai berai.

Dengan ini saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan dapat mengadakan latihan atau kursus kepada ketua-ketua kampung tersebut. Ini bertujuan untuk mengorientasikan sistem atau cara pentadbiran tradisional supaya selaras dengan undang-undang negara. Mereka juga perlu dilatih supaya dapat mengendalikan kampung-kampung melalui Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) sepertimana yang terdapat di kampung-kampung jiran mereka dan selaras dengan peningkatan tanggungjawab mereka, imbuhan elaun mereka juga perlu dipertingkatkan sebagaimana yang saya sebutkan tadi dan kenaikan elaun ketua kampung itu perlu dibuat sebab memandangkan tugas dan tanggungjawab ketua-ketua kampung sebagai orang perantaraan antara Kerajaan dan orang-orang kampung adalah luas.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin menarik perhatian Kementerian Pelajaran. Saya harap supaya pihak Kementerian Pelajaran dapat membantu Jabatan Orang Asli untuk melatih Pembantu-pembantu Luar, Bahagian Pelajaran, Jabatan Orang Asli dan seterusnya supaya dapat pengiktirafan sebagai seorang guru terlatih/bertauliah, dengan izin, Trained Teachers oleh Kementerian Pelajaran yang sekarang mereka ini sebagai tenaga pengajar di sekolah-sekolah Jabatan Orang Asli di perkampungan Orang Asli di pendalaman.

Pada masa ini sekolah-sekolah Jabatan Orang Asli yang dikelolakan oleh Pembantu Luar, Bahagian Pelajaran murid-murid hanya belajar sehingga Darjah Tiga dan terpaksa menyambung Darjah Empat di sekolah-sekolah luar yang dikendalikan oleh Kementerian Pelajaran. Ini adalah untuk membolehkan mereka melanjutkan pelajaran ke Tingkatan Satu apabila tamat Darjah Enam nanti.

Saya percaya dengan adanya bantuan Kementerian Pelajaran dapat melatih Pembantu-pembantu Luar, Bahagian Pelajaran, Jabatan Orang Asli akan setanding atau setaraf dengan guru-guru sekolah-sekolah Kementerian dan berkemampuan untuk mengendalikan sekolah-sekolah Jabatan Orang Asli sehingga Darjah Enam dan membolehkan pelajar-pelajar Darjah Enam sekolah-sekolah jabatan terus ke Tingkatan Satu sekolah menengah Kementerian Pelajaran. Saya harap Kementerian Pelajaran juga akan mengambil perhatian di atas perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, tujuan Dasar Ekonomi Baru ialah untuk mengisi dan menyempurnakan kehendak rakyat

yang dhaif di luar bandar, di kampung-kampung dan di desa-desa. Saya berkata demikian kerana Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar itu masih wujud, ertinya fungsi Kementerian ini selain daripada fungsinya untuk membangun negara seluruhnya, termasuklah membangun di kawasan-kawasan luar bandar yang mana sebahagian rakyat kita masih belum dapat menikmati sepenuhnya, yang mana nasib mereka memerlukan pembelaan sewajarnya dari Kementerian yang berkenaan.

Keperluan-keperluan asas yang mereka perlukan ialah seperti jalan raya di kampung untuk membawa mereka serta mengeluarkan hasil-hasil para petani ini perlu diberikan perhatian yang berat. Dengan adanya sistem perhubungan dan pengangkutan yang agak baik, ianya akan dapat menolong petani-petani mengeluarkan hasil-hasil pertanian mereka dengan cepat dan dapat pula dipasarkan kepada para pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu keperluan-keperluan asas yang lain seperti bekalan api elektrik dan air di kawasan terpencil juga perlu dititik-beratkan agar mereka dapat mencapai hasil perjuangan mereka selama ini sama ada berbentuk politik dan sebagainya. Bekalan api elektrik dan air di kawasan pendaiaman juga akan dapat meningkatkan lagi tahap kesihatan mereka dan dengan demikian rakyat akan dapat melipatgandakan lagi daya pengeluaran, sektor pertanian dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan Anggaran Belanjawan 1986 yang mana telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan bagi pihak Kementerian Kewangan di Dewan yang mulia ini pada 9hb Disember, 1985, saya menyokong dengan sepenuhnya dan saya berharap supaya Belanjawan 1986 ini dan Belanjawan

tahun awal dalam Rancangan Malaysia Kelima yang akan tiba ini akan dapat membawa kejayaan dan mencerminkan bahawa sebagai cita-cita pemimpin-pemimpin Kerajaan Barisan Nasional kita adalah berjaya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Nen Abidah binti Abdullah.

*6.23 ptg.*

**Puan Nen Abidah btnti Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut serta bangun di Dewan ini untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1986 dan dengan ini mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan khasnya Menteri Kewangan dan seluruh pegawai-pegawainya kerana telah dapat menyediakan Belanjawan 1986 ini. Belanjawan yang merupakan satu perkara yang membahaskan masalah-masalah negara dan yang ini pula tidak membebankan rakyat walaupun dari segi falsafahnya ialah mahukan pengorbanan dari semua pihak. Sungguhpun ada anggapan dari kalangan-kalangan tertentu bahawa Belanjawan ini adalah Belanjawan pilihanraya, apa yang diharapkan supaya Menteri Kewangan yang mempunyai hemah yang tinggi sekalipun orangnya rendah mestilah tahun hadapan iaitu mengemukakan Belanjawan-belanjawan yang tidak membebankan rakyat dan negara. Saya hanya menyentuh dua, tiga perkara sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang pelajaran sungguhpun Kerajaan telah memperuntukkan perbelanjaan sebanyak \$1,257 juta, ini bertujuan untuk menampung keperluan kemudahan pelajaran yang semakin lama semakin meningkat. Terutamanya adalah ditekankan supaya dapat m nambah bilik-bilik darjah atau sekolah-sekolah yang

begitu dhaif di luar bandar. Sekiranya untuk menambah bilik-bilik yang ada di sekolah-sekolah besar sahaja tidaklah memadai dan di samping itu mestilah juga menggiatkan lagi penambahan alat-alat yang berguna bagi pelajaran anak-anak kita. Dalam Belanjawan 1986 ini hanya Kerajaan mampu mendirikan ataupun menubuhkan satu Cawangan Universiti Sains Malaysia di Ipoh dan dengan ini saya mengalu-alukan penubuhan ini dan dengan itu juga akan dapat menampung masalah kekurangan tempat bagi melatih anak-anak bangsa kita dan masalah guru-guru yang terlatih yang akan ditempatkan ke merata-rata sekolah di luar bandar dalam negara ini.

Memandangkan pertambahan bilangan murid-murid yang akan masuk sekolah adalah meningkat dengan pesat tiap-tiap tahun di seluruh negara, bilangan sekolah rendah dan sekplah menengah di bandar dan di luar bandar perlu ditambah.

Dalam peruntukan wang sejumlah itu iaitu dalam masalah pertanian, dalam peruntukan sejumlah \$1,668 juta bagi pembangunan pertanian atau tanah projek-projek seperti projek pertanian serta bantuan-bantuan baja dan benih harus juga dipertingkatkan. Sungguhpun ini bermakna iaitu bantuan baja padi serta subsidi harga-harga telah mewujudkan pemikiran subsidi yang bergantung kepada bantuan Kerajaan kepada pertanian. Sungguhpun begitu perkara tersebut haruslah diteruskan hanya dengan inilah sahaja dapat meningkatkan pengeluaran usaha-usaha mereka atau sebaliknya menarik balik segala rupa bantuan dan subsidi Kerajaan adalah menimbulkan perasaan yang tidak menyenangkan kepada mereka.

Apa yang kita harapkan supaya petani-petani dapat mengeluarkan hasil yang akan dijual di pasar-pasar tani yang diwujudkan dan dengan ini iaitu pengguna-pengguna akan dapat

menikmati atau membeli sayur-sayuran, buah-buahan, ikan-ikan dan lain-lain dengan lebih murah.

Saya sangat tertarik bati di atas satu usaha iaitu daya usaha yang telah dijalankan di Kampung Sentosa yang mengendalikan usaha tanaman sayur-sayuran dan cendawan. Tanaman cendawan sekiranya dapat diusahakan di luar bandar iaitu mungkin akan dapat mengeluarkan hasii yang lumayan kerana kita semuanya maklum bahawa iaitu kita hanya makan cendawan atau cendawan yang tumbuh di kampung selama ini kita dapat menikmatinya di musim hujan sahaja. Sekiranya usaha menanam cendawan tersebut diluaskan di kampung mungkin dapat memberi satu usaha kepada orang-orang kampung dan terlebih lagi kepada kaum-kaum wanita. Dalam masalah ini kaum wanita harus diberi peluang melibatkan diri ke peringkat teknologi yang lebih tinggi dan bukan dipengaruhi dengan nilai-nilai lama di mana kaum wanita hanya boleh membuat bunga-bunga, menjahit, memasak, mengurus rumah tangga. Dorongan dan bimbingan juga sewajarnya adalah sangat-sangat diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, bila menyebut tentang pertanian, saya menyokong peruntukan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah yang berjumlah begitu banyak bagi tahun 1986. Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah beserta agensi-agensinya pembangunan tanah dan pembangunan wilayah telah memberi sumbangan besar dalam melaksanakan hasrat Kerajaan menghapuskan kemiskinan di kalangan masyarakat di luar bandar. FELDA dan FELCRA telah memaju dan memulihkan tanah seluas 770,000 hektar atau hampir 2 juta ekar serta memberi faedah kepada 113,314 keluarga. Peranan Kementerian ini tidak dapat diragukan adalah penting untuk mencapai Dasar

Ekonomi Baru dan Dasar Pertanian Negara. Memandangkan tanah adalah faktor ekonomi yang utama selain daripada modal teknologi dan buruh. Sehingga kini Kerajaan telah berusaha bersungguh-sungguh untuk meningkatkan ekonomi penduduk luar bandar dengan melibatkan diri secara langsung dengan langkah-langkah untuk memastikan ke empat-empat faktor ekonomi tersebut dapat dinikmati secara langsung oleh kumpulan sasaran iaitu petani-petani di luar bandar.

Selain daripada Kementerian Pertanian, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah merupakan jentera utama Kerajaan untuk meningkatkan taraf ekonomi petani-petani di luar bandar.

Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah telah pun mengemukakan bahawa FELCRA akan menubuhkan Tabung Penyatuan Tanah Negara. Peruntukan berjumlah \$1 juta akan dilancarkan dalam tahun 1986. Peruntukan \$1 juta adalah kecil jika dibandingkan dengan 76.6% petani di luar bandar yang mempunyai pemegang tanah yang kurang dari 5 hektar jika didasarkan dari banci pertanian tahun 1977. Dengan kadar harga tanah yang ada sekarang, FELCRA akan hanya dapat menyatukan kira-kira 600 hektar tanah sahaja. Jumlah ini adalah tidak berapa dibandingkan dengan 1.4 juta hektar tanah yang diusahakan oleh keluarga-keluarga petani di sektor pertanian. Saya berpendapat peruntukan untuk Tabung Penyatuan Tanah ini perlu ditubuh bagi membolehkan FELCRA melaksanakan usaha-usaha penyatuan tanahnya dengan lebih berkesan lagi. Saya juga ingin mencadangkan supaya semua Undang-undang Tanah yang ada sekarang dikaji dengan teliti bagi membantu FELCRA berfungsi tanpa sebarang halangan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengarahkan supaya semua agensi-agensi Kerajaan terlibat secara langsung dalam projek-projek penyusunan semula masyarakat desa. Dalam hal ini Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah boleh menjadi penggerak utama dalam melaksanakan industri kecil, projek-projek yang seumpama ini telah pun dilaksanakan oleh agensi-agensi pembangunan tanahnya seperti FELCRA, KEDA dan RISDA. Walau bagaimanapun, satu dasar tertentu dari segi pembiayaan dan penyelarasan pembangunan harus dibuat supaya halacara baharu ini tidak akan mewujudkan beberapa dasar yang berbeza-beza di antara agensi dengan agensi yang lain atau di antara Kementerian dan Kementerian menyebabkan double standard wujud di kalangan masyarakat luar bandar. Memandangkan terdapat 3,596 kampung-kampung mundur atau 84.9% dari sejumlah 4,203 kampung di Semenanjung. Menurut banci 1978 yang dibuat oleh Unit Penyelenggaraan Pelaksanaan di Jabatan Perdana Menteri maka penyelarasan dasar adalah amat perlu sekali.

Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan halacara baharu ini Kerajaan telah pun mengarahkan supaya industri-industri kecil juga ditubuhkan di Pusat-pusat Pertubuhan yang diwujudkan. Langkah ini adalah amat baik dan saya ingin mencadangkan supaya industri-industri kecil ini diselaraskan dengan dasar industri negara yang dicadangkan, agar kesilapan kita di dalam dasar-dasar ekonomi yang lalu tidak akan berulang di mana perancangan adalah tertumpu kepada sektor tertentu tanpa mengkaji kesannya ke atas sektor yang lain, yang mengakibatkan peningkatan sektor

industri telah mendatangkan kesan kekurangan tenaga kerja di sektor pertanian.

Pengalaman Korea Selatan dalam pembangunan desa dan industri melalui projek-projek yang telah diketahui boleh dijadikan panduan dalam rangka dasar industri negara di mana aktiviti-aktiviti hiliran iaitu downstream activities dari sektor pertanian menjadi industri pemerosesan dan pembuatan sektor industry, yang demikian, bolehlah diwujudkan di luar bandar bagi Industri-industri pembuatan di bandar-bandar. Penapis angin (air filter) bagi kereta Proton Saga misalnya boleh dihasilkan oleh suri-suri rumah di desa-desa jika kilang-kilang kecil diwujudkan di pusat-pusat pertumbuhan yang ditubuhkan hasil dari penyusunan semula kampung-kampung.

Pembangunan institusi telah diberi penekanan utama dalam Dasar Pertanian Negara. Maka untuk memastikan matlamat Kerajaan tercapai pembangunan institusi di agensi-agensi Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah haruslah diberikan keutamaan. Latihan pada kakitangan dan peruntukan perjawatan yang secukupnya harus disediakan supaya masalah seperti ini tidak akan menjadi satu penghalang dalam pencapaian dasar-dasar Kerajaan. Peruntukan yang besar untuk belanja pembangunan tidak mungkin dapat dibelanjakan jika kekurangan kakitangan atau kakitangan kurang mahir terdapat di agensi-agensi tersebut untuk melaksanakan tugas-tugas dan fungsi yang telah ditetapkan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan negara adalah satu perkara yang harus diutamakan memandangkan perkembangan-perkembangan terbaharu yang berlaku di rantau ini sekarang. Projek-projek keselamatan

dan pembangunan atau KESBAN sepanjang sempadan Malaysia/Thailand harus ditingkatkan. Peruntukan Projek KESBAN ini tidak harus dipertikaikan dan pembiayaannya tidaklah boleh disamakan dengan pembiayaan pembangunan projek-projek di kawasan putih dan aman. Ini penting kerana peserta di projek-projek ini akan menjadi benteng utama dalam pertahanan negara.

Sesuai dengan hasrat integrasi nasional, FELCRA harus meningkatkan lagi usaha-usaha pembangunan pertanian di Sarawak dan di Sabah. Penglibatan ini tidak seharusnya terhad kepada projek-projek keselamatan di kawasan-kawasan RASCOM sahaja, malah projek-projek pemulihan dan penyatuan tanah serta penyusunan semula kampung juga harus dilaksanakan di kedua-dua negeri tersebut.

Saya menyentuh pula dalam masalah kesihatan iaitu yang mana peruntukan sebanyak \$191 juta telah disediakan. Selain dari kekurangan doktor, ubat-ubat, rancangan Kerajaan untuk memberi khidmat bercorak pencegahan, rawatan, kemudahan maka wad-wad bersalin perlu ditambah. Pernah didapati ibu-ibu yang mengandung apabila sampai waktu bersalin pergi ke hospital tidak ada tempat, mereka terpaksa dipercepatkan waktu persalinannya. Kalau bayi yang tidak mahu keluar, digunting, dijahit dan esok disuruh pulang, tiga hari lagi disuruh datang pula untuk membuka jahitan. Yang menanggungnya ialah wanita. Tuan Yang di-Pertua, kiranya sampai masanya wanita mogok bersalin sudah tentu hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pencapaian kepada matlamat 70 juta tidak akan berhasil. Kereta ambulance juga harus ditambah, menghantar pesakit-pesakit, terutama yang tenat supaya



dapat diberi pertolongan segera. Pernah berlaku, Tuan Yang di-Pertua, seorang pesakit yang tenat apabila hendak dihantar ke hospital yang jauh jaraknya lebih kurang 20 kilometer mati di hadapan pintu klinik oleh kerana tidak ada kereta ambulance yang membawanya ke hospital. Bukan itu sahaja, kereta jenazah juga perlu dibanyakkkan. Jangan sampai menyusahkan mayat sehingga menunggu waris mencari wang, mencari kereta jenazah untuk membawa pulang mayat tersebut ke kampung. Di masa ini banyak pula badan-badan amal yang memohon derma kepada orang ramai untuk membeli kereta-kereta jenazah yang berharga tidak kurang dari \$20,000. Ini tidaklah mudah, Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu, kita berharap kepada Kerajaan supaya dapat menyelenggara ataupun menyempurnakan kehendak-kehendak yang sebagaimana disebutkan tadi.

Menyentuh tentang cukai atas dividen dalam syarikat-syarikat saham, saya telah menerima banyak aduan daripada pemegang-pemegang saham untuk mendapatkan bayaran balik cukai yang dipotong daripada dividen-dividen daripada saham-saham yang dimilikinya. Kerap kali pemegang-pemegang saham telah menulis surat kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri dengan peringatan berkali-kali untuk mengambil tindakan membayar balik cukai tersebut seperti orang minta sedekah dari semasa ke semasa. Tetapi Jabatan tersebut tidak ambil endah sedikit pun atau memberi jawapan atas permohonan-permohonan itu. Saya tidak tahu ataupun setengah pelabur telah menunggu hampir 3 tahun untuk mendapatkan bayaran baliknya tetapi kalau kita sendiri yang berhutang kepada pihak cukai, sampai di lubang cacing pun dia ikut.

Kerajaan sentiasa melaung-laung dan menggalakkan supaya rakyat terutama sekali bumiputera yang berpendapatan rendah menanam

modal di dalam saham dan lain-lain syarikat untuk menambahkan pendapatan dan kehidupan mereka dan jika bayaran balik cukai tersebut sengaja dilewat-lewatkan, saya percaya kebanyakan pelabur-pelabur akan merasa putus asa atas pelaburannya dan juga ada yang bercadang menjual balik saham-saham mereka daripada mengalami kesulitan menunggu bayaran balik cukai yang hak bagi mereka. Bertahun-tahun, kadangkala pelabur-pelabur meninggal dunia belum menikmati wang haknya dan sukar pula waris-warisnya menuntut balik wang itu. Jika sekiranya disegerakan bayaran balik cukai tersebut, wang itu akan dapat faedah jika dimasukkan ke dalam Bank Simpanan Nasional pula.

Untuk mengurangkan kesulitan yang didapati oleh kebanyakan pelabur-pelabur, saya mencadangkan 2 usul untuk pilihan Dewan ini, iaitu, yang pertama: Undang-undang Cukai Pendapatan, 1967 iaitu telah 18 tahun lamanya ditambah atau dipinda selaras dengan pindaan Akta Pengambilan Tanah, 1983 supaya menyenangkan pelabur-pelabur mendapat balik cukai yang dipotong daripada dividen-dividen mereka dalam tempoh yang tertentu. Jika tidak, mereka akan diberi faedah oleh Kerajaan selepas tempoh tersebut.

Cadangan yang kedua ialah pengecualian daripada cukai atas dividen-dividen yang tidak melebihi \$5,000 supaya pelabur-pelabur dapat menerima dividen-dividen masing-masing dengan sepenuhnya dan secepatnya dengan tiada potongan daripada cukai dan dengan tidak minta sedekah atau menyembah-nyembah Jabatan Hasil Dalam Negeri berkali-kali ataupun bertahun-tahun.

Cadangan ini ialah selaras dengan pengecualian yang diberi kepada dividen-dividen dajam Amanah Saham Nasional. Cadangan ini dapat menarik pelabur-pelabur baru menanam

modalnya dalam saham-saham dan pelabur-pelabur yang asal itu akan menambahkan modalnya dan saham-sahamnya dalam lain-lain syarikat dan tidak akan menjualkan balik saham-sahamnya kerana kesulitan tersebut. Saya percaya cadangan cukai ini tidak akan memberi banyak beban kepada Kerajaan kerana pendapatan pelabur-pelabur kebanyakannya itu tidak melebihi \$5,000 bagi perseorangan dan \$7,000 setahun bagi yang beristeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan segala sukacitanya menyokong Rang Undang-Undang ini dan diucapkan terima kasih. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif.

6.44 ptg.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun bersama-sama dengan rakan-rakan saya mengambil bahagian membahar satu Rang Undang-undang yang dinamakan Rang Undang-undang Perbekalan, 1986. Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan atas sikap berani dapat membentangkan anggaran Belanjawan bagi tahun 1986 begitu baik.

Tuan Yang di-Pertua, pada saya Belanjawan ini bukan sahaja mencerminkan kesungguhan Kerajaan Barisan Nasional hendak membasmikan kemiskinan penduduk-penduduk luar bandar dan menaikkan taraf ekonomi rakyat dalam bandar dengan perancangan dan pembangunan di semua peringkat, tetapi juga bertujuan mengatasi masalah-masalah kemelesetan ekonomi negara. Sesungguhnya seluruh rakyat dalam negara ini menyambut baik dan menerima dengan senang hati tanpa gelisah dengan anggaran Belanjawan bagi tahun 1986 yang dibentangkan oleh Kerajaan walaupun ada segelintir manusia yang berhati batu yang suka

menghasut rakyat dalam ceramah-ceramah anjuran mereka yang menyatakan bahawa Belanjawan tahun 1986 ini yang dibentangkan di dalam Dewan Rakyat baru-baru ini adalah membebaskan rakyat. Apa yang dikatakan oleh mereka "membebankan rakyat" itu tidak pula diterangkan kepada rakyat dengan sejelas-jelasnya.

Kita sedar dan faham kenapa golongan ini bersikap demikian, kerana kerja memutar-belitkan kenyataan yang sebenar, kerja menghasut, membuat fitnah dan lain-lain adalah menjadi amalan dan pegang mereka. Mereka ketepikan kenyataan kesungguhan Kerajaan Barisan Nasional hendak membela nasib golongan yang berpendapatan rendah tanpa mengira kaum tetapi demi kepentingan politik mereka, mereka sanggup melakukan apa sahaja, bahkan mereka sanggup menghapuskan hak keistimewaan bangsanya sendiri asalkan tujuan politik mereka tercapai. Sikap mereka yang tidak mahu menerima kenyataan kesungguhan Kerajaan Barisan Nasional untuk membangunkan negara ini dan membantu golongan miskin haruslah mendapat kutukan daripada setiap lapisan rakyat dalam negaraini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh beberapa perkara di dalam Dewan yang mulia ini. Kesihatan rakyat sesebuah negara amat perlu. Begitu jugalah dengan negara kita di mana Kerajaan telah memperuntukkan wang sejumlah \$161 juta untuk membina klinik-klinik desa dan hospital baru bagi menjamin rakyat negara ini sentiasa di dalam keadaan sihat.

Saya ingin menarik perhatian Kementerian Kesihatan bahawa keadaan hospital-hospital daerah selain daripada bangunannya yang tidak selesa tetapi yang pentingnya kekurangan kelengkapan perubatan

dan kekurangan para doktor terutama sekali pakar-pakar perubatan. Kita sering mendengar sungutan-sungutan rakyat tentang kesukaran mendapat rawatan yang sepatutnya disebabkan kekurangan yang saya sebutkan tadi. Oleh kerana kekurangan tersebut, pihak hospital biasanya merujuk pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan rapi ke hospital-hospital lain yang jauh daripada tempat tinggal pesakit dan jika perlu mendapat rawatan pakar, pesakit-pesakit tersebut dirujuk ke General Hospital Kuala Lumpur atau University Hospital yang mempunyai kelengkapan yang cukup dan mempunyai pakar perubatan yang tertentu untuk mendapatkan rawatan lanjut.

Tuan Yang di-Pertua, kepada orang yang mampu untuk mendapat rawatan di Kuala Lumpur tiadalah menjadi masalah, tetapi kepada rakyat yang berpendapatan rendah dan miskin sudah pasti mereka tidak mampu untuk mendapat rawatan yang lebih baik di hospital-hospital yang terdapat di Kuala Lumpur. Ada setengah-setengah daripada mereka untuk mendapat rawatan yang lebih sempurna bergadai bergolok untuk mendapatkan wang bagi perbelanjaan scmasa mereka berada di Kuala Lumpur. Kepada orang-orang yang tidak mempunyai apa-apa yang hendak digadaikan, sudah barang tentu keupayaan mereka pergi ke Kuala Lumpur tidak dapat dilaksanakan.

Untuk mengatasi masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya pihak Kementerian Kesihatan melengkapkan dengan kelengkapan perubatan yang sepatutnya dan kekurangan para doktor di hospital-hospital daerah hendaklah diisikan dengan segera. Begitu juga dengan hospital-hospital Negeri, pihak Kementerian hendaklah melengkapkan dengan alat-alat perubatan yang moden dan mengadakan pakar-pakar perubatan

sejajar dengan kemudahan-kemudahan yang terdapat di General Hospital Kuala Lumpur atau di Universiti Hospital, Petaling Jaya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya kelengkapan-kelengkapan dan pakar-pakar perubatan di hospital-hospital Negeri, akan memudahkan rakyat mendapatkan rawatan yang sempurna tanpa pergi ke Kuala Lumpur terutama sekali rakyat miskin yang ramai bilangannya terdiri daripada penduduk di luar bandar.

Seperkara lagi yang saya ingin menarik perhatian Kementerian Kesihatan bahawa keadaan di Hospital Kuantan amatlah menyedihkan kerana bukan sahaja kekurangan kelengkapan perubatan tetapi juga kekurangan doktor.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah penduduk Kuantan sekarang ini tidak kurang daripada 170,000 orang dan berbanding dengan katil-katil yang ada di hospital tersebut, hanyalah ada 453 katil, yakni 37 katil—kelas 1, 65 katil—kelas 2 dan 351 katil—kelas 3 termasuk wad kanak-kanak dan wad bersalin. Ada kalanya pesakit yang layak dimasukkan ke kelas 1 atau kelas 2 terpaksa dimasukkan ke kelas 3 sementara menunggu kekosongan katil di kelas-kelas yang berkenaan, kadangkala memakan masa hingga tiga atau empat hari dan ada kalanya pesakit-pesakit yang perlu mendapat rawatan lanjutan di antara dua atau tiga hari lagi di hospital, maka terpaksa dikeluarkan kerana menampung pesakit-pesakit baru masuk. Keadaan di kelas 3 pula penuh sesak dengan katil-katil pesakit sehingga tidak ada ruang kerana ditambah dengan katil karwas untuk menampung pesakit-pesakit yang begitu ramai. Begitu juga dengan wad bersalin, ada kalanya ditambah katil karwas sehingga ke dekat tangga dan landas kerana wad bersalin juga digunakan untuk pesakit-pesakit puan.

Saya berharap pihak Kementerian Kesihatan hendaklah mengambil tindakan segera bagi mengatasi masalah semasa di Hospital Kuantan sementara menunggu pembinaan hospital baru. Hospital baru Kuantan pula telah dirancang pembinaannya semenjak tahun 60an lagi oleh Kementerian Kesihatan, tetapi sehingga hari ini hanya pertapak sahaja yang nampak dilihat. Yang sedihnya, ada pula suara-suara sumbang berbunyi di dalam sidang Dewan Rakyat baru-baru ini kononnya pembinaan hospital baru Kuantan dengan jumlah penduduk 170,000 orang itu tidak perlu dan membazirkan wang negara. Sebenarnya suara sumbang itu tidak mengetahui keadaan sebenarnya di Hospital Kuantan. Sebenarnya Hospital Kuantan bukan sahaja menampung penduduk-penduduk Kuantan tetapi juga menampung pesakit-pesakit dari daerah-daerah lain di dalam negeri Pahang, termasuk pesakit-pesakit dari daerah Kemaman, Terengganu. Saya berharap kepada Menteri yang berkenaan supaya hospital baru Kuantan ini dapat didirikan dengan seberapa segera.

Pada saya, mendirikan sebuah hospital, sama ada hospital besar atau hospital kecil, sangatlah mustahak dan tidak pula membazirkan wang negara kerana pembinaan tersebut adalah bagi kepentingan rakyat jelata untuk mendapatkan rawatan yang sepatutnya.

Beralih saya kepada Kementerian Pelajaran, Tuan Yang di-Pertua, sejumlah \$1.257 juta telah diperuntukkan bagi menyambung bilik darjah sekolah rendah dan sekolah menengah. Saya juga, sebagaimana rakan-rakan saya yang terdahulu daripada saya, ingin menekankan supaya Kementerian Pelajaran mengambil perhatian yang berat terhadap sekolah-sekolah rendah dan sekolah-sekolah menengah di luar

bandar kerana didapati keadaan bilik darjah sama ada di sekolah rendah atau sekolah menengah di luar bandar amatlah menyedihkan. Kita dapati bahawa di dalam satu kelas telah diisi dengan anak murid seramai di antara 40 hingga 50 orang pada satu kelas. Selain daripada itu, Kementerian juga harus memikirkan keluasan bilik darjah yang akan dibina itu dan biarlah luas kawasannya sesuai dengan kehendak KBSR yang memerlukan ruangan yang luas untuk mengisi alat-alat yang diperlukan, tidak sebagaimana terdapat bilik-bilik darjah yang ada sekarang terlalu kecil. Selain daripada itu, kelengkapan-kelengkapan sekolah di luar bandar juga perlulah diambil berat dan perlulah ditambah secukup-cukupnya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kekurangan guru di luar-luar bandar amat ketara sekali. Satu daripada sebabnya ialah kerana ketiadaan rumah-rumah guru di luar bandar. Guru-guru menghadapi masalah tentang mendapatkan rumah sewa di luar bandar kerana orang-orang kampung tidak menyediakan rumah-rumah untuk disewa kepada guru-guru. Dengan sebab itu mereka terpaksa menyewa sama ada di bandar-bandar atau menumpang di rumah kawan-kawan di kampung. Jika sekiranya mereka ini menyewa di bandar-bandar, maka sudah barang tentu mereka tidak dapat menumpukan perhatian ke sekolah dengan sepenuh-penuhnya oleh kerana jarak tempat tinggal dengan sekolah tempat mereka mengajar adalah lebih kurang 30-40 batu. Dengan sebab itu saya mencadangkan supaya pihak Kementerian Pelajaran bukan sahaja hendak membuat bilik-bilik darjah atau menambah bilik-bilik darjah di sekolah-sekolah rendah dan menengah, saya juga berharap supaya pihak Kementerian Pelajaran mengambil berat untuk mendirikan rumah-rumah guru di luar-luar bandar.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha Kerajaan hendak menerapkan nilai-nilai Islam, saya dapati bahawasanya perierapan nilai-nilai Islam ini haruslah bermula daripada sekolah. Saya mencadangkan supaya pihak Kementerian Pelajaran memulakan penerapan nilai-nilai Islam ini melalui mata pelajaran-mata pelajaran tertentu. Saya berharap juga supaya pihak Kementerian Pelajaran hendaklah mendirikan sebuah Kolej Islam bagi penuntut-penuntut mengambil Diploma dalam berbagai-bagai bidang profesion dan teknikal berorientasikan keislaman bagi menuju matlamat penerapan nilai-nilai Islam. Melalui sekolah juga Kementerian Pelajaran haruslah memainkan peranan melalui bidang-bidang pelajaran untuk menguatkan perpaduan kaum di masa-masa akan

datang. Untuk mencapai matlamat ini, saya mengesyorkan supaya Kementerian Pelajaran melaksanakan rancangan integrasi sekolah dengan tegasnya supaya matlamat perpaduan kebangsaan dapat tercapai.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh menyambung sedikit pada hari Isnin.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif:** Ya, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya tangguhkan Dewan ini sehingga jam 2.30 petang hari Isnin, 16hb Disember, 1985.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.*